

DN.13.12.2000

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 13 Disember 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Y.B. Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor.
2. Tuan Yew Tuan Chiew.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berapakah jumlah pesanan Proton Waja yang telah dibuat oleh orang ramai setakat ini dari segi jumlah unit dan harganya dan apakah pesanan itu telah dapat dipenuhi mengikut jadual.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan dua soalan lain yang juga dibangkitkan oleh Yang

Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin pada hari ini dan soalan daripada Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim pada 19 Disember 2000 kerana isunya adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, tempahan bagi Proton Waja telah diterima sejak bulan September 2000 sehingga penghujung bulan Disember 2000 sejumlah 29,484 tempahan telah diterima melalui Syarikat Edaran Automobol Nasional Berhad (EON) dan juga usahasama Proton DRB-USPD, iaitu syarikat-syarikat pengedar kereta nasional ini. Dalam tempoh yang sama 8,688 buah kereta Proton Waja telah pun diedarkan. Dengan jumlah pesanan yang memberangsangkan ini Proton telah berusaha untuk meningkatkan pengeluaran sebanyak 5,000 unit sebulan untuk memenuhi permintaan secepat yang mungkin. Harga seunit Proton Waja termasuk aksesori wajib ialah RM58,582 untuk model kapasiti 1.6 manual, dengan izin, dan juga RM62,460 untuk model 1.6 automatik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai persediaan untuk mendapat cabaran daripada pengurangan cukai import, Proton sedang mempergiatkan keupayaan kejuruteraan dan teknologi dengan memperolehi syarikat kejuruteraan teknologi automatif terkenal seperti Lotus International Ltd. United Kingdom dan juga Michigan Automatif Research di Amerika Syarikat untuk mereka bentuk membuat komponen utamanya sendiri seperti enjin dan sistem transmisi, meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan, mengurangkan kos pengeluaran dan mempelbagaikan pasaran eksportnya.

Langkah-langkah bagi mengurangkan kos pengeluaran juga dibuat dengan mempelbagaikan sumber komponen (multi-sourcing). Di samping itu, Proton telah menjalankan rancangan pembuatan komponen tempatan yang dapat mengurangkan kos pengeluaran Proton bagi jangka masa panjang. Ke arah Proton telah melakukan pelaburan yang besar bagi pusat R&D sejak tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Proton mempunyai lebih daripada 200 pembekal komponen tempatan dengan menggunakan sistem modular Proton telah berjaya melahirkan 20 syarikat pembekal komponen tahap satu yang bertanggungjawab untuk mereka bentuk membuat prototaip menguji dan memperolehi subkomponen yang diperlukan.

Bagi membentuk pembekal komponen yang lebih berdaya saing, Proton juga bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) untuk mengenal pasti dan membantu vendor-vendor berkaitan. Di antara program yang dijalankan ialah menggalakkan pihak vendor untuk mendapatkan pasaran eksport di luar ASEAN melalui program pembekalan global. Dari segi pasaran Proton juga melaksanakan kajian bagi mempertahankan pasaran sedia ada menembusi serta mempelbagaikan pasaran eksport baru terutama sekali di pasaran Timur Tengah. Setakat ini Proton telah berjaya mengeksport keretanya kepada lebih 17 buah negara di seluruh negara. Kerajaan berpendapat dengan langkah-langkah yang diambil oleh Proton sekarang dibantu dengan masa tambahan penangguhan pelaksanaan AFTA, Proton akan berjaya menghadapi cabaran-cabaran berikutan liberalisasi perdagangan di kalangan negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesan-kesan globalisasi pada umumnya ianya membawa kebaikan terutamanya dari segi perdagangan dan perindustrian. Sungguhpun pasaran dalam negara mungkin kecil, perdagangan global Malaysia adalah besar, dalam tahun 1999 Malaysia merupakan negara pengeksport ke-17 terbesar di dunia. Pasaran dunia ini adalah penting untuk memastikan keluaran negara dapat dipasarkan dan ini seterusnya menyumbang terhadap kemakmuran ekonomi negara. Sungguhpun demikian, kerajaan sentiasa peka terhadap kemungkinan kesan negatif daripada globalisasi. Sehubungan dengan ini, kerajaan akan memastikan bahawa sebarang peraturan pelbagai hala dan serantau yang dirundingkan mengambil kira kepentingan ekonomi negara.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita menginsafi perlunya penglibatan Malaysia dari segi pengeluaran kereta-kereta ini dipertingkatkan kerana saingan dari segi dunia terutama sekali dengan wujudnya globalisasi. Soalan saya, sejauh mana Proton bersedia selain daripada mewujudkan penyelidikan, komponen dan sebagainya dari segi volume, dari segi jumlah, kerana trend dunia sekarang kebanyakan syarikat pengeluaran kereta ini bergabung dan mengeluarkan dari segi skala ekonomi yang tinggi hasilnya. Contoh, Nissan mengeluarkan 2.3 juta setahun; Renault - 2 juta; Daimler Chrysler yang bergabung - 4.9 juta. Jadi, kalau sekiranya Proton hendak mengambil bahagian dalam

pasaran dunia, apabila AFTA ataupun kawasan perdagangan ASEAN dibuka dan globalisasi, berapa banyak kereta yang dijadual akan dikeluarkan oleh Proton kerana hendak bersaing dengan kereta-kereta antarabangsa ini dan kalau tak mampu berbuat demikian secara bersendirian, adakah Proton bercadang untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa supaya dari segi input capitalnya dapat dipertingkatkan untuk meningkatkan hasil pengeluaran.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, Proton perlu mencapai pengeluaran sebanyak 350,000 unit setahun sebagai satu skala ekonomi (economic of scale) untuk kita menjadi comparative. Buat masa ini Proton hanya mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 230,000 unit setahun. Bagaimana memang menjadi hasrat untuk pengusaha automobil tempatan untuk mempelbagaikan dan memperbesarkan lagi pasaran tempatan kereta Proton sama ada di pasaran tempatan atau di pasaran luar negeri. Proton sedia membincangkan dengan mana-mana pihak daripada syarikat automobil antarabangsa yang ada cadangan untuk kerja usaha sama yang mana kita dapat usaha sama yang synergy yang akan memanfaatkan kedua-dua pihak. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah kerajaan menyatakan selepas AFTA nanti Proton boleh bersaing dan bolehkah kerajaan menyatakan apa telah jadi dengan cadangan usaha sama Proton dengan kerajaan di Filipina dahulu yang diumumkan.

Datuk Fu Ah Kiow: Bahagian kedua.

Datuk Haji Karim Ghani: Bolehkah kerajaan menyatakan apakah Proton boleh bersaing selepas pelaksanaan AFTA dan apakah telah jadi dengan usaha sama mengeluarkan Proton di Filipina.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah meminta supaya penangguhan pembukaan pasaran automobil di Malaysia ditangguhkan dua tahun sehingga tahun 2005. Ini adalah selaras dengan protokol di bawah skim CEPT di bawah skim perjanjian AFTA dan permohonan tersebut telah pun dipersetujui oleh semua ketua negeri ASEAN. Ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat AEM baru-baru ini di Singapura. Kita yakin sebenarnya pihak Proton sedar betapa pentingnya untuk mempertingkatkan daya saing untuk bersaing dalam pasaran AFTA menjelang tahun

2005, maka Proton telah mengambil langkah-langkah seperti tadi saya telah sebut dalam jawapan saya. Kita yakin kalau semua langkah yang telah dirancang terlaksana bahawa Proton akan berdaya saing pada 2005. Mengenai projek cadangan usaha sama dengan Filipina buat masa kini tidak ada apa-apa perkembangan.

2. **Tuan Haji Gapar bin Gurrohu** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian terhadap kemerosotan mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah khususnya di sekolah rendah dan menengah luar bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Gapar. Tuan Yang di-Pertua, terdapat tiga soalan yang berkaitan dengan tahap penguasaan dan kelulusan Bahasa Inggeris di kalangan murid-murid di sekolah rendah dan menengah luar bandar. Soalan-soalan tersebut adalah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut. Pertama sekali Tuan Haji Gapar bin Gurrohu, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany pada 14 dan 12 Disember 2000, Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli juga pada 14 Disember 2000. Dengan itu saya mohon keizinan untuk menjawab semua soalan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah mengambil pelbagai langkah proaktif untuk mempertingkatkan tahap penguasaan dan kelulusan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di luar bandar. Selain dari pemantauan pendedahan kepada strategi-strategi dan metodologi baru kepada guru-guru melalui kursus dalam perkhidmatan sama ada dalam jangka masa panjang atau masa pendek serta mengadakan juga penyemakan semula kurikulum dengan mengambil kira unsur-unsur pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan.

Pelbagai program dan aktiviti juga telah dilaksanakan untuk meningkatkan prestasi Bahasa Inggeris. Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan ialah aktiviti bacaan sama ada secara berkumpulan atau individu; menggunakan bahan teks yang dipilih melalui aktiviti seperti *choral reading* dan *story telling*; juga menggunakan aktiviti-aktiviti drama dan sketsa; memberi pendedahan pelajar

berinteraksi di dalam Bahasa Inggeris; memperuntukkan masa dalam perhimpunan mingguan yang dikendalikan dalam Inggeris dan juga projek bacaan secara meluas yang dikenali sebagai drop everything and read (DEAR)

Di samping itu, sekolah-sekolah juga menjalankan inisiatif bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris melalui aktiviti-aktiviti seperti Minggu Bahasa Inggeris dan Pertandingan Bercerita serta berpidato.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dalam pada itu Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk mencari cara-cara lain yang baru bagi mengatasi kelemahan supaya pelajaran dan pendidikan bahasa Inggeris dapat diperbaiki. Misalnya usaha dari Petaling Jaya Rotary Club dalam usaha memperbaiki pengajaran bahasa Inggeris sangat digalakkan. Cara dan metodologi mereka juga kita boleh perhalusi dan akan dilaksanakan di sekolah-sekolah kita nanti. Contoh ini telah dibuat semalam iaitu dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai, Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan ataupun juga sebagai Ahli Parlimen bagi Petaling Jaya Selatan.

Dengan lain perkataan Kementerian Pendidikan sedia membuka pintu bagi semua pihak untuk membantu kementerian ini dalam usaha memperbaiki taraf pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris untuk anak-anak kita di Malaysia. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apa-apa bahasa pun memerlukan praktikal termasuk bahasa Inggeris. Adakah pihak kementerian dapat memastikan tahap *practicality* direalisasikan sepenuhnya oleh guru-guru bahasa Inggeris di semua peringkat. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas pandangan yang baik ini. Memanglah usaha kita berterusan daripada sekolah hinggalah anak ini masuk ke maktab perguruan. Umpamanya, bila saya memberitahu tadi ada program *story telling*, *choral reading* dan sebagainya adalah satu cara di mana murid-murid ini bersama dengan guru-gurunya akan berinteraksi di antara satu sama lain. Dalam pada masa itu mereka akan menggunakan bahasa Inggeris.

Demikian juga dengan rancangan yang diadakan oleh Rotary Club, Petaling

Jaya yang mungkin satu program yang berkesan kerana ia telah dilaksanakan di Australia dan juga di Thailand iaitu *Tasking* umpamanya seorang murid dikhaskan dalam satu secara individu atau kumpulan membuat layang-layang umpamanya. Mereka diharapkan bercerita bagaimanakah layang-layang itu boleh dibentuk dan dibuat dan dalam proses itulah bahasa Inggeris ataupun apa-apa bahasa juga dapat dilaksanakan sementara membuat kerja mereka bercerita. Insya-Allah, perkara ini akan dapat membaiki taraf bahasa Inggeris atau bahasa Arab atau Bahasa Malaysia itu sendiri. Sekian, terima kasih.

Puan Chew Poh Thoy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kemerosotan mata pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah berkaitan dengan sukatan pelajaran yang sedang digunakan sekarang? Dahulu pelajaran bahasa Inggeris banyak menekankan tentang nahu tetapi sekarang kita menekankan *usage* iaitu dengan izin, penggunaan sebab itu masa mereka bertutur atau menulis mereka tidak sedar kesalahan *grammar* atau nahu. Mungkin sedikit berkaitan dengan nahu boleh masuk dalam sukatan pelajaran. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih atas pandangan yang baik ini. Sebenarnya kalau kita membandingkan dahulu dan sekarang tentu ada perbezaan. Pada masa dahulu kita belajar bahasa Inggeris kerana *medium of instruction* di sekolah-sekolah pada masa itu ialah bahasa Inggeris, oleh sebab itu tidak dapat tidak, maka penguasaan itu lebih terserlah dibandingkan dengan sekarang.

Tetapi mulai tahun 1970 mengikut sejarahnya, kita mula *mengalihkan medium of instruction* daripada sekolah bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia, maka bahasa Inggeris menjadi bahasa kedua sahaja di dalam persekolahan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk memperbaiki taraf bahasa ini tidak berkurangan hanya kerana kita terserempak di dalam persimpangan sementara kita hendak menggalakkan Bahasa Malaysia bagi semua anak kita, kita juga menganggap bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, kita teruskan usaha. Dalam pada masa inilah kita mungkin terperangkap sedikit kerana *which one is the best and which is most suitable for the time*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu kita mendapati usaha berterusan ini kadangkala kita membandingkan dari yang dahulu

dengan sekarang, maka sudah tentu ada perbezaan. Tetapi yakinlah Yang Berhormat kita akan berusaha supaya pelajaran nahu juga akan kita masukkan dan sedang pun diusahakan di pihak kementerian sekarang ini. Mudah-mudahan anak-anak kita akan lebih fasih dan petah dan juga memahami bahasa ini secara meluas. Terima kasih.

3. Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun minta Menteri Pendidikan menyatakan, memandangkan begitu ramai belia dan beliawanis yang berminat untuk menyertai profesion perguruan, adakah kementerian bercadang untuk menambah jumlah pelajar yang dibenarkan memasuki maktab perguruan.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih. Kementerian Pendidikan memang menyedari terdapat kecenderungan di kalangan lepasan sekolah untuk memasuki profesion perguruan terutama sekali dari kalangan wanita.

Ini dapat dilihat bertambahnya bilangan permohonan dari calon-calon yang mengikuti program ini khususnya wanita seperti saya katakan tadi. Namun demikian, bilangan pelajar yang diambil untuk memasuki maktab perguruan adalah berdasarkan kepada unjuran mengikut keperluan kursus dalam bidang-bidang kritikal seperti Sains, Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan juga Bahasa Tamil. Terima kasih.

Dato' Poo Yew Choy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan SRJK(C) seluruh negara mengalami kekurangan guru. Saya ingin tahu, apakah rancangan kerajaan yang sudah atau akan dilaksanakan untuk menyelesaikan perkara ini.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya ada dua pendapat Yang Berhormat. Satu, kita memang inginkan sekolah-sekolah kita dipenuhi oleh guru-guru sama ada dalam pelajaran Bahasa Cina atau juga Bahasa Tamil. Malangnya ada satu peringkat komuniti Cina sendiri berkurang untuk memohon diri sebagai guru pelatih di sekolah-sekolah dan kita berusaha di Kementerian Pendidikan memanggil guru-guru yang telah bersara untuk memenuhi kekosongan ini.

Pada peringkat ini kita sedang berusaha terus dan pada tahun akan datang

memanglah kita membuat program tertentu bahawa guru-guru Bahasa Cina akan ditambah dengan segera di maktab-maktab perguruan dan seterusnya mereka akan mengajar di sekolah-sekolah di mana guru-guru kekurangan. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kuota bilangan guru mengikut keperluan murid dan pelajar, soalan tambahan saya. Saya ingin tahu berapa bilangan purata murid bagi seorang guru di sekolah rendah dan sekolah menengah. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab secara spontan mungkin saya tidak dapat *ideally speaking*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sebaik-baiknya bagi satu guru hanya 20 orang murid (1:20) tetapi mungkin perkara ini tidak dapat dilaksanakan memandangkan pembangunan kita yang begitu pesat dan kelahiran kanak-kanak kita yang tidak dapat dikawal sekarang ini.

Walau bagaimanapun, memadai kalau sebuah sekolah kuota di antara guru dengan murid satu - ketiga puluh (1:30), ini cukup baik tetapi ada kalanya di bandar-bandar yang sedang membangun, perkara ini tidak dapat dikawal kerana terlampau banyak penumpuan ke pekan-pekan dan bandar-bandar ini sehingga pertambahan penduduk tidak dapat dikesan dengan secara menyeluruh bagi pihak Kementerian Pendidikan sendiri. Ada kita mengakui sekolah-sekolah hari ini di mana seorang guru menghadapi 45 orang murid dalam satu masa.

Insyah-Allah, perkara ini akan kita kurangkan dengan adanya perancangan di maktab perguruan dan di maktab-maktab yang lain dan perkara ini kita dapat susuli. Insyah-Allah, suatu hari esok negara kita mungkin akan mengadakan seorang guru untuk 25 orang murid sahaja. Terima kasih.

4. **Dato' Charern Intachat** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah benar projek "Trans Thailand Malaysia Gas Pipeline" yang mendapat tentangan kuat dari beberapa pihak di selatan Thailand itu sangat merbahaya seperti yang didakwa oleh mereka.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dakwaan daripada beberapa pihak di selatan Thailand yang menyatakan projek Trans Thailand Malaysian Gas Pipe line sangat merbahaya adalah tidak benar.

Projek ini sedang dalam pelaksanaan dan pembinaanya akan mematuhi kod dan piawaian keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang ketat seperti mana diamalkan di peringkat antarabangsa.

5. **Tuan Haji Karim bin Salleh** minta Menteri Pertahanan menyatakan, adakah kerajaan akan mengetatkan kawalan keselamatan di perairan Sabah serta di semua perairan negara berikutan pencerobohan perairan di Sabah oleh Kumpulan Abu Sayyaf dan lanun baru-baru ini supaya para pelancong tetap mengunjungi Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat pada hari ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim dan Puan Hajah Melati binti Ali dan Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin kerana ianya berkaitan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Angkatan Tentera Malaysia sentiasa melaksanakan pengawasan *maritime* terutamanya di kawasan zon ekonomi eksklusif dengan menggerakkan aset-aset laut dan udaranya. Manakala wilayah perairan negara pula diawasi oleh pihak PDRM. Namun begitu oleh kerana batasan-batasan aset dan keluasan kawasan *maritime* negara, pelaksanaan pengawasan perlu dilaksanakan mengikut keutamaan berdasarkan ancaman-ancaman di kawasan-kawasan tersebut.

Semenjak kejadian penculikan oleh kumpulan Abu Sayyaf pada 23 April 2000 di Pulau Sipadan dan pada 10 September 2000 di Pulau Pandanan, Angkatan Tentera Malaysia telah mengambil tindakan dan langkah kawalan keselamatan di perairan Sabah dengan melancarkan 'Ops Pandan' dan 'Ops Pasir' bagi mencegah pencerobohan kumpulan bersenjata dan penyokong-penyokongnya ke perairan wilayah Malaysia di Timur Sabah.

Strategi bagi mencegah pencerobohan tersebut ialah dengan meningkatkan jumlah *troop* dan aset ATM bagi ketiga-tiga perkhidmatan. Tentera darat telah menempatkan *troop* di 25 lokasi di pesisiran pantai yang strategik yang melibatkan 23 orang pegawai dan 580 orang anggota lain-lain pangkat.

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pula telah menguatkuasakan rondaan

di perairan timur Sabah dengan mengatur gerakan sebanyak lapan hingga dua belas bot kapal dan dua hingga empat bot CB90. Sementara itu Tentera Udara Malaysia pula telah menguatkuasakan pengawasan *maritime* dengan menugaskan sebuah pesawat C130 dan sebuah pesawat Beach Craft B200T sepanjang waktu.

Selain daripada mengatur gerakan aset-asetnya Angkatan Tentera Malaysia juga telah meningkatkan kerjasama dengan PDRM dan dikoordinasi oleh bahagian keselamatan negara supaya penggunaan aset-aset ATM dan PDRM yang terbatas dapat dioptimumkan.

Di samping itu, *troop* dan aset ATM yang diperuntukkan dengan kawasan khas di pesisiran pantai Timur Johor, pantai Negeri Sembilan, pantai Melaka dan bagi operasi pembanteras kemasukan pendatang tanpa izin. Hasil daripada atur gerak tersebut, sehingga awal Disember 2000, *troop* ATM telah menahan 124 buah bot manakala seramai 1,056 orang awak-awak dan penumpang bot-bot tersebut telah ditahan. Mereka yang telah ditahan terdiri daripada 22 orang warga Malaysia, 370 orang warga Indonesia, 650 orang warga Filipina dan 12 orang warga lain-lain negara. Semua bot yang memasuki kawasan perairan wilayah negara akan dipintas dan diperiksa dan pemeriksaan rapi akan dilakukan. Bot dan penumpang yang tidak mempunyai dokumen yang sah akan ditahan dan diserahkan kepada PDRM.

Datuk Christina Lorline Stephen Tibok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Pada kebelakangan ini pihak tertentu di Sabah telah mengambil tindakan untuk menghantar balik pendatang-pendatang tanpa izin (PTI) ke negara mereka masing-masing.

Walau bagaimanapun, jika kita lihat di beberapa bandar di Sabah seperti Pekan Inanam, Pekan Manggatal, Pekan Telipok dan juga di Bandaraya Kota Kinabalu kenampakan pula bilangan PTI ini tidak berkurangan. Soalan saya, adakah kemungkinan mereka yang dihantar pulang ini balik lagi ke Sabah dan adakah Kementerian Pertahanan akan meningkatkan lagi operasi dan usaha yang ada untuk mengurangkan lagi kehadiran PTI di negeri Sabah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat banyak persoalan yang dibangkitkan. Yang pertama sebetulnya usaha untuk mencegah kedatangan tanpa izin ini bukanlah terletak di peringkat Kementerian

Pertahanan. Kita hanya menokok tambah usaha-usaha seperti Bahagian Keselamatan Negara yang dipertanggungjawabkan.

Walaupun demikian, peranan kita di situ ialah dengan izin, *supporting role* berusaha membantu agar di pesisiran persempadanan negara tidak akan ramai orang luar datang ke negara kita. Dalam usaha ini, pihak kementerian telah mengenal pasti beberapa laluan dan kita telah cadangkan untuk perairan contohnya di peringkat Pantai Timur negeri Sabah, kita telah mengenal pasti beberapa laluan rasmi dan meminta supaya semua rakyat yang datang daripada luar haruslah melalui bila mana mereka datang untuk berdagang contohnya *barter trading*. Mereka harus menempatkan senjata mereka di satu tempat yang kita khaskan dan siapa yang tidak dapat melalui kawasan yang kita telah kenal pasti, maka kita menganggap itu adalah sebahagian daripada tindakan yang telah melanggar undang-undang dan kita akan tangkap mereka.

Usaha untuk supaya mengurangkan, jaminan bahawa mereka ini tidak akan kembali ke negara setelah kita tangkap dan hantar kembali agak susah sedikit seperti yang saya nyatakan. Satu oleh kerana keadaan budaya yang berlalu hampir lebih daripada 50 tahun keadaan perairan Pantai Timur dan juga daripada Kudat sampai ke Tawau. Kalau kita lihat mereka ini telah berkunjung datang bukan hanya untuk berdagang tetapi juga untuk sebahagian daripada mereka mempunyai hubungan keluarga dengan masyarakat yang berada di negara kita, maka dengan itu agak susah sedikit.

Walaupun demikian, pihak kerajaan amat bertegas sesiapa sahaja yang tidak mempunyai dokumen yang rasmi, maka kita akan tahan dan kita akan hantar mereka kembali dan kita mempunyai senarai yang rasmi. Sekiranya kita dapati bahawa mereka akan kembali ke negara kita dan ditangkap pada kali yang kedua dan ketiga, tindakan yang tegas akan perlu diambil untuk cuba membanteras mereka tidak akan datang kembali ke negara kita.

Puan Melanie Chia Chui Ket: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita tahu banyak PTI ini hari ini dia kena hantar balik sebagai 'Ali' Tetapi beberapa hari lagi dia datang balik sebagai mungkin 'Ibrahim'. Soalan saya, adakah langkah-langkah diambil untuk mengimplementasikan sesuatu *identification*

dengan izin, sampai kita boleh tahu ini 'Ali', dia dahulu di Sabah, dia 'Ibrahim' juga. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebutkan tadi, sebetulnya tanggungjawab ini adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri dan peranan Angkatan Tentera Malaysia ha nyalah untuk membantu sebagai *supporting roles*, sebagai sebahagian daripada Ahli Jawatankuasa untuk membantu supaya usaha untuk mencegah kedatangan ini dapat dibanteras. Walaupun demikian, saya yakin bahawa Kementerian Dalam Negeri berusaha pada hari ini untuk mempertingkatkan agar kita dapat mengenal pasti pihak-pihak yang beberapa kali datang ke negara ini dapat diatasi supaya mereka tidak akan kembali lagi.

6. Tuan Khoo Lay Hin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah hasil siasatan terhadap aduan UFO yang beliau umumkan pada 24 Oktober lalu?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Bahagian Kajian Sains Angkasa (BAKSA) telah membuat siasatan terhadap aduan kehadiran UFO yang dilaporkan dilihat antara 19 Oktober hingga 22 Oktober 2000 di sekitar Kuala Lumpur. BAKSA telah menggunakan dua kaedah penyiasatan iaitu:

- (i) dengan cara soal selidik di mana beberapa penduduk di rumah panjang KTM Pantai Dalam telah ditemuramah bagi mendapatkan gambaran sebenar kejadian tersebut; dan
- (ii) mendapatkan tanda-tanda fizikal tempat kejadian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada pemerhatian dan analisa yang telah dilakukan, didapati kesemua saksi yang ditemu,bual hanya menyatakan bahawa mereka melihat tompokan cahaya bujur yang berpusing dalam gerakan orbit yang tetap di langit. Tidak ada butir-butir fizikal seperti kesan

pendaratan dan sebagainya yang boleh menyokong kehadiran UFO di langit kawasan Kuala Lumpur. Suka saya maklumkan di sini bahawa kemungkinan fenomena cahaya buatan manusia atau alam juga seringkali disalah tafsir oleh orang awam sebagai UFO. Oleh itu, kementerian ini berpendapat bahawa tidak ada bukti yang kukuh dapat dikaitkan dengan kehadiran UFO di langit Kuala Lumpur.

7. Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang telah memohon untuk menggunakan caruman mereka bagi membeli komputer. Berapakah permohonan yang telah diluluskan dan nyatakan amaun yang terlibat?

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersama ini dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii yang dijadualkan untuk dijawab pada 14 Disember 2000, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, setakat 31 Oktober 2000, seramai 214,439 orang pencarum dari seluruh negara telah mengemukakan permohonan mengeluarkan caruman mereka sama ada terus kepada Ibu Pejabat KWSP atau melalui Pejabat-pejabat Cawangan KWSP Negeri untuk membeli komputer. Dari bilangan tersebut, sebanyak 140,782 permohonan telah diluluskan bernilai RM453 juta. Pecahan kelulusan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Kelulusan
Johor	13,259
Kedah	7,832
Kelantan	6,835
Melaka	4,479
Negeri Sembilan	5,847
Pahang	5,224
Pulau Pinang	17,881
Perak	13,521
Perlis	2,933
Selangor	19,158
Terengganu	5,130
Sabah	10,528
Sarawak	5,744
Wilayah Persekutuan	22,411

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Zainal bin Rampak.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum bahawa beberapa kompelin telah dibuat oleh orang ramai terutama sekali pencarum KWSP. Katanya mengapakah dari segi pembelian komputer ini hanya Pos Malaysia sahaja dilantik sebagai *sole distributor* kerana duit adalah duit pekerja itu sendiri mengeluarkan wang tersebut, adalah menjadi hak mereka untuk membeli komputer mana-mana syarikat atas pilihan mereka sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya sendiri adalah Lembaga Pengarah telah membantah perkara ini, tidak bersetuju. Jadi mengapa *sole distributor* diberikan kepada Pos Malaysia sahaja, tidak kepada keseluruhannya kerana ini menyebabkan rasa gelisah, tidak puas hati di kalangan pencarum-pencarum KWSP itu sendiri. Apakah tindakan yang diambil?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Point of Order. Saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya seseorang Ahli Dewan Negara itu menganggotai satu-satu badan, di sini Yang Berhormat sahabat saya, Ahli Lembaga Pengarah KWSP, adakah beliau boleh bertanya soalan itu di Dewan yang mulia ini, ataupun ada kepentingan yang tidak boleh diuruskan di sini?

Tuan Yang di-Pertua: *Conflict of interest?*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yes.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Zainal, ada *conflict of interest* kah tidak?

Tuan Zainal bin Rampak: Saya tidak fikir, Yang Berhormat, Iaitu ahli Lembaga Pengarah lain peranan, saya di sini kerana *interest* untuk kepentingan awam. Jadi, Lembaga Pengarah, Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat Lembaga Pengarah KWSP segalanya adalah merupakan sulit dan kita tidak boleh bercerita di luar tetapi dari segi ini saya kira barangkali merupakan hak mutlak sebagai Ahli Dewan untuk bertanya demi kepentingan awam dan saya memohon supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, semasa saya mengemukakan pindaan Akta KWSP di Dewan yang mulia ini pada awal tahun ini untuk memberikan kemudahan kepada pencarum untuk membeli komputer, Yang Berhormat Senator Zainal telah mengemukakan kebimbangan beliau bahawa kemudahan ini mungkin boleh disalahgunakan oleh pencarum dan mengesyorkan kepada pihak kerajaan supaya mencari jalan untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan.

Saya memberikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini, kalau sekiranya terdapat penyelewengan antara pencarum iaitu kalau sekiranya kita memberikan kemudahan ini untuk membeli komputer dan didapati bahawa ada pencarum menggunakan wang ini untuk pembelian benda-benda yang lain di mana adalah tidak dibenarkan di bawah Akta ini bahawa pihak kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengelakkan daripada penyelewengan ini.

Selepas skim ini dilaksanakan mulai 1 April tahun ini juga, didapati banyak penyelewengan telah berlaku di mana pencarum bila diberikan kemudahan ini mereka tidak menggunakan wang ini untuk membeli komputer. Maka kita berpendapat bahawa kemudahan ini telah disalahgunakan, dengan izin, *it defeats the purpose of the government of this computer ownership campaign* maka kita telah pun melantik Pos Malaysia supaya menjadi ejen kepada KWSP dalam skim ini supaya kita hendak memastikan bahawa pencarum betul-betul atau benar-benar menggunakan kemudahan ini untuk pembelian komputer sahaja dan bukan benda lain dan kita akan menghantar komputer ini kepada rumah pencarum dan bukan memberikan duit kepada pencarum.

Bila terlaksananya skim ini mulai 15 November 2000, kita telah mendapati bahawa penyelewengan telah pun dihapuskan, memang tidak ada lagi. Sebelum ini, setiap hari kita dapat menerima permohonan lebih kurang 1,100 permohonan setiap hari tetapi bila kita melaksanakan skim baru ini, satu bulan lebih kurang 1,000 sahaja, jauh bezanya bilangan permohonan.

Walau bagaimana pun, kita bersimpati kepada peniaga-peniaga komputer yang tidak dapat menyertai skim ini dan kita telah menerima banyak aduan daripada PICOM, daripada persatuan-persatuan komputer regional dan sebagainya. Kita sedang meneliti semua aduan ini dan sedang mencari jalan supaya mereka dapat juga menyertai skim ini. Kita sedang mencari jalan mengadakan perundingan dengan

banyak pihak dan setakat ini BSN pula telah dijemput untuk menyertai skim ini dan kita berharap semua ini kita dapat menyelesaikan dan mengatasi penyelewengan. Pada masa yang sama lebih ramai peniaga komputer dapat dijemput untuk menyertai skim ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menarik tentang penjelasan berkenaan dengan penyelewengan dan memang penyelewengan itu tidak harus berlaku, tetapi memandangkan masalah ini telah berlaku mengapa sebelum kementerian melaksanakan pelantikan Pos Malaysia itu sebagai ejen, mengapa kementerian tidak mengadakan perundingan yang awal dengan PICOM yang mewakili pengusaha-pengusaha komputer ini, untuk mencari satu jalan keluar untuk menyekat penyelewengan dan untuk memuaskan semua pihak supaya rancangan ini dijalankan dengan lancar. Kenapa baru sahaja diadakan perundingan selepas aduan-aduan tertentu dibuat dan kenapa itu tidak dibuat sebelum pelaksanaannya pada bulan November. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana skim ini adalah merupakan satu skim yang baru dilaksanakan dan pihak kerajaan belum tentu sama ada penyelewengan akan berlaku, kita tidak tentu pada masa itu. Oleh kerana ini kita memberikan tempoh selama tujuh bulan supaya kita dapat memantau pelaksanaan skim ini secara dekat dan teliti, baru kita hendak mencari jalan. Kalau sekiranya tidak wujud penyelewengan, kita akan teruskannya dengan perjalanan ataupun pelaksanaan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bukan selepas....

Dato' Chan Kong Choy: Biar saya jawab dahulu. Selepas saya memberikan penjelasan, Yang Berhormat kalau tidak setuju dan tidak berpuas hati, Yang Berhormat boleh mengemukakan pandangan lagi. Okay. Maka oleh kerana ini merupakan satu skim baru kita memantau secara menyeluruh dan teliti. Kalau tidak wujudnya penyelewengan, okay, kita akan biarkan sistem ini berjalan dengan biasa sahaja tetapi sangat menyedihkan iaitu bila selepas 7 bulan memang penyelewengan

berlaku maka kita barulah berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat mengetatkan lagi pelaksanaan projek ini.

8. Dato' Dr. T. Marimuthu minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa kesalahan jenayah yang dilakukan oleh belia-belia India yang telah meningkat dan apakah tindakan positif dan proaktif yang diambil oleh kementerian untuk menghalang mereka dari melibatkan diri dalam kegiatan jenayah.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Jaya Partiban pada 18 dan 19 Disember tahun ini kerana ketiga-tiga soalan yang berkenaan menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Belia dan Sukan belum mengadakan sebarang program khas bagi menangani gejala sosial di kalangan kaum India. Memandangkan masalah sosial turut melibatkan kaum-kaum yang lain maka ianya perlu ditangani secara bersama. Apa yang sedang Kementerian Belia dan Sukan lakukan sekarang adalah menggalakkan penyertaan belia-belia India untuk menyertai program Rakan Muda dan lain-lain program pembangunan belia yang sememangnya diadakan sepanjang masa di seluruh negara. Dengan menyertai program-program ini belia-belia India juga akan turut didedahkan kepada pendidikan moral, kepimpinan, motivasi dan sahsiah yang tinggi yang mana unsur-unsur ini akan membantu dalam membentuk seseorang individu itu untuk menjadi insan yang berguna kepada masyarakat dan negara.

Pelaksanaan program Rakan Muda di sektor pembangunan tanah khususnya di ladang-ladang dan skim-skim perumahan juga merupakan program berfaedah ke arah pembangunan jati diri dan sahsiah di kalangan belia, khususnya belia keturunan India. Selain daripada itu, pihak kementerian juga turut melaksanakan program teras yang melibatkan penyertaan semua kaum iaitu Program Khidmat Sosial Negara atau PKSNI. Program ini dirangka khusus untuk pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan SPM dan adalah terbuka untuk penyertaan semua kaum termasuk belia India.

Program ini menekankan kepada nilai pendidikan dan potensi kerjaya belia ke arah pembentukan jati diri, melahirkan ciri-ciri kepimpinan, membentuk kemahiran individu, patriotisme dan sahsiah yang tinggi di kalangan individu pelbagai kaum yang akan turut membantu menghindarkan mereka terjebak kepada gejala-gejala sosial yang negatif.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian telah pun menggerakkan semula Majlis Perundingan Belia Negara dan saya sendiri telah pun dilantik sebagai Pengerusi kepada Jawatankuasa Kerja Menangani Gejala Sosial Belia. Sebagai permulaan, beberapa NGO belia termasuk NGO belia India telah pun sempat saya mengadakan pertemuan dan perbincangan mengenai permasalahan dan gejala sosial yang wujud di kalangan belia India secara khusus.

NGO belia India yang terlibat termasuk Majlis Kelab Bell Belia Tamil, Majlis Belia Hindu Malaysia dan Yayasan Strategik Sosial. Mesyuarat dan perbincangan seumpama ini akan diadakan dari masa ke semasa bagi mencari kaedah yang sesuai untuk membendung dan menangani gejala-gejala sosial di kalangan belia India.

Walau bagaimanapun, saya tegaskan di sini bahawa usaha menangani masalah gejala sosial di kalangan belia dan remaja khususnya merupakan tanggungjawab semua pihak termasuk sekolah, kerajaan dan khususnya kaum ibu bapa sendiri. Semua pihak yang berkenaan perlu menggembleng tenaga bagi mengatasi permasalahan belia dan mewujudkan suasana dan persekitaran yang sihat untuk masyarakat belia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Timbalan Menteri menyatakan bilangan ataupun peratusan belia-belia India yang terlibat dalam beberapa program dan kegiatan yang dijalankan oleh kementerian.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana semua program anjuran Kementerian Belia dan Sukan ini adalah untuk semua maka perangkaan secara khusus mengikut pecahan kaum itu biasanya tidak disediakan. Walaupun

demikian, apa yang saya hendak ketengahkan dalam Dewan yang mulia ini adalah penyertaan dari kalangan kaum India khususnya masih perlu dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Oleh kerana tugas dan tanggungjawab untuk membina jati diri warga belia di negara kita ini bukan sahaja di bawah tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan. Persoalan saya ialah kalau boleh apakah Kementerian Belia dan Sukan memberi satu penjelasan bahawa kita sekarang gagal membina jati diri warga belia kita setakat hari ini. Walaupun setengah daripada belia kita mempunyai pendidikan di peringkat varsiti tetapi pembinaan jati diri mereka terutama sekali cintakan negara agak luntur kebelakangan ini. Apakah pendirian kerajaan sebenarnya?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya soalan yang sama telah pun berkali-kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulai ini dan juga Dewan Rakyat seperti mana yang pernah saya huraikan panjang lebar dalam perbahasan pada sesi yang lalu. Program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan khususnya program Rakan Muda lebih bersifat ataupun berupa program untuk menghindarkan belia dan beliawanis kita daripada terjebak kepada gejala sosial dan bukannya satu penawar untuk mengubati ataupun untuk menyelesaikan masalah-masalah yang telah pun berlaku.

Walaupun demikian, suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa menyentuh soalan setakat mana keberkesanan program-program Rakan Muda khususnya, bagi saya dan juga bagi masyarakat umum saya rasa ini memang payah untuk kita menyukat secara berkuantiti sebab ini lebih merupakan satu kualiti analisis dan memandangkan pada hakikat bahawa bilangan belia semakin bertambah tahun demi tahun. Saya dapati bahawa untuk menjamin keberkesanan program-program Rakan Muda ini tidaklah wajar kiranya kita hanya menyukat keberkesanannya dari segi bilangan ataupun dari segi tanggapan umum sahaja.

9. **Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan di dalam negara kita ini banyak terdapat bangunan-bangunan lama tinggalan zaman Portugis, Belanda dan juga British terutama sekali di Melaka. Apakah langkah-langkah daripada pihak kerajaan bagi

membantu kerajaan negeri bagi memagar bangunan tersebut supaya bangunan yang berkenaan dapat dijadikan warisan negara serta dapat menarik para pelancong.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd Sultan. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memang peka terhadap kepentingan bangunan-bangunan lama dan bersejarah sebagai salah satu warisan sejarah yang perlu dikekalkan bagi memanfaatkan kita bersama dan juga sebagai salah satu produk yang menjadi daya tarikan pelancong. Dalam hal ini, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama semua agensi yang berkenaan di setiap negeri mengatur strategi dan pelaksanaan agar bangunan-bangunan lama dan bersejarah ini dapat dikekalkan dan terpelihara dengan baik mengikut teknik-teknik dan prosedur-prosedur konservasi yang standard dan diperakukan di peringkat antarabangsa.

Kementerian ini berdiri teguh bersama Kerajaan Negeri Melaka dan juga Pulau Pinang dalam usaha kita untuk mengemukakan, dengan izinnya, tentative list untuk memasukkan Bandar Bersejarah Melaka dan Pulau Pinang dalam senarai warisan dunia. Saya yakin dengan tersenarainya Bandar Bersejarah Melaka dan Pulau Pinang sebagai warisan dunia, banyak faedah akan diperolehi dan jumlah pelancong akan terus bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya minta maaf kerana saya kurang pasti apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai memagar bangunan. Sekiranya maksud memagar bangunan ini adalah bertujuan untuk menghindarkan daripada perbuatan-perbuatan yang boleh merosakkan bangunan, maka kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan perlu memberikan perhatian agar perkara ini dapat dielakkan. Kebiasaannya bangunan-bangunan bersejarah ini tidak dipagar dan mesra pelawat kecuali bangunan-bangunan yang digunakan untuk tujuan keselamatan. Apa yang boleh dilakukan ialah mendidik masyarakat supaya kasihkan bangunan-bangunan warisan ini dan menganggapnya sebagai milik kita bersama. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Kasim.

Datuk Haji Kasim bin Mh.Yusop: Berkaitan dengan soalan ini saya kurang pasti sama ada perkataan yang sebenarnya memagar ataupun memugar. Saya percaya apa yang dimaksudkan ialah pemugaran. Jadi saya ingin tahu daripada pihak kementerian, banyak negara telah mendapat bantuan daripada United Nation untuk proses-proses pemugaran, misalnya pemulihan Angkor Wat dan sebagainya. Setakat ini sejauh mana kerajaan Malaysia telah mendapat bantuan daripada United Nation dalam proses pemugaran bangunan-bangunan lama di Melaka ini.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, untuk dapat bantuan atau peruntukan dari United Nation, mustahak kita memasukkan negeri Melaka dan Pulau Pinang dalam usaha kita untuk mengukuhkan *tentative list, world heritage list*. Jikalau bandar Melaka dan Pulau Pinang dimasukkan senarai *world heritage list*, jadi, kita boleh dapat peruntukan dari United Nation. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainuddin bin Maidin.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih di atas jawapan-jawapan yang telah diberikan dan saya ingin bertanya sama ada Kementerian Pelancongan sedar atau tidak tentang sebuah laporan baru-baru ini yang dalam sebuah akhbar asing yang terkemuka yang mengatakan bahawa Malaysia baru-baru ini telah melancarkan satu kempen pelancongan *Truly Malaysian'*, Malaysia yang tulen melalui televisyen dengan menunjukkan gambar-gambar pakaian tradisional dengan iringan dram tradisional yang untuk membawa pelancong ke dalam negara ini, tetapi apabila mereka datang, apa yang mereka temui ialah truly Western dengan *sky scrappers, shopping mall, coffee joints* dan *night clubs* dan sebagainya.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya minta *clarification*. *Advertisement* itu ialah Malaysia Truly Asia, bukan Malaysia truly Malaysa. Tema kita ialah 'Malaysia truly Asia'. Maknanya di Malaysia kita, kita ada tiga kebudayaan yang terbesar. Kebudayaan orang Melayu, kebudayaan orang Cina, dan kebudayaan orang India serta Sabah dan Sarawak. Jadi, tema kita ialah berkaitan dengan kebudayaan termasuk tarian, makanan dan cara kehidupan serta lain-lain. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kita ada begitu banyak produk pelancongan. Jadi, dia sendiri mesti pilih. Jikalau dia hendak

tengok kebudayaan Cina, pergilah ke Melaka. Jikalau dia hendak kebudayaan Sabah, pergilah ke Sabah.

Jika dia sendiri hendak datang ke Bangsar atau Bintang Walk, siapa boleh paksa dia. Jadi, pilih sesuatu tempat untuk melancong, kita pulang balik kepada seseorang pelancong. Jadi, di sini saya akan teguhkan Malaysia ada banyak produk pelancongan yang betul-betul *truly Asia* dari segi makanan, roti canai, nasi lemak, 'char kow teow' dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

10. Puan Hajah Melati binti Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan peratusan pencapaian kelulusan para pelajar mengikut kaum dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM sepanjang tahun 1995 hingga 1999.

Timbalan Menteri Pendidikan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada yang Puan Hajah Melati. Purata bagi peratus pencapaian UPSR, PMR, SPM dan STPM bagi tiga tahun kebelakangan ini iaitu 1997 dan 1999 bagi pelajar bumiputera dan bukan bumiputera adalah seperti berikut:

	UPSR	PMR	SPM	STPM
Bumiputera	48.9 %	52.7%	71.7 %	16.5%
Bukan Bumiputera	43.5%	59.4%	65.4%	19.2%

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Marimuthu.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Dato'. Sila nyatakan mengapa keputusan Bahasa Inggeris dan Sains UPSR di sekolah-sekolah Tamil merosot selama tiga tahun berturut-turut. Sila nyatakan juga bilakah kementerian akan mengambil langkah-langkah konkrit untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui ada kemerosotan dan kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas

perhatian ini. Walau bagaimanapun, di dalam usaha membangunkan anak-anak kita, kadang-kadang kita sendiri terperangkap dengan keadaan masalah semasa dan setempat. Kalau kita lihat di bandar-bandar, keadaan ini tidak melihatkan penurunan dari segi peratus, tetapi malangnya di luar bandar masih lagi berkekalan dan kita sekarang berusaha supaya guru-guru dan juga ibu bapa dimohon sama supaya memberi perhatian kepada murid-murid dan juga sama ada di sekolah menengah ataupun di sekolah rendah sendiri. Di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya sekalian ibu bapa termasuk kita yang di dalam Dewan, pastikan kalau anak kita berada di sekolah rendah, mereka berada di rumah sejam sehari untuk menelaah buku.

Pastikan mereka mengikuti program ini tiga bulan berturut-turut dari hari pertama hingga tiga bulan, kita pastikan mereka belajar setiap hari, Insya-Allah bulan yang keempat, mereka sendiri akan belajar bersendirian. Demikian juga bagi sekolah menengah, pastikan anak-anak kita berada di rumah selama dua jam sehari berturut-turut dari hari pertama hingga ke tiga bulannya. Pada bulan yang keempat, mereka sendiri akan menambah masa daripada dua jam ke tiga jam atau empat jam. Apabila mereka sudah ditanamkan sayang kepada pendidikan, Insya-Allah, masalah penurunan ini tidak akan timbul lagi dan mintalah supaya kita bekerjasama bukan sahaja guru, tetapi ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya membangunkan Malaysia melalui pelajaran ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Iaitu, bersabit dengan pengambilan guru-guru. Kita tahu sepertimana yang telah diterangkan masa lepas, bahawa kebanyakan pelatih-pelatih perguruan adalah dari kalangan kaum wanita. Saya kira hampir-hampir 85% guru-guru adalah dari kalangan kaum wanita. Hanya 15% sahaja terdiri daripada kaum lelaki. Saya ingin tahu sama ada kementerian telah membuat kajian mengapa kaum lelaki tidak mahu menjadi guru dan lebih banyak kaum wanita menjadi guru. Adakah sebab kerana gaji, syarat-syarat perkhidmatan dan prospek untuk kenaikan pangkat masa depan mereka tidak ada? Adakah kementerian telah membuat kajian, oleh kerana perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, begitu serius berlakunya besar kemungkinan kita lihat hari ini guru-guru di

sexual harassment dan sebagainya kerana wanita dan sebagainya. Adakah ini telah dibuat kajian oleh kementerian? Ini suatu perkara yang sangat penting dan harus diketahui oleh rakyat umum Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Zainal. Pertama sekali kita jangan menafikan kehadiran wanita. Sebenarnya bilangan mereka memang banyak daripada kaum lelaki. Kalau kita tidak beri mereka peluang pula, ertinya kita menafikan hak asasi manusia itu sendiri. Oleh sebab itu, marilah kita sama-sama memikirkan cara jalan supaya perimbangan kelahiran ini dapat dipulihkan, satu lelaki, satu perempuan. Saya tidak ada kemampuan, tetapi mungkin Ahli-ahli Dewan ada kemampuan ini ataupun juga pegawai-pegawai kita yang bersama ini. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa perasaan bimbang kerana melihatkan terlalu ramai guru wanita berasaskan kepada umpamanyalah kalau mereka semua berkahwin dan lahir anak pada satu masa, siapa yang hendak mengajar sekolah? Kita faham, hanya kita minta peraturan tertentu dapat kita pastikan supaya kaum lelaki juga berminat dalam perguruan. Masalahnya negara kita sedang membangun dan oleh sebab ada peluang-peluang yang lebih baik daripada perguruan sendiri, maka mereka tertarik ke arena-arena di mana mereka boleh mendapat pekerjaan yang sesuai dengan naluri lelaki itu sendiri walhal pendidikan ini ialah satu pekerjaan atau profesion yang lebih merupakan keibuan, maka oleh sebab wanita ramai dan dia berminat dan kita tidak boleh ketepikan mereka.

Demikian juga dalam segi masa mengambil. Kita tidak mengambil secara random guru-guru ini. Kita telitikan kelulusan mereka dan kita dapati kelulusan wanita juga adalah lebih baik dari segi pencapaiannya daripada kaum lelaki [*Tepuk*] Sekali lagi kita tidak dapat menafikan kehadiran mereka di sekolah-sekolah. Itulah sebabnya saya cadangkan tadi Tuan Yang di-Pertua, supaya semua kita pastikan anak-anak di sekolah rendah dan sekolah menengah, mereka berada di rumah sejam bagi sekolah rendah dan dua jam bagi sekolah menengah. Insya-Allah masalah ini tidak akan timbul. Dari segi perkhidmatan dan peluang-peluang kenaikan pangkat tidak timbul kerana hari ini kita mengamalkan dasar liberalisasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

11. Datuk William Lau Kung Hui minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kes penebangan haram dan kecurian balak dari hutan simpan kerajaan dilaporkan kepada pihak polis dalam jangka masa 18 bulan lalu di Sabah dan Sarawak, dan tindakan yang telah diambil ke atas pesalah-pesalah dan tauke-tauke yang mendalangi kegiatan pesalah tersebut. Sekiranya tiada tindakan yang telah diambil, kenapa, dan
- (b) sama ada pihak polis menimbang untuk mengenakan Ordinan Darurat (Kediaman Terhad dan Keselamatan Awam) terhadap pesalah-pesalah tersebut memandangkan hasil bagi kerajaan Sabah dan Sarawak akan berkurangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Haji Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui adalah seperti berikut:

- (a) Dalam tempoh jangkamasa 18 bulan yang lalu sebanyak 12 kes penebangan haram dan juga kecurian balak dari hutan simpan kerajaan telah dilaporkan. Kesemua kes tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Perhutanan untuk diambil tindakan di bawah peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Perhutanan.
- (b) Pihak polis masa kini masih belum mengambil tindakan ke atas kesalahan-kesalahan tersebut di bawah Akta Kediaman Terhad ataupun Ordinan Darurat kerana buat masa sekarang ini, semua kes hanya dirujuk kepada Jabatan Perhutanan untuk didakwa di bawah Akta Perhutanan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui:

Datuk William Lau Kung Hui: Saya hendak tahu adakah benar atau tidak kes-kes haram itu melibatkan individu tertentu dari Jabatan Hutan di Sarawak?

Datuk Seri Abu Zahar bin Haji Isnin: Tidak dengar.

Datuk William Lau Kung Hui: Saya hendak tahu adakah benar atau tidak kes-kes haram itu melibatkan individu tertentu dari Jabatan Hutan di Sarawak? Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Haji Isnin: Memandangkan kes itu masih lagi dalam siasatan dan belum ada lagi dikaitkan di mana-mana pegawai ataupun di Jabatan Hutan di Sarawak. Kita akan ambil pandangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa bagi jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan no. 12 hingga 45 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[12 Disember 2000]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz
11.18 pagi.

Dato' Abdul Aziz bin Abd. Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian bagi membahaskan Akta Perbekalan 2001 yang dibentangkan pada 11 haribulan dahulu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pada 27 Oktober di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana setelah kita dilanda krisis ekonomi 1997 nampak jelas ekonomi Malaysia semakin kukuh kalau dibandingkan dengan negara-negara yang sama dilanda oleh krisis itu. Berkemungkinan besar kita akan dapat perbezaan di mana keselesaan dari segi pembangunan ekonomi dapat dirasai oleh setiap lapisan masyarakat. Jumlah yang besar sebanyak RM91 bilion ini dengan defisit 4.9% KDNK merupakan kepekaan kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara supaya ianya tidak dilabelkan sebagai ekonomi kroni – saya dengar semalam ada orang katakan ini bukan k-ekonomi tetapi kroni ekonomi. Saya pun terperanjat juga mendengarnya, saya hendak

tanyakan bagaimana perkara semacam ini boleh timbul. Tak faham ini, masalah tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan ini suka saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara selaku Presiden Kelab Senator mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua kerana ianya membawa pengalaman yang luas daripada kerajaan sezaman dengan Allahyarham Tun Abdul Razak lagi di mana Tuan Yang di-Pertua sebagai ahli Kabinet dan juga mengambil tempat ganti daripada seorang yang pun banyak pengalaman iaitu daripada sahabat kita Tan Sri Mohamad Ya'acob yang juga pernah menjadi ahli Kabinet semasa Allahyarham Tun dahulu. Jadi saya tidak nampak bagaimana dengan ketokohan yang ada di Dewan Negara ini dapat diperkecil-kecil oleh mana-mana pihak. Kerana saya dapati Tuan Yang di-Pertua, dalam satu komen yang dibuat oleh surat khabar semasa pelantikan Datuk M. Kayveas, Tuan Zakaria bin Arshad dan Tuan M. Saravanan. Komen daripada surat khabar *The Sun* daripada K. Baradan yang seolah-olah memperkecil Dewan yang mulia ini dengan mengatakan dan saya ingin memetik apa yang disebut di sini, *The Sun* keluaran hari Isnin, 11 Disember 2000 - komen daripada K. Baradan. Saya tidak tahu siapa K. Baradan mungkin dia ini hebat dari segi intelek dan sebagainya. Dia kata di sini "*A Senatorship ...*", mohon izin, "*...for the PPP is quite insignificant in that just a seat in the body which is by itself has been club*". Maknanya Dewan Negara ini seolah-olah Dewan untuk orang-orang yang sudah tidak berguna lagi. Ini satu cemuhan yang menghina. Dan saya hendak menarik perhatian K. Baradan, kalau K. Baradan pernah datang ke Dewan ini boleh K. Baradan menyaksikan perdebatan yang dibuat oleh ahli-ahli Dewan Negara dan saya cabar bandingkanlah perdebatan Dewan Negara dengan dewan-dewan yang lain di peringkat dunia pun kalau hendak tengok dari segi kematangan idea-idea yang dibawa oleh Dewan Negara. [Tepuk].

Dan yang amat menyedihkan lagi ia memperkecil-kecil orang kampung. Dia kata "*While a Senatorship is small coin for many city dwellers*". Maknanya orang-orang bandar ini memerhatikan senator ini kecil sangatlah, kenit sangatlah. "*In rural Malaysia any kind of title is worth something*". Maknanya orang-orang kampung kalau ada pangkat senator ini oi, takut dan besar sangat. Ini sebenarnya menghina

pula orang-orang kampung. Jadi pandangan semacam ini Tuan Yang di-Pertua daripada surat khabar seperti *The Sun* dan sebagainya tidak perlu ditonjolkan. Tidak perlu kita memperkecil kerana Dewan yang mulia ini yang mengikut Perlembagaan diwakili oleh setiap lapisan masyarakat.

Kita ada tokoh pekerja daripada MTUC, kita ada tokoh daripada kumpulan-kumpulan minoriti yang tidak boleh bertanding kalau tidak sempat bertanding di peringkat pilihan raya tetapi mewakili kumpulan-kumpulan minoriti seperti sahabat saya Datuk Long Jidin, Dato' Charern wakil daripada orang-orang Siam. Semua kita ada setiap lapisan masyarakat, parti-parti komponen Barisan Nasional, parti-parti pembangkang pun ada. Hari ini ada seorang tinggal, ada. Tetapi ini menunjukkan bahawasanya Dewan ini mempunyai fungsi tersendiri bagi menentukan idea-idea daripada setiap lapisan masyarakat dapat dikemukakan atas *bill* yang dibawa oleh Dewan Rakyat untuk dibahaskan di Dewan Negara. Saya mintalah orang semacam K. Baradan ini berhati-hati lain kali dan surat-surat khabar mesti bertanggungjawab, jangan memperkecil institusi yang diletakkan oleh Perlembagaan bagi menentukan dasar-dasar dan juga *bill* oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perbahasan Akta Perbekalan. Saya merasakan orang-orang dari parti pembangkang ini tidak begitu peka dari segi pengurusan ekonomi. Apa yang dicapai oleh pihak kerajaan sekarang ini dengan menggunakan tenaga dan pemikiran sendiri anak watan, seperti Perdana Menteri kita, seperti Tun Daim dan ahli-ahli Kabinetnya. Cuba bayangkan kalau sekiranya Malaysia terperangkap dengan bantuan daripada IMF (Dana Kewangan Antarabangsa). Apa yang berlaku di negara-negara jiran Tuan Yang di-Pertua, yang sekarang ini masih lagi tidak mantap dari segi kekuatan ekonomi kerana begitu kuat bergantung kepada telunjuk dasar-dasar yang digubal oleh dana kewangan antarabangsa di mana ianya merupakan satu agenda antarabangsa. Saya pernah bercakap di Dewan yang mulia ini Consensus Washington, pakatan antara Wall Street antara badan-badan dunia seperti World Bank dan IMF dan juga badan-badan yang lain untuk mengatur program-program kepada negara-negara membangun seperti Malaysia, Indonesia, Thailand kalau ranap ekonominya menunjuk telunjuk dasar-dasar yang digubal oleh mereka sendiri.

Dan apa sudah jadi kepada Indonesia negara jiran kita. Rata-rata pembangunan ekonomi mereka masih lagi terencat, masih lagi tidak dibaik pulih. Malaysia menerusi MTEN yang digubal dan lari dari kerena IMF, mewujudkan kawalan kewangan sendiri, mata wang tersendiri terselamat, mampu meningkatkan pembangunan ekonomi sehinggakan ianya mencapai 7.7%. Dan insya-Allah pada tahun ini mungkin 8% kalau ikut unjuran. Kita terselamat daripada belunggu. Ini bukannya kroni ekonomi seperti yang dinyatakan oleh pihak pembangkang yang rata-rata tidak menginsafi cara *modus operandi* kerajaan. Saya hairan kenapa dan bila mereka ini akan insaf dan sedar bahawa ekonomi negara kita yang berasaskan kepada perkembangan-perkembangan baru unsur-unsur ekonomi baru termasuklah ke-ekonomi menuju ke hala persaingan peringkat global yang amat mantap. Dan kita ucapkan tahniah. Kita patut bersyukur kepada Allah SWT kerana wujudnya kepimpinan yang masih peka dengan keperluan masyarakat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik hati baru-baru ini bagaimana Malaysia ini sentiasa dikaitkan dengan isu-isu yang timbul di Singapura. Saya amat hairan baru-baru ini bila Gus Dur ataupun Abdul Rahman Wahid, Presiden Indonesia membuat kenyataan tentang bekalan air ke Singapura, tentang Singapura yang menjadi seolah-olah anti-Melayu dan sebagainya Susan Lim wakil surat khabar *The New Straits Times* Singapura yang berpangkalan di Jakarta, dia pun mengatakan kenyataan Abdul Rahman Wahid, Presiden Indonesia itu dibuat selepas minum pagi dengan Perdana Menteri kita di Singapura, selepas menemui berbincang dengan Menteri Luar Negeri kita Dato' Syed Hamid.

Seolah-olah apa yang diutarakan, dinyatakan oleh Presiden Indonesia itu ianya kita ini bersekongkol untuk memberikan kenyataan seperti ini. Sebelum daripada itu apabila kapal terbang Singapura jatuh terhempas di Taiwan, sengaja dikatakan juruterbang itu adalah juruterbang berasal dari Malaysia. Ini kalau cakap orang Putih ialah *very naughty statement*, mohon izin Tuan Yang di-Pertua. Dia hendak mengaitkan kononnya kita ini tidak pandai, kita ini juruterbang yang jatuh itu juruterbang dari Malaysia. Sampai begitu sekali. Saya rasa kita sudah puas mendengar cerita-cerita, dan kita pula dengar apabila Singapura membeli peralatan-peralatan canggih pertahanan mereka begitu mantap sehinggakan Singapura

merupakan satu *fortess*, satu kawasan yang dipertahankan oleh tentera yang amat hebat. Lee Kwan Yew buat *statement*, dia cabar sesiapa hendak mencero bohi ketenteraan negaranya, silalah. Kepada siapa dia hendak cabar. Adakah dia hendak cabar Amerika atau dia hendak cabar China? Dia hendak cabar negara-negara jiran. Kerana kita ini di sini. Dan tidak ubah Tuan Yang di-Pertua, cara pendekatan *siege mentality* Singapura ini tidak ubah seperti apa yang berlaku di Israel, negara Yahudi di mana dikatakan negara-negara Arab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya minta maaf boleh berhentikan satu minit ya. Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peraturan mesyuarat 6(1) sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin untuk mempengerusikan Majlis mesyuarat.

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Long bin Jidin: Silakan Yang Berhormat Dato'.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih. Tidak ubah Singapura dari segi pendekatan dasar-dasarnya cara-cara pemerintahannya tidak ubah seperti negara Israel kerana kalau negara Israel mempunyai musuh-musuh kerana ianya di kelilingi oleh orang-orang Arab saya bimbang pemikiran yang sama dibuat oleh pemerintah Singapura mengatakan mungkin orang-orang Indonesia, orang-orang Malaysia seolah-olah menjadi musuh kepada Singapura. Ini tidak betul. Jauh sekali kerana kita hidup sebagai jiran. Kenapa persepsi ini timbul? Kenapa perlunya Singapura dengan *submarine* nya, perlunya satu satelit dengan harga RM1 bilion lebih yang hendak ditubuhkan dengan pakar-pakar Israel? Kenapa perlunya? Siapa musuh Singapura? Perkara semacam ini kita hendak tahu, hendak penjelasan *once and for all* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *Enough is enough.*

Ini ASEAN lepas itu kita tengok dari segi semangat keAseanan Singapura membuat perhubungan dua hal dari segi perdagangan dengan New Zealand dengan Australia, meninggalkan ASEAN sebagai komponen. CER (Close Economic Relation) dia tidak pergi sebagai satu kumpulan. *The brotherhood of ASEAN.* Perkara semacam ini saya rasa sudah sampai untuk kerajaan dengan kerajaan, *people to people* orang ramai rakyat jelata Malaysia di Singapura dan seluruh ASEAN mesti

menghapuskan *siege mentality* ini. Maknanya mereka berpersepsi seolah-olah akan diserang bila-bila masa sahaja. Perkara semacam ini merugikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan semacam inilah saya perhatikan parti pembangkang bukan main hebat mengambil kesempatan dan buktinya kumpulan-kumpulan tertentu. Saya tengok negara kita ini kerana berpaksi kepada perpaduan dan keutuhan, kita perhatikan perkara macam ini pun sudah tergugat sehinggakan jawatankuasa pilihan raya pertubuhan tertentu membuat desakan kepada kerajaan. Macam *black mail* pun ada. Kerana benda ini berlaku, ia menular. Dia berkaitan kepada 83 tuntutan dibuat Suqiu, atas 17 perkara kepada Perdana Menteri, kepada kerajaan seolah-olah menghapuskan hak-hak keistimewaan. Dan ini pihak pembangkang sampai sekarang tidak ada bersuara menentang tuntutan-tuntutan Suqiu ini tadi yang hendak menyamaratakan keistimewaan supaya orang-orang Melayu, kerana mereka bersetuju orang-orang Melayu bumiputera tidak perlu keistimewaan. Sungguhpun di dalam parti-parti pembangkang yang PhD dan sebagainya itu berasal usul menerima keistimewaan-keistimewaan yang termaktub di dalam Perlembagaan untuk orang-orang Melayu dan juga bumiputera. Tetapi saatnya apabila mereka menjadi pembangkang tidak bersetuju dengan hak-hak keistimewaan.

Tidak ada, saya tidak dengar lagi daripada parti pembangkang yang mengatakan mereka marah dengan tuntutan-tuntutan yang akan memporak-perandakan negara, tidak ada. Dan begitu juga kepada ahli-ahli korporat yang banyak menerima habuan daripada dasar-dasar kerajaan, daripada penswastaaan dan sebagainya. Saya tidak tengok saya tidak dengar lagi Tan Sri-Tan Sri, ahli-ahli korporat yang bangun mengatakan yang mereka itu hidup dan bangun dari segi korporatnya berasaskan kepada dasar kerajaan, mengatakan jangan kita ganggu-gugat ketenteraman negara. Tidak dengar lagi. Kita menyeru ahli-ahli korporat. Saya tidak hendak sebut nama. Tan Sri-Tan Sri ini yang membangun dari segi korporat begitu tinggi, peringkat antarabangsa dan sebagainya yang mampu meningkat menjulang begitu tinggi kerana dasar-dasar penswastaaan. Inilah masanya memberitahu kepada dunia, kepada Malaysia kepada kerajaan mereka turut menentang. Ini Tan Sri-Tan Sri yang bukan Melayu ini yang dapat habuan dari dasar-dasar kita ini tidak ada lagi menentang tuntutan-tuntutan Suqiu ini yang akan memporak-perandakan negara.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, perkara semacam ini bermula di Malaysia pada waktu Lee Kuan Yew masih lagi PAP di dalam negara kita Malaysia. Pada waktu itu, Lee Kuan Yew melaung-laungkan Malaysian Malaysia. Atas dasar *meritokrasi* sahaja baru dia naik. Tidak mahu hak keistimewaan orang Melayu ini sungguhpun ianya merupakan *social contract*. Perkara yang sama Malaysian Malaysia itu sekarang ini hendak dibawa oleh parti-parti PAS. Dia tidak suka keistimewaan orang-orang Melayu ini. Dia bersekongkol dengan dasar Malaysian Malaysia di atas *meritokrasi*, naik. Baik dari segi ketenteraan, baik dari segi biasiswa, dari segi hendak masuk universiti, kononnya orang-orang Melayu bumiputera ini sudah hebat sangat, boleh berdiri atas kaki sendiri dan tidak perlu bantuan, Malaysian Malaysia.

Kerana Malaysia sebagai sebuah negara yang tahu kekuatannya berasas dan berpaksi kepada perpaduan, apabila Malaysia Malaysia sebagai konsep, mengancam ketenteraman negara, pucuk pimpinan mengeluarkan Singapura daripada negara. Kita sanggup mengeluarkan Singapura kerana takut konsep itu mengancam negara. Dalam MAPEN 2 di mana saya sebagai salah seorang ahlinya mewakili UMNO, kita membuat mukadimah. Kita merasakan perlu anak-anak muda, orang-orang yang baru lahir ini, memahami bagaimana wujudnya Malaysia, bagaimana wujudnya Perlembagaan dicetuskan, bagaimana orang-orang Melayu waktu itu 80% warganegara, mengambil kaum-kaum lain, masuklah, jadilah warganegara Malaysia. Sejuta orang masuk.

Ini dia lunas-lunasnya, *social contractnya*. Termasuklah hak-hak keistimewaan orang Melayu. Sebab itu Singapura kita terpaksa dikeluarkan kerana ia mengancam ketenteraman. Apa yang berlaku di Singapura sekarang, Malaysia Malaysia dan di mana, mohon izin, kalau dulu *the native for the burden for the white man*, sekarang ini *the native for the burden of Lee Kuan Yew*. Pasalnya mereka sudah tergelincir jauh ke belakang, jadi ianya bebanan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu buku "*The Singapore Dilemma*". Dulu Perdana Menteri kita menulis buku "*The Malay Dilemma*". Dalam sebuah buku yang dicetak dan dikeluarkan oleh penulisnya, seorang akademik, Lili Zubaidah Rahim, "*The Singapore Dilemma*", *The political educational marginality of the Malay*

community di Singapura. Malaysian Malaysia dahulu yang dilaungkan oleh Lee Kuan Yew, sekarang ini digunakan sebagai dasar di Singapura terhadap orang-orang Melayu. Sungguhpun Perlembagaan Singapura, saya hendak sebut ini kerana ada perbandingan.

Perlembagaan Singapura, Fasal 152, saya hendak baca dalam bahasa Inggerisnya:

“It shall be a deliberate and conscious policy of the government of Singapore at all times to recognize the special position of the Malays who are the indigenous people of the island and who are in most need of assistance and accordingly it shall be the responsibility of the Government of Singapore to protect, support, foster and promote their political, educational, religious, economic, social and cultural interest and the Malay language.”

Seksyen 152, Perlembagaan Singapura. Tidak jauh bezanya dengan Artikel 153, Perlembagaan Malaysia.

Tetapi apa yang terjadi dengan Singapura sekarang? Orang-orang Melayu di Singapura dianggap *culturally deficient*. Bererti mereka tidak mampu bersaing dan pendekatan Kerajaan Singapura merupakan pendekatan *minimalist*, yang paling rendah, dia tidak bantu, dia biarkan, dia *lack*kan sahaja orang-orang Melayu. Tengok sekarang pencapaian orang-orang Melayu di Singapura tanpa keistimewaan, sungguhpun dituntut oleh Perlembagaan. Ini sudah berlaku. Ini dipersoalkan di negara kita sendiri.

Kalau tidak, tidak mungkin wujudnya satu persefahaman perpaduan antara kaum di negara kita, tanpa kita membantu mereka yang daif dan ketinggalan kerana sejarah. *The accident of history* dari segi sejarah penjajahan. Kita bantu. Terpaksa kita bantu yang *handicapp*. Kalau lumba lari 100 meter, bumiputera kerana telah dijajah selama 400 tahun lebih, terpaksa kita letakkan dia 25 meter ke hadapan, barulah sampai sama dengan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di Singapura kedudukan orang Melayu menyedihkan tetapi ini negara lain. Saya hendak tunjukkan bagaimana konsep *meritokrasi* menghancurkan kedudukan keseimbangan. Di Singapura kerana wujudnya persepsi

dan ideologi bahawasanya orang Melayu ini *culturally deficient*, dipinggirkan ke belakang sehinggakan di dalam Angkatan Tentera pun, tidak ada seorang pun orang Melayu menjadi juruterbang kapal terbang. Tidak ada. Dan ini dibawa oleh persatuan-persatuan karyawan Melayu Islam di Singapura. Dia menyoal, kenapa tidak membenarkan orang Melayu menjadi juruterbang (pilot) Singapore Air Force (SAF)? Adakah mereka tidak mampu tengok orang-orang Melayu di Malaysia? Jet pilotnya dengan air forcenya, juruterbang MAS 747, Melayu, Cina, India semua ada. Tetapi tidak jumpa kerana ini perkara sensitif kerana Singapura bimbang dan takut. Ini *siege mentality* yang saya sebutkan tadi.

Saya rasa antara kerajaan dengan kerajaan, perlu membereskan dan menyelesaikan perkara ini supaya Singapura tidak ada *siege mentality*, ala Israel ini. Lautan orang-orang Melayu tidak berniat hendak mengancam Singapura. Kita bersahabat begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kerajaan, Perdana Menteri kita, Menteri Luar Negeri kita membuatkan satu formula *once and for all*, memberitahu Singapura, please, sudah sampai masa dan saatnya kita hentikanlah perkara perlumbaan dari segi ketenteraan. Perkara hendak mengaibkan Singapura dan Malaysia dalam isu-isu tertentu. Tuan Yang di-Pertua, tentang bekalan air. Saya diberitahu bekalan air yang wujud di Johor ini, orang kita di Malaysia tidak dibenarkan pergi tengok loji-loji itu. Saya diberitahu Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak minta pihak kerajaan menjelaskan, adakah benar tentera-tentera Singapura mengawal loji-loji air di Johor, sehinggakan ianya merupakan satu kawasan larangan kepada orang-orang Malaysia dan kepada pemimpin-pemimpin Malaysia untuk pergi ke loji-loji.

Kalau ini benar, ini seolah-olah merupakan satu jajahan baru Singapura di Malaysia kerana orang kita tidak boleh pergi tengok loji air di sana kerana ianya dikawal oleh tentera-tentera mereka sendiri pergi bergilir-gilir mengawal loji air. Jadi, perkara ini saya merasakan amat perlu bagi kerajaan membereskannya dan saya minta pihak kerajaan panggil Lili Zubaidah Rahim yang kini menjadi pensyarah di Universiti Sydney untuk datang ke Malaysia dan menceritakan kepada parti pembangkang, sahabat-sahabat kita di universitakah, bagaimana sebenarnya yang berlaku di Singapura supaya mereka sedar dan insaf.

Tuan Yang di-Pertua, ini perlu. Saya juga ingin menyentuh tentang pertahanan. Kementerian Pertahanan, sebuah kementerian selain daripada Kementerian Pendidikan, yang mendapat RM4.7 bilion. Tadi Timbalan Menteri Pertahanan mengatakan seolah-olah kawasan kita ini terkawal. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya dengar cerita dalam surat khabar, kegiatan lanun di perairan di antara Indonesia, Malaysia dan Singapura ini, banyak berlaku. Pada masa sekarang mungkin 22. Saya difahamkan kalau tidak silap, 22 insiden-insiden lanun berlaku di sana dan kita tahu di sempadan Filipina dengan Malaysia, di sebelah Sabah, penculikan-penculikan berlaku. Penculikan berlaku saya ingat dua kali. Itu yang kita tahu yang memerlukan cara-cara *modus operandi* tersendiri hendak mengeluarkan mereka balik.

Soalnya sekarang, apakah kerajaan tidak memikirkan kerana sekarang ini canggih. Peperangan pada masa hadapan dalam era baru ini ialah peperangan menerusi *scanning high-tech*, peperangan high-tech seperti komputer. Saya hendak tanya pihak kerajaan, adakah kita meletakkan komponen-komponen, alat-alat yang boleh meneropong dari jauh. Pakai *scanning* sahaja. Pakai layar sini, kita tengok dengan *electronic device* nampak kapal lalu dan boleh kita kenal kapal mana supaya cepat kita dapat mempertahankan negara kita daripada pencerobohan, lanunkah, penculik dan sebagainya.

Saya perhatikan negara kita membeli kapal terbang. Baru-baru ini, kita dengar kita hendak beli helikopter MI-17, buatan Rusia. Teknologi daripada Rusia ini, dari segi pertahanannya setelah tamatnya zaman perang dingin tidak begitu canggih lagi. Mungkin 20 tahun kebelakangan dari segi teknologi dan dari segi *avionics*nya. Tetapi mungkin kita hendak menyelamatkan kos, kita beli juga MI-17.

Jadi, saya hendak minta pihak kerajaan, kalau kita ada koridor raya multimedia, super corridor dan sebagainya, kita memikirkan ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan, alat-alat komponen pertahanan mesti canggih, mestilah 20 tahun ke hadapan, mestilah menggunakan elektronik kerana medan peperangan akan datang seperti apa yang berlaku di Desert Storm, antara Iraq, Kuwait, Saudi Arabia dan orang-orang England dan Amerika. Mereka boleh melumpuhkan sistem udara Iraq menerusi alat-alat yang canggih.

Jadi, kita perlu mencanggihkan lagi. Kita tidak perlu ramai ahli-ahli ketenteraan tetapi kita perlu kecanggihan peralatan dari segi kapal terbang, selepas itu kereta kebal. Kereta kebal sekarang ini memang banyak. Banyak jenis kereta kebal. Saya difahamkan kita beli kereta kebal kita daripada Turki. Baguslah kita hendak tolong Turki tetapi sejauh mana kereta kebal itu mempunyai ketahanannya? Pasal Singapura pun ada kereta kebal sekarang ini. Dia hendak pergi mana saya tidak tahu. Dia banyak kereta kebal, bukan main canggih kereta kebal Singapura. Itu mungkin salah satu daripada pemikiran *siege mentality* yang saya sebutkan tadi. Dia pun ada kereta kebal. Dia hendak lalu ke mana saya tidak tahu pasal dia dikelilingi oleh Selat Tebrau dan perairan.

Tempat yang terdekat untuk kereta kebal Singapura ialah Kota Tinggi, Johor Bahru. Hendak pergi Indonesia kena menyeberang, kena naik kapal dahulu. Pasal kita sudah ada *double causeway*, lagi cepat dia masuk. Sampai Kota Tinggi, dia tang situ. Saya bimbang.

Datuk Long bin Jidin: Kereta kebal sekarang ini boleh jalan dalam air, Dato' Aziz.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tetapi air dalam, Tuan Yang di-Pertua. Ini dia tidak terapung, dia berat 70 tan. Kereta kebal ini bukannya ringan-ringan, 70 tan. Hendak merangkak dalam air macam mana? Tenggelam ke bawah. Tidak ada *chance* punya. Jadi, dia hendak menggunakan *causeway* kita hendak sampai ke tempat kita. Kita sepatutnya macam Singapura ada *siege mentality* juga tetapi kita tidak ada dan kita tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke Singapura, jalan highway dari bandar hendak pergi ke airport Singapura merupakan landasan kapal terbang. Saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini dan di tengah-tengah diletakkan pasu-pasu bunga sahaja. Pasu-pasu bunga ini boleh ditepis ke tepi untuk kapal terbang *landing*. Kalau target kita, sasaran kita hendak bom landasan kapal terbang yang sedia ada, dia kata okay, dia ada landasan lain. Kita tidak buat begitu. Saya sudah tanya pihak kerajaan dulu secara bisik-bisik, adakah kita mempunyai lebuhraya di mana ianya boleh digunakan sebagai landasan kapal terbang. Tidak ada. Ataupun mungkin dia tidak beritahu saya, saya tidak tahulah.

Adakah kita mempunyai landasan kapal terbang East West Highway, pasal dulu semasa *domino theory* wujud, Vietnam akan jatuh tempat-tempat kita oleh komunis, tidak ada tetapi di Singapura, di Taiwan, di Korea, lebuhrayanya merupakan landasan kapal terbang, dia punya foundation bukan main tegapnya, landing kapal terbang dia boleh buat kerana dia tahu semuanya ini ada siege mentality, dia takut serangan-serangan, orang akan serang landasan kapal terbang yang sedia ada tetapi dia ada alternatif landasan kapal terbang, highway-highway, Malaysia tidak ada, Singapura ada. Tetapi Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Long bin Jidin: Ada yang minta laluan, ya.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju pandangan Yang Berhormat. Memang kita tahu perjalanan highway dari bandar ke International Airport, Singapore khusus itu didirikan untuk memastikan wujudnya landasan kapal terbang. Maka sehingga itulah sebabnya Yang Berhormat bekas Perdana Menteri Singapura cakap, come fight me, dengan izin. Apa pandangan Yang Berhormat atas kenyataan bekas Perdana Menteri Singapura baru-baru ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Itulah saya sebutkan tadi, Singapura memang sudah lengkap dengan segala kecanggihan sampai submarine pun ada, hendak pergi perairan mana saya tidak tahu sebabnya perairan dia kecil sikit. Begitu juga dengan kawasan udara dia kecil, dia naik sahaja ke atas, dia masuk kawasan udara Malaysia, naik ke atas, masuk kawasan udara di Indonesia. Dia sekarang berlatih di Perth, di Darwin. Saya tahu, Air Force Singapura, latihannya dibuat di sana. Sekarang ini submarine. Baru ini dia ada buat submarine, merayau rata, ada satu exercise dengan negara-negara lain tidak termasuk Malaysia, Malaysia tidak ada submarine, baru kita hendak beli.

Jadi semuanya ini boleh menjadikan pencetus idea baru Lee Kuan Yew, datang siapa hendak serang, dia cabar. Dia bukan cabar Amerika saya sebut tadi, bukan cabar China, dia cabar Malaysia, Indonesia, Brunei, negara yang sekeliling ini. Ini bukannya tabiat orang-orang di Malaysia atau Indonesia hendak menyerang jiran-jiran, ini zaman dulu, zaman kolot dulu dan mentality semacam ini masih wujud, tebal, kuat di negara Singapura. Kita minta dalam perundingan redakanlah pandangan seperti itu. Hapuskan semua sekali pandangan seperti itu. Sila.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi peluang untuk saya mencelah. Yang Berhormat, saya hendak tanyalah apakah jemputan daripada bekas Perdana Menteri Singapura itu disebabkan oleh kerana Singapura mempunyai alat-alat yang canggih ataupun oleh kerana keadaan semasa di negara kita yang dia nampak seolah-olah kita tidak bersatu lagi. Dia nampak seolah-olah persepsi dunia mengatakan negara kita ini mempunyai parti-parti yang kata-mengata yang bukan-bukan terhadap pemimpin-pemimpin kita menjadikan seolah-olah rakyat negara ini tidak lagi menghormati pemimpin kita. Jadi bagaimana pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih saudara Dato' Hamzah. Tuan Yang di-Pertua, inilah yang parti PAS hendak, parti pembangkang tunggu ini sahaja. Dia sudah buat, ini satu usul yang kita akan bawa. Kalau diizinkan oleh Dewan yang mulia ini, akan buat satu usul yang berkenaan dengan bagaimana pengkhianat negara pergi ke Amerika memcetuskan resolusi menerusi Wexler - orang yang sama, Wexler dulu yang saya buat usul dulu, dia suruh Dr. Mahathir berhenti, kali ini Wexler dengan geng yang enam, yang lain, Wexler ini daripada Florida yang sekarang ini berdepan dengan masalah pengundian, dia konon hendak menyelesaikan masalah Malaysia. Tempat dia pun belum selesai, jadi itu usul lain. Tetapi memang benar ketidak tenteraman negara ini memang tidak ada, yang ada adalah protes-protes tertentu. Ini tidak lama lagi - intifada. Betulkah sebutan saya Ustaz? Intifada.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati ketika Yang Berhormat membahas dengan begitu semangat. Tentang Singapura, jadi kalau ikut perbincangan beliau ini tidak ada chance untuk kita hendak berbaik-baik dengan Singapura. Tetapi dalam satu ketika, beliau juga minta kerajaan supaya cari jalan kita berunding dengan Singapura. Jadi saya rasa perbincangan dalam Dewan yang panas begini menuding Singapura tidak apalah tetapi yang PAS ini dikaitkan pasal apa? Itu yang saya tidak faham ini. *[Ketawa]* Tiba-tiba waktu beliau bahas tentang Singapura, dalam semangat-semangat, PAS pula kena. Ini satu perkara yang tidak adil saya rasa, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Kalau Yang Berhormat mengikuti aliran perbahasan saya secara menyeluruh (total), saya kaitkan PAS kerana PAS sekarang ini tidak bersuara langsung untuk hendak menentang Suqiu ini tadi yang menuntut persamaan treatment kaum-kaum di Malaysia bahkan PAS sendiri bersetuju untuk hendak menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu, ini maksudnya. Tetapi apa yang berlaku di Singapura, sungguhpun Perlembagaan yang saya sebutkan Artikel 152 menuntut kerajaan Singapura untuk menjaga kepentingan orang Melayu di sana, tidak dilakukan oleh Singapura. Jadi saya tidak nampak bagaimana usahawan-usahawan, millionaire kaum-kaum Cina yang dapat hasil daripada Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya mengutuk apa yang dituntut oleh Suqiu. Saya tidak nampak parti-parti pembangkang mengutuk, saya tidak nampak bahkan parti pembangkang ada pergi ke Amerika untuk menuntut orang Amerika jangan membantu Malaysia dari segi ekonomi. Yang kita hendak bahas tentang ekonomi ini, ada orang pergi ke Amerika menggunakan JMS - satu badan pelobi supaya orang Amerika kerana teruk sangat Malaysia ini jangan pergi melabur di Malaysia, jangan pergi berdagang dengan Malaysia. Mungkin FDI kita - Foreign Direct Investment kita menurun mungkin kerana ini, saya tidak tahu ataupun mungkin dia tidak ada kesan langsung pasal dia pun bermasalah. Jadi sekarang ini hendak memikirkan siapa yang jadi Presiden.

Setakat pagi tadi CNN tidak mengumumkan lagi. Dari segi hakim-hakim dia, lima Konservatif, lima Republikan, empat Demokrat, hakim dia pun ada parti. Kita tidak ada hakim UMNO, hakim DAP, hakim PAS, tidak ada. Di sana, hakim pun ada parti, ini hakim Demokrat, ini hakim Republikan, di sana begitu. Itu orang hendak mengajar kita itu, tengok saya akan ceritakan kalau bila usul ini sampai tetapi parti-parti pembangkang khasnya parti-parti yang disebutkan tadi berperanan untuk melemahkan kemantapan ekonomi negara yang berasaskan kepada perpaduan, yang menuntut perpaduan. Kekuatan Malaysia, perpaduan. Tidak ada perpaduan, hancur. Sebab itu saya sebutkan tadi sebelum Ustaz menghadiri Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi....

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Minta laluan.

Datuk Long bin Jidin: Dato', ada yang minta laluan.

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Tuan Yang di-Pertua, adakah usaha-usaha terancang parti pembangkang dan pertubuhan NGOs negara ini memburukkan negara kita di luar negara merupakan perbuatan yang boleh dianggap sebagai menghampiri kepada pengkhianatan? Ya, hendak tanya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu usul yang saya hendak bawa tetapi saya minta Dewan akan beri saya peluang dan saya akan debate, bahaskan satu usul yang berkenaan dengan perkara yang sama, jadi saya tidak hendak mem'pre-empt' usul itu, saya mohon izin, tetapi memang secara kasarnya kita memang minta pihak kerajaan menyelidiki adakah ianya bersabit dengan undang-undang negara, cara mereka membuat kegiatan-kegiatan sabotaj. This is economic sabotage. This is kalau ikut saya 'treason'. Treason dalam perang, Tuan Yang di-Pertua, hukum mati, hukum bunuh, hukum gantung pengkhianat. Dari segi Islam pun tidak suka pengkhianat negara ini. Ustaz pun angguk sahaja, dia setuju-jah itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pertahanan negara ini, saya rasa kerajaan jangan takut-takut untuk membelanjakan peruntukan-peruntukan bagi membeli perkara-perkara, alat-alat yang canggih, kita berhentilah membeli hak-hak lama ini, hak murah tetapi teknologi lama. Macam MI 17 dan sebagainya saya check dengan MI 17 – ini helikopter dari Russia, spare part pun entah ke mana, kita pun tidak tahu. Lepas itu, dari segi kereta-kereta kebal yang kita beli dari Turki, ini sudah buat 250 buah akan dibeli daripada Turki. Adakah ini paling canggih pasal Turki kita tidak pernah dengar dari segi penyelidikannya, pertahanannya dia canggih, saya tidak tahu tetapi kita perlu mencari alat-alat yang canggih. Bukan kita takut pada Singapura, tidak. Bukan kita takutkan orang lain, tidak, tetapi untuk menentukan pertahanan kita secanggih pemikiran-pemikiran pemimpin kita dari segi IT dengan ICT itu tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap tahniah kepada pihak kerajaan kerana setelah begitu lama pihak tentera berjuang, pihak Angkatan Tentera Malaysia berjuang telah memberi peluang kepada Ketua Panglima Angkatan Laut dan Angkatan Udara dapat four star, 4 bintang Jeneral. Kalau dulunya hanya Angkatan Darat. Panglima Angkatan Tentera four star, lepas itu Chief of the Army four star. Sekarang ini chief navy pun empat bintang, chief udara pun empat bintang. Ini sesuai

sangat kerana dalam mana-mana peperangan bukannya berapa jumlah ahli-ahli yang kita ada, anggota-anggota, pemikiran kecanggihan sekarang semua komputer, perang sekarang dengan komputer. Jadi kalau sekiranya air force kita sudah canggih, navy sudah canggih, empat bintang, lima bintang, sepuluh bintang pun boleh kita beri kerana mereka ini menunjukkan kecanggihan dan besok kita minta pihak kerajaan tukar-tukarkan siapa menjadi ketua angkatan tentera ini - Chief of the Arm Forces, takkan tentera sahaja, mungkin daripada udara, mungkin daripada laut boleh menganggotai, boleh menjadi ketua seperti yang berlaku di Amerika, di England dan sebagainya, ditukar-tukar kerana kecanggihan peralatan ketenteraan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah Menteri Pertahanan cepat-cepat sikitlah beri elaun yang lebih kepada askar-askar kita, angkatan laut, angkatan udara ini. Begitu juga kepada polis kerana ketahanan negara sungguhpun ada pihak pembangkang mengatakan polis merupakan samseng berlesen, sampai begitu Tuan Yang di-Pertua. Polis kita sendiri dipanggil, digelar oleh parti pembangkang sebagai samseng berlesen. Pada kami Barisan Nasional, mereka inilah yang menjaga keamanan, mereka inilah yang kena peluru sasaran dan mereka sepatutnya kita sanjung, bukan kita kata jadi samseng berlesen. Agaknya mereka ini tidak pernah tengok televisyen bagaimana apabila protes-protes di Seattle yang hendak tentang WTO ini, dia kata World Trade Organisation sekarang ini, Badan Perdagangan Dunia mengancam kedudukan negara-negara miskin. Protes paling besar mula-mula di Seattle sampai tidak dapat buat keputusan. Polis bantah dengan kayu, dengan belasah dan sebagainya sehinggakan Suhakam dia, dia pun ada Suhakam di Amerika itu tidak terbuat, pasalnya benda ini protes yang paling dahsyat, yang degil. Lepas itu protes di Washington atas isu yang sama, protes di Melbourne, di Prague dan baru ini di Nis, terbakar kedai-kedai, celik sikit mata, ini yang berlaku di tempat orang, lagi dahsyat, lagi ganas untuk menjaga ketenteraman. Suhakam pun dia ada, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini, tidak ada benda pun.

Saya hendak sentuh tentang Suhakam kita ini pasal terlanjur perkara ini disebut. Suhakam di negara ini sepatutnya janganlah pre-empt apa yang hendak dibuat oleh mahkamah. Saya tengok dalam surat-surat khabar, ahli-ahli Suhakam dok panggil sekarang ini dan menyiasat perkara ini atas kesalahan-kesalahan yang bersabit dengan

perundangan. Biarlah siasatan dibuat, biarlah mahkamah mengambil alih dulu. Kalau tidak bersetuju kemudian, bolehlah difikirkan Suhakam, ini tidak, sebelum dia bawa ke mahkamah, sebelum penyiasatan polis dibuat untuk membawa kes ini ke mahkamah, Suhakam sudah panggil mereka, mari berbincang dulu, dia hendak siasat dulu. Kita tidak mempunyai dua aliran kehakiman, dan Suhakam bukan menjadi hakim untuk khusus bagi perkara itu. Jadi, saya minta Suhakam supaya meneliti balik semula peranan kalau sekiranya hendak berlawanan dengan mahkamah yang sedia ada, ini bukan maksud kita mewujudkan Suhakam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara Suhakam ini saya hendak bertanyalah pihak pembangkang, adakah pembangkang bersetuju hak asasi manusia di Malaysia ini baik. Apa komen orang Amerika, orang Australia kepada kita, di tempat dia lagi teruk. Baru-baru ini kita baca di Australia bagaimana pelarian daripada Afghanistan dan Iraq diletakkan di Woomera. Woomera ini ceruk di Australia Selatan, budak kecil pun dia rogol, makan pun teruk, sehingga bekas Perdana Menteri Australia, Malcom Fraser dalam surat khabar semalam pun mengatakan ini merupakan lubang neraka. Tempat orang Afghanistan, Islam kita, orang Afghanistan, orang Iraq diperapkan di Woomera ini sebagai lubang neraka, teruknya Australia pun hendak komen tentang hak asasi di Malaysia selain daripada Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta sekarang ini parti KeADILan atau PAS kerana dahulu bukan main terror dengan Estrada, dengan Habibi sebelum pilihan raya dahulu, sekarang ini pergilah bantu di Filipina. Sekarang Estrada berhadapan dengan masalah besar. Dahulu bukan main, my friend, sahabat belaka itu. Termasuklah Al-Gore ini, saya mintalah Al-Gore pun yang tak tentu arah lagi menang tak menang yang suruh kita berdemonstrasi di jalanan. Dia datang di sini hari itu bukan main kurang ajarnya supaya Tuhan tunjukkan. Ini semua petunjuk Allah S.W.T. belaka. Insaflah, apa yang berlaku di tempat-tempat orang ini merupakan petunjuk kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, tak lama lagi kita dengar selepas memberontak 100,000 kononnya di jalanan, hendak buat pula intifada. Saya minta pihak kerajaan bawa orang-orang kuat PAS ini ikut perundingan pucuk pimpinan kita di persidangan OIC, negara-negara Islam, 56 buah negara-negara Islam yang bersidang baru-baru ini dan

dahulu, dan tahun 2003 di Malaysia. Tengok cara Malaysia disanjung oleh negara-negara Islam atas perbuatannya, atas pemikirannya, atas pucuk pimpinan Dr. Mahathir sendiri, idea-idea dia. Bawa ahli-ahli PAS terutamanya, hendak buka mata bagaimana dunia Islam memerlukan kepimpinan macam Dr. Mahathir yang diiktiraf sekarang ini. Hendak menyelesaikan masalah Palestin bukan main lama sampai sekarang baru Saudi Arabia bersama-sama dengan negara-negara Arab mengatakan Amerika kalau tak buat betul, minyak pun tak hendak jual, yang buat bantuan sampai RM1 bilion untuk Palestin.

Datuk Long bin Jidin: Dato' ada laluan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pandangan Yang Berhormat Dato' Aziz itu saya bersetuju sangat kalau boleh kita bawa pemimpin-pemimpin parti pembangkang ini bersama-sama menyertai lawatan ke luar negara. Cuma saya minta pandangan Dato' Aziz sebelum kita bawa kita kena fikir dahulu betul masak-masak. Fasalnya selama ini kita sudah buat tanpa mereka, buat baik sekali pun, di seluruh dunia Islam mengakui bahawa pemimpin kita benar-benar dapat memberi sokongan kepada semua negara Islam, memberi buah pandangan yang begitu baik kepada seluruh negara Islam. Kalau kita bawa pemimpin-pemimpin mereka parti pembangkang ikut sekali, saya takut balik esok dia belitnya. Dia kata sekarang pemimpin kita sudah tak ada idea terpaksa bawa mereka, itu yang saya minta pandangan Dato' Aziz. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Kalau dia belit macam itu susahlah kita. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, begini, kita ambil gambar, kita letak dia di belakang, ambil gambar dia elok-elok, dia mendengar sahaja, observer status. Tidak ada penglibatan cara hendak berdialog pun tak ada. Dengar dan tengok, lihat bagaimana pucuk pimpinan kita. Dr. Mahathir dahulu berlawan dengan Soros, dengan IMF, terbukti apa yang dia buat betul. Kini hendak buat dari segi bank-bank Islam, hendak buat sebagai pusat bersaing dengan Bahrain, bukan main hebat kita buat International Islamic Financial Market sudah ditubuh di Labuan, pelbagai kita buat. Idea-idea semacam ini dicetuskan oleh pemimpin, lain. Kalau sekiranya kita pergi tengok apa yang berlaku di Terengganu dan Kelantan. Saya sebut ini fasal ada berkaitan dengan Budget. Di Kelantan saya sudah sebut, kalau ikut Dato' Nik Aziz

sebagai Menteri Besar Kelantan, priority dia bukan membasmi kemiskinan. Dia sudah beritahu, priority dia dari segi agama sahaja. ini saya petik dalam majalah, lain pendekatan. Sebab itulah duit yang kita hendak buat daripada ihsan minyak ke Terengganu kita hendak salurkan menerusi agensi-agensi yang boleh membangun dan membasmi kemiskinan hendak bantu rakyat di Terengganu. Kalau beri kepada dia mungkin dia salurkan dari segi politik ke Pahang. Saya terima duit itu tetapi tidak terima dari segi politiknya. Dia akan menggunakan cara-cara itu pasal Kelantan tidak punya priority membasmi kemiskinan Apa bezanya Kelantan dengan Terengganu parti yang sama, ilham dari pemimpin yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang minta Perdana Menteri, minta pucuk pimpinan Menteri Luar Negeri kita bawa dua-tiga orang parti PAS setiap kali kita pergi keluar, mereka duduk di belakang dan dengar dan lihat cara kita mengolah idea untuk menentukan negara-negara Islam bermaruah. Saya minta OIC menerusi Menteri Luar Negeri kita, saya sudah sebut beberapa kali negara-negara Islam terapung atas minyak, maknanya banyak duitlah kebanyakan. Sebenarnya memang benar kalau ikut dari segi minyak dunia daripada 75 juta tong sehari minyak yang dikeluarkan, negara-negara Islam OIC mengeluarkan lebih kurang dekat separuh minyak dia. Jadi, duit itu ke mana perginya kalau tak menolong negara-negara Islam, kalau tidak berfitrah dan berzakat kepada negara-negara Islam yang miskin ini. Kalau kita ada zakat dan fitrah di peringkat negara, di peringkat antarabangsa mesti wujud hendak membantu negara-negara yang perlukan bantuan yang kebanyakan negara-negara Islam juga yang tak kaya.

Jadi, wujudkan belanjawan khusus hendak membantu, hendak membasmi kemiskinan negara-negara Islam, dari kecanggihan pemikiran, dari segi pendidikan, dari segi sosial, hospital, doktor, kita buat macam itu. Maknanya, budgetnya, Saudi ada jika kita kumpulkan kita tengok bagaimana OIC. Macam OACD negara-negara maju yang lain, dia buat. Macam Jepun memberi bantuan US\$15 bilion setahun kepada negara-negara membangun. Takkan negara-negara OIC dengan Saudi, Iraq, Kirgizstan, Malaysia, Brunei, Indonesia tak boleh saling bantu-membantu.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Menteri Luar Negeri supaya negara-negara Islam menerusi OIC wujudkan rangkaian beritanya sendiri. Sekarang

ini kita very apologetic. Ini disebut oleh parti pembangkang apa dia khabar, Amerika bukan main mencemuh orang Islam, tetapi kita minta tolong kepada dia. Kita buat. Kalau sekiranya Langkawi International Dialouge (LID) baru-baru ini hendak buat rangkaian South-South dari segi Berita, negara-negara Islam mempunyai CNN dia sendiri. Beritahu dunia kita sebenar, jangan diputarbelitkan oleh CNN, ABC dan CNBC dan sebagainya yang maruah mereka pun tercabar apabila mengumumkan keputusan pilihan raya yang salah. CNN, ABC dengan NBC maruah dan martabatnya sudah koyak sedikit, rosak. Apa yang diumumkan, sekali AlGore menang, sekali Bush menang, laporan pun tak betul. Laporan dia memang semua tak betul kalau ikut cerita-cerita negara-negara Islam. Kalau kita tengok dalam berita CNN, yang kita tengok bagaimana orang pakai lastik pergi tuju kepada orang Israel pakai senapang. Tetapi yang bersalah yang pakai lastik, budak-budak kecil pakai lastik, kalau lastik ini kita hendak tembak burung. Kita ambil batu sebiji, toop!...hendak lawan dengan senapang.

Jelas sekali mengikut satu kajian orang ini memang tujuan hendak menembak. Mengikut kajian Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Israel sememangnya kejam, memang menuju hala peluru itu untuk menembak anak-anak kecil. Baru sekarang dia bersetuju. Israel bersetuju siasatan bebas dibuat. Dia buat satu alasan mesti diketuai oleh Amerika Syarikat. Senator Mitchul akan pergi menjadi ketua laporan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan OIC di mana Malaysia memainkan peranan yang berat dan kuat, kepimpinan yang diberi oleh negarawan kita sepatutnya meluaskan skop bagi membanteras apa yang berlaku di negara-negara kita dan ancaman-ancaman dibuat oleh negara-negara luar.

Berkenaan dengan pendidikan, Tuan Yang di-Pertua, memang sudah banyak cerita bagaimana soalan-soalan kertas kosong keluar. Psychologically budak-budak. Saya hendak tahu daripada Kementerian Pendidikan, Timbalan Menteri ada di sini. Apa kata kalau sekiranya yang kita kurung 30 minit itu kerana psychologically sudah affected dari segi mind. Cuba bayangkan 30 minit hendak menunggu soalan ini, duduk terkurung dalam bilik. Kalau ikut keputusan-keputusan peperiksaan tahunan A, sampai ke peperiksaan kali ini, kalau sudah kurung 30 minit dapat D. Apa kementerian hendak buat kepada mereka ini sama ada hendak kaji semula atau tidak

kerana psychologically mereka memang sudah tewas, sudah terperangkap 30 soalan kertas kosong dia beri, tak dapat hendak buat apa. Ikut keputusan tahunan peperiksaan semuanya cantik, canggih baik belaka, sampai yang ini saat terakhir kerana kena kurung 30 minit dia tak pas. Saya minta kementerian kaji kepada mereka yang terlibat.

Saya hendak tanya betulkah kertas-kertas ini dicetak di luar negara. Sulit sangatkah kertas kita ini. Alangkan cek, tiket kapal terbang yang mahal-mahal dari segi potential valuenya, nilainya, kita cetak di negara kita, kita ada syarikat-syarikat security printing. Kalau benar di luar negara kenapa, tak percayakah kita kepada pencetak negara kita sendiri, security printers negara kita. Ini saya dengar betul tak betul saya tak tahu. Kalau sekiranya siapa sahaja yang mencetak luar negara atau dalam negara sudah buat macam ini, apakah penaltinya, adakah dalam kontrak kita kata kalau buat salah - ini memang cetak yang salah fasal kosong, dia lalai mencetak muka surat itu, berapa banyak dia kena bayar denda kepada kementerian, saya hendak tanya. Takkan hendak beri cara frees sahaja, dia cetak salah, ini human error, terus terlepas. Tak jadi, tak boleh, kita tak boleh biarkan. Dari segi kontrak kita hendak tahu berapa banyak penalti terpaksa dibayar kepada kementerian kerana kesilapan dari segi human atau teknikal tak kira kepada kerajaan. Saya minta janganlah ulang perkara semacam itu kerana malu kita. Sudah merdeka 43 tahun dapat kertas kosong hendak menjawab apa. Kita rasa malu, kita rasa sedih. Jadi, saya minta Kementerian Pendidikan, selain daripada Bahasa Inggeris, matematik, saya rasa saya merayu sekali ambillah guru-guru antarabangsa. Saya minta sekali lagi sungguhpun dalam jawapan tak bersetuju hendak ambil guru-guru daripada negara-negara Komanwel, kalau dahulu dia boleh bantu kita sekarang ini dia bolehlah lagi bantu secara percuma, kalau kena bayar pun sedikit sangat. Daripada 'ala peace cur' zaman Keneddy di mana kita ambil - Itu fasalnya, Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri memberitahu kita yang banyak sekarang ini belajar wanita, saya mereka suka wanita, siapa kata saya tak suka wanita. Tetapi hendak mengajar di luar bandar susah sangat wanita. Kerana dia ikut suami dia yang terpaksa bekerja di bandar. Bila terpaksa bekerja di bandar, hendak hantar ke hulu-hulu susahlah dia.

Begitu juga dari segi pendidikan sekarang ini. Saya dari segi statistik terbaru wanita sudah meningkat bukan main tinggi lagi. Pada tahun 1957 - 1960; lelaki 71% - 80%; perempuan - 22%. Saya hendak tunjukkan bagaimana empowerment kepada wanita. 1990-1998, lelaki - 47.5%; wanita - 52.7 sudah terbalik, sekarang ini banyak wanita lebih pandai dari lelaki. Kita ucapkan syabas, ini menunjukkan jayanya sistem pendidikan negara kita, pencelikan pendidikan kepada dahulunya terpinggir, kini masuk kepada arus perdana pendidikan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz kerana memberi laluan. Tajuk wanita yang dibangkitkan oleh Dato amat tepat dan saya nampak dia begitu ghairah dan berminat dalam tajuk ini hingga memahami secara mendalam. Saya terlintas di fikiran saya, dalam dunia penerbangan yang saya tahu Yang Berhormat Dato' Aziz juga ada pengalaman, ada ketikanya dahulu, sekarang wallahu wa'alam, saya pun tak faham. Kalau hendak jadi pramugari ada had masanya dia tak boleh kahwin. Jadi, ini masalah negara. Semua yang banyak wanita muda-muda belajar kalau kahwin jadi masalah. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Dato' kalau sekiranya polisi yang diamalkan oleh syarikat penerbangan itu dijadikan amalan dalam perjawatan bagi guru-guru wanita ini. Ertinya bila dia lulus selama lima tahun tidak boleh kahwin lagi. *[Disampuk]* Contoh, saya minta pandangan *[Ketawa]* relax, itu dunia ilmu dan mengharapkan kreativiti sebab pakar dia ada baik kita tanya pakar. *[Ketawa]* Saya ini tidak faham, saya hanya bertanya kepada rakan yang nampak begitu mahir dalam tajuk ini. Jadi, bagaimana tentang model pramugari dalam MAS yang saya tahu Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga ada pengalaman diadopsikan dalam masalah negara tentang wanita. Ini serius, serius kerana banyak betul wanita. Kita kena selesai masalah wanita ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya memang sudah duga...

Datuk Long bin Jidin: Minta laluan lagi seorang Datuk.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih kepada Dato' Abdul Aziz dan juga Datuk Ghazi. Saya rasa sistem ini digunakan dahulu di mana guru-guru wanita kita yang keluar daripada maktab dilarang berumah tangga sehingga jarak tiga tahun

dan ini sebenarnya satu penyeksaan yang amat dahsyat kepada wanita dan satu diskriminasi dalam perjawatan.

Lantaran itu kita dapat lihat mereka ini telah bersuara dan peraturan itu telah kementerian lontar jauh-jauh. Jadi, sekarang kalau kita hendak ambil yang Dato' Abdul Aziz sebutkan seolah-olah kita balik kepada zaman kolot kita. Wanita kita beri tempat sesama, apa yang diaddresskan pada pagi ini bukan masalah kahwin tetapi masalah-masalah lain yang timbul walaupun sedikit ada bilangannya yang berumah tangga dan sebagainya. Ini juga kita beri kesempatan.

Tempat yang luar ini kita boleh fikirkan tetapi jangan kembali kepada sesuatu yang sudah kita fikir dan kita tolak. Kita balik kepada yang lama, maka kita boleh putar dan terbelit dengan masalah-masalah pendidikan itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Sila Dato'.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniahlah kedua-dua ini, hebat semuanya ada berkepentingan masing-masing dalam bab wanita ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar semasa saya bekerja MAS dahulu 10 tahun lebih, peringkat awal lagi tahun 70'an sistemnya sudah berbeza. Waktu itu pun saya pernah mewakili jabatan saya – kewangan menghadiri peringkat terakhir memilih pramugari-pramugari dan stewardess dan steward ini.

Memang pada waktu itu kita katakan jangan kahwin seelok-eloknya tetapi sekarang ini saya tidak tahu, saya difahamkan sekarang ini dia ada kontrak lima tahun, lima tahun maknanya peringkat kontrak yang pertama lima tahun itu, pramugari ini dia boleh kahwin tetapi jangan mengandung agaknya, pasal mengandung ini susah, macam mana hendak bawa tray atas itu bila mengandung, saya rasalah. Tetapi perkara ini telah berbeza maknanya zaman kita dahulu lain Datuk Ghazi, saya hendak tahu Datuk Ghazi pun zaman yang sama juga dan sekarang ini sudah berbeza.

Jadi, saya tidak bersetujulah kalau mereka diberikan ikatan yang begitu ketat kerana ini adalah naluri semula jadi hendak kahwin, hendak cerai ini naluri semulajadi yang digalakkan oleh agama kita sendiri. Kita tidak boleh sekat apabila dia jadi meronta-ronta esok susah.

Jadi, yang perlu saya tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah dari segi kementerian buat selidikan, penyelidikan rapi bagaimana hendak mengimbangkan lelaki wanita ini kerana ianya mempunyai implikasi jangka panjang. Saya bimbang esok bila ramai sangat wanita terpelajar, lepas itu lelaki kurang terpelajar jadi hendak kahwin susah bagi lelaki pasalnya semuanya intelektual-intelektual belaka. Yang menjadi pegawai banklah, hendak menjadi...Jadi, esok macam Singapura apa yang berlaku di Singapura sekarang ini. Ini saya ambil contoh Singapura, dia buat love boatlah, ini bot cinta panggil yang belum kahwin, wanita dan lelaki ini duduk sana, dua, tiga, empat hari duduk belayar begitu, balik tidak kahwin juga pasal dia lebih pentingkan kepada karyawan dia, profesional dia, profesion dia. Tetapi saya bimbang kalau di Malaysia kita galakkan dan biarkan sahaja arus ini berlaku, esok begitu ramai wanita-wanita cerdik pandai, intelek-intelek wanita dan kurang lelaki saya tidak tahu bagaimana mereka ini hendak kahwin. Pasal dari segi intelek pun hendak sama ia mesti ada

Puan Jaya Partiban: *[Bangun]*

Datuk Long bin Jidin: Dato', Yang Berhormat Puan Jaya Partiban minta laluan.

Puan Jaya Partiban: Terima kasih kerana memberi laluan Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak tanya sedikit sahaja.

Begitu ramai wanita yang menjadi guru tetapi apabila ada prosedur kenaikan pangkat mahupun di sekolah-sekolah menengah ataupun institusi pengajian tinggi, keutamaan nampaknya diberi kepada kaum lelaki sahaja, kenapa wanita dibelakangkan. Bolehkah Dato' atau Timbalan Menteri Pendidikan memberi penjelasan. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Dalam menghuraikan esok insya-Allah, saya rasa Timbalan Menteri canggih kita ini akan memberikan ulasannya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah Kementerian Pendidikan mengkaji perkara-perkara ini terutama sekali syor saya itu untuk hendak memanggil guru-guru volunteer, sukarelawan daripada Australia, New Zealand, England, Amerikakah mengajar anak-anak kita di luar bandar sekolah-sekolah Tamil, sekolah Cina, sekolah

Melayu di luar-luar bandar kerana mereka memerlukan bahasa Inggeris, matematik dan sains.

Jadi, kalau susah sangat hendak dapat guru-guru kita sendiri yang susah hendak pergi ke luar bandar, kita ambillah orang luar, dia bukan main suka duduk di luar-luar bandar untuk memberikan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: [*Bangun*]

Datuk Long bin Jidin: Dato', ada lagi seorang Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan minta laluan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Dato'. Saya rasa Dato' tidak habis cerita masalah itu tadi. Masalah wanita yang qualified, yang berkelayakan seolah-olah Dato' meletakkan perkahwinan berasaskan kepada keupayaan akademik, profesionalisme dan sebagainya. Apakah acuan kita di masa akan datang kerana kadang-kadang kita terasa bahawa apabila wanita menjadi pegawai kanan, apakah salahnya seorang suami seorang pemandu sebagai satu budaya ataupun peradaban baru kerana falsafah suami sebagai pemimpin kepada keluarga mengikut Islam, saya rasa tidak kena mengena cuma budaya kita ataupun tanggapan kita, ataupun perspektif kita sahaja. Maknanya kalau isterinya diploma, kalau boleh suami pun diploma ataupun lebih tinggi.

Apa salahnya umpamanya tadi Dato' Abdul Aziz ada cerita tadi dalam masalah dia kata dia tidak mampu tetapi kita rasa dia mampu, masalah kahwin lebih umpamanya. Kalau seorang Ahli Dewan Negara setengah daripada setengahnya menjadi trend sekarang ini. Saya tidak nampaklah ahli Dewan Negara tetapi sebelum ini macam beberapa orang wakil rakyat sama ada UMNO, PAS trend kahwin lebih daripada satu ini perkara agak biasa kerana mungkin dilihat kemampuan dia itu berkahwin kerana konsep ataupun pendekatan dalam budaya kita, perkahwinan itu adalah satu yang mesti dilihat kemampuan.

Jadi, apakah definisi kemampuan itu Dato'. Jadi, saya hendak tanya Dato' sebenarnya apakah Dato' setakat hari ini memikirkan maknanya lelaki mesti sekurang-kurangnya add par ataupun lebih kerana saya nampak tujuan perkahwinan setakat hari inilah saya tengok, pengurus-pengurus bank yang umurnya 35, 40an, 45

tahun dia memilih seorang yang berapa educated, office boy dan dia hidup bahagia dan dapat menjaga kebahagiaan. Ada ahli korporat yang berjaya, dia mengambil pegawai kerajaan yang pendapatannya rendah, Datuk Nor Azah – contoh ini, maknanya saya tidak tahulah siapa tetapi lebih kurang begitu.

Jadi, Dato' kita sebagai seorang yang akan melihat masa depan yang lebih cemerlang di negara kita, oleh kerana trend sudah begitu. Saya terbaca baru-baru ini dalam CNN, ternampak dalam CNN dia buat teka-teki Tuan Yang di-Pertua, negara manakah mempunyai kumpulan wanita yang paling sedikit sekali, lima enam negara. Saya pun teka tidak kena, jawapannya ialah Nepal. Sebuah negara yang mana kedudukan komposisi wanitanya sebanyak 37.5% sahaja.

Jadi, bagaimana keadaan negara itu. Jadi, di negara kita ini apa salahnya kalau kita melihat perkara ini sebagai satu pendekatan dalam budaya baru oleh kerana sudah trend, Allah Taala sudah beri kepada negara kita, mungkin kelahiran ataupun keupayaan masyarakat Malaysia, Melayu, Cina, India dan lain-lain dapat melahirkan anak wanita ataupun perempuan itu lebih daripada lelaki dan kita memerlukan tenaga dari segi sumber manusia. Apa salahnya keupayaan belajar pun kita nampak memang wanita Dato' Abdul Aziz pun sudah beberapa kali sebut wanita ini memang dia lebih ramai, maka dia lebih nampak kecemerlangan mereka di pusat-pusat pendidikan. Apa salahnya kalau ada kerehan, keredaan wanita yang berkebolehan, dia berkahwin dengan orang yang kurang kebolehan. Tetapi saya tidak tahulah pendirian Dato' dalam masalah ini, Dato' cuba jelaskan sedikit saya pun tidak berapa nampak juga ini. Terima kasih Dato'.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Minta laluan.

Datuk Long bin Jidin: Ramai hendak respons daripada Yang Berhormat Tuan Haji Rosli ini. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Saya hendak bincang sedikit Tuan Yang di-Pertua, saya dengar juga tadi kita pada mula tadi bincang pasal jawatan, jawatan guru. Di mana wanitanya berkelayakan dan pelbagai lagilah, katakan wanita ini terlampau ramai jadi guru, lelakinya tidak ada.

Saya lihat hari ini orang lelaki sudah minat menjadi tukang masak. *[Ketawa]* Jadi, tidak susah lelaki tukang masak boleh jadi, tukang masak boleh kahwin dengan cikgu. Cikgu mengajar dekat rumah sudah ada orang masak ya.

Jadi, bagi saya, saya lihat bila timbul isu ini wah, mata masing-masing orang lelaki ini tegak, tadi semua hendak tidur, dia dengar sahaja kahwinlah, dengar boleh tambah wanita ramai dekat Malaysia ini konon, bolehlah dua tiga pasang tetapi jangan lupa hendak pasang dua tiga ini bukan hendak menyelesaikan masalah, timbul masalah.

Saya ini Pengerusi HAWA, banyak yang sudah jadi masalah, ibu tunggal, ibu tinggal, anak yatim dan sebagainya. Jadi, pada pandangan saya bukan soal kahwin itu boleh selesaikan masalah tetapi persepsi orang lelaki sendiri. Lelaki kena pinang wanita, bukan wanita hendak pinang lelaki.

Jadi, sekarang orang lelaki kalau ada minat dekat mana-mana, pinanglah janganlah fikirkan kalau kedudukan wanita itu dia itu berjawatan tinggi seganlah hendak pinang, jatuhlah standard konon-konon. Sepatutnya lelaki sendiri mesti ada perubahan ini, perubahan minda lelaki sendiri. Kalau fikirkan seorang wanita itu berjawatan tinggi, kita ini sebagai kerani biasa sahaja, kalau sudah berminat mulalah hantarlah pinangan, insya -Allah. Kalau wanita yang faham dia akan terima, kita tidak pernah menolak, janganlah selalu salah-salahkan wanita konon-kononnya wanita ini memilih dan sebagainya.

Sebenarnya wanita tidak memilih, lelaki yang cukup pandai memilih, pilih pula bukan main-main pilih, hendak pilih yang buah kelapa muda. *[Ketawa]* Ha, kelapa muda jangan main-main, kalau jatuh pecah hancur berderai, kalau kelapa tua dia jatuh dia menganjal. Ha, dia payah hendak pecah. *[Tepuk]*

Jadi, Yang Berhormat pada pandangan saya eloklah kita sama-sama bincang masalah perjawatan pada wanita hari ini. Kita jangan rasa iri hati, orang lelaki jangan irihati, wanita hari ini lebih maju, lebih berjaya dalam bidang pendidikan kerana kita tidak salahkan lelaki. Orang lelaki sebagai bapa memainkan peranan ini kerana bapa-bapa sekarang banyak sayang anak perempuan kerana dia tahu anak perempuan itu baik dari segi tingkah laku dan sebagainya senang hendak dibimbing.

Jadi, peranan sebagai seorang bapa juga perlu dimainkan supaya taraf pendidikan anak-anak kita di dalam keluarga sama, kalau anak lelaki mencapai kejayaan, anak perempuan juga mesti ada kejayaan, jangan kita bezakan antara anak lelaki dengan anak perempuan.

Jadi, kalau peranan ini dapat dimainkan oleh keluarga saya rasa jawatan guru ini juga boleh diberikan pandangan yang baik kepada anak-anak kita sendiri. Kita sebagai bapa boleh menggalakkan anak-anak kita mencebur diri dalam bidang pendidikan kerana banyak sekarang ini keluarga ataupun masyarakat hari ini ia memandangkan seolah-olah jawatan guru itu khas untuk wanita, ada anak perempuan, tidak diberikan pendedahan kepada anak lelaki dalam bidang perguruan.

Jadi, saya berharap supaya sama-samalah kita bincang perkara ini dan saya minta kepada Dato' supaya kita membincangkan satu perkara ini biarlah serius dan tentang perjawatan inilah kerana jangan sindir-sindir. Cakap sindir-sindir ini kadang-kadang saya dengar pun hati tidak sedap. Pasal orang lelaki dia pandai cakap sindir-sindir, Datuk Ghazi tadi pun pandai bercakap tetapi kalau orang macam saya ini saya faham tetapi tidak mahu jawablah. Tetapi kalau boleh biarlah jawatan yang disandang oleh wanita ini yang memang kita galakkan dan kita minta juga supaya perjawatan ini juga dapat dipertingkatkan kerana kita lihat bak kata Yang Berhormat tadi diskriminasi masih ada lagi pada wanita. Bila jawatan guru yang ramai itu nampak tetapi jawatan yang mendapat pangkat ini memang tidak pernah disentuh oleh mana-mana jabatan.

Sekian, pandangan saya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak pernah menyindir perkara ini dan semuanya benar belaka.

Jadi, saya hendak sentuh tentang sahabat saya Tuan Haji Rosli tadi, dia kata dari segi agama pun memang ada, kalau boleh kahwin itu mesti ada setaraf, dengan cara ini ustaz pun ada – setaraf ini maknanya banyak caralah setaraf pendidikannya.

Saya tidak dapat membayangkan kalau sekiranya seorang KSU hendak kahwin dengan tukang masak misalnya. Dia bukannya cara hendak masak di rumah sahaja, dia pun sebagai seorang lelaki ini dia ada, bukan ego tetapi dia ada peranannya sebagai ketua keluarga. Bagaimana hendak jadi ketua keluarga kalau duduk perap di

dapur sahaja. Jadi, ini pun satu masalah. Setaraf dari segi mental, dari segi fizikal dan juga dari segi keupayaan dalam serba-serbi. Walau bagaimana pun memang wujud. Kadangkala perkara ini jodoh. Hal-hal jodoh Allah S.WT menentukan. Kerani hendak kahwin dengan D.O kah, hendak ini ke itu, boleh berlaku. Tetapi usaha kerajaan ke arah hendak buat secara Singapura buat, tidak ada lagi. Jadi, kalau sekiranya mengikut penyelidikan sahabat saya, dia kata sekarang ini ramai pegawai bank yang rela menjadi nombor satu, nombor dua dan nombor tiga ini, saya tidak ada datanya. Jadi, kalau sekiranya sesiapa hendak mengetahui lebih lanjut, sila jumpa Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan. Dia mungkin buat penyelidikan berapa ramai di bank, di pejabat-pejabat kerajaan yang masih lagi *available* dengan risiko-risiko tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dahulu pernah kita syorkan dari segi perbankan Islam, dari segi pelaburan ala Islam ini dengan Jawatankuasa Syariah dan sebagainya digalakkan dan diantarabangsakan, *internationalise*. Jadi saya tengok baru-baru ini, pihak kerajaan menjadikan Labuan sebagai satu pusat di mana seperti yang saya sebutkan tadi, *the international Islamic Fund Market* diwujudkan iaitu, satu pasaran cara Islam, bon Islam, ekuiti Islam menerusi Labuan. Saya difahamkan juga kerajaan kita menerusi satu lagi jawatankuasa yang dianggotai oleh negara-negara OIC cuba untuk menggabungkan dari segi pendekatan, untuk memperluaskan, mengantarabangsakan bon-bon Islam ini bekerjasama dengan Bahrain kerana Bahrain pun wujud dengan matlamat yang sama. Jadi, saya mengharapkanlah kerana potensi perbankan Islam ini begitu besar. Saya diberitahu ianya mungkin meningkat kepada USD170 bilion dan meningkat tiap-tiap tahun 15%.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bukannya sekarang ini bank-bank Islam sahaja yang membuat perbankan secara Islam. Bank-bank dunia yang lain seperti HSBC dan Citibank pun sudah ada sekarang unit-unit cara perbankan Islamnya sendiri. Jadi, saya takut besok, bank-bank yang dahulunya bukan berasaskan kepada Islam mencebur diri dengan lebih agresif untuk memasarkan *financial instrument* yang *Islamic* nya tadi, sehinggakan bank-bank Islam seperti bank Islam di Malaysia, di Asia Barat tertinggal.

Jadi saya mintakan satu pakatan, wujudkan satu pakatan yang menyeluruh bagi menentukan pasaran perbankan Islam dapat diperluaskan dan kita buat *road show*. Saya minta hari itu supaya tokoh-tokoh korporat, perbankan Islam di sini pergilah buat *road show*, buat satu penjajaan perkhidmatan Bank Islam kita ke seluruh dunia. Saya minta Bank Islam juga menubuhkan cawangan-cawangannya di seluruh dunia, cari tempat yang sesuai. Saya tahu Takaful sudah buat, di mana cawangan-cawangan diwujudkan di Sudan dan sebagainya, saya minta Bank Islam dan juga satu lagi Bank Muamalat pergi secara agresif menubuhkan cawangan-cawangan di peringkat antarabangsa kerana kita ini sebenarnya, untuk pengetahuan sahabat-sahabat saya di dalam parti PAS dan pelbagai yang lain, yang memulakan dan mencetuskan perbankan Islam ini di peringkat antarabangsa.

Kita ucapkan syabas kepada kerajaan kerana mengambil inisiatif ini dan inilah caranya, secara senyap-senyap sahaja kita buat, kadangkala bukan kita laungkan tetapi kita hendak beritahu sekarang ini secara terbuka, ini yang telah kita buat dan kita mengharapkan seperkara semacam ini, di Malaysia misal kata, Bank-bank Islam pun telah menggerakkan pendeposit-pendeposit sehingga RM31.4 bilion. Ini saya rasa amat membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, juga di dalam keadaan yang sama saya hendak minta pihak kerajaan juga tengok sedikit bagaimana KWSP ini kucar-kacir sedikit. Saya tengok dalam surat khabar bukan main banyak fail bertabur atas lantai pasal permohonan hendak mengeluarkan duit ini, 357,000 orang, tidak dapat diatasi. Kita sudah canggih, pemikiran sudah canggih, pemimpin sudah canggih, adakah KWSP ini ketinggalan jauh dari segi pemprosesan, ini semua *manual job* ini, *repetitive* yang boleh dibuat oleh sistem komputer sendiri. Kalau tidak ada, mintalah KWSP berbincang dengan orang yang pandai dari segi komputer ini buat sistem untuk dia supaya dapat memproses dengan cepat. Saya takut KWSP besok - pengarahnya ada dalam Dewan ini, KWSP ini besok ketinggalan jauh dari segi sistem berkomputer sehinggakan ramai pencarum tidak yakin dengan pemprosesan yang dibuat oleh KWSP. Jadi, mintalah sistem yang lebih canggih untuk memproses orang hendak keluar caruman masing-masing sehinggakan tidak keluar cerita dalam surat

khobar, gambar dalam surat khobar menunjukkan fail bertabur atas lantai dan dia duduk *check* satu persatu, di seluruh negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan kerana ada lagi sahabat-sahabat yang ingin mengambil bahagian. Saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada kerajaan yang berani mengutarakan sekali lagi satu belanjawan. Kali ini Belanjawan Tahun 2001 yang mencerminkan kepekaannya. Ini bukannya ekonomi kroni, ini ekonomi *knowledge base economy*, ilmu dan penerokaan bidang-bidang tertentu dengan adanya dana peneroka RM500 juta, kita mengharapkan pemilihan mereka hendak menyertai ini dibuat secara tidak begitu birokratik.

Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, dan pernah kita sebut sini dana memang banyak. Pelbagai dana kerajaan wujudkan. Tetapi hendak mendapatkan kewangan ini, daripada dana ini sistem birokrasi itu kadang-kadang mencekik inisiatif orang yang hendak membuatnya. Jadi, saya minta ini cari jalan yang mudah sedikit supaya senang perkara ini dizahirkan *on the ground*.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Datuk Long bin Jidin: Sila Yang Berhormat Rosli.

12.45 tgh.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bersama-sama seperti rakan-rakan yang lain untuk menyokong ucapan Belanjawan 2001 yang telah dibertangkan oleh Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin dengan tajuk Malaysia baru dari wawasan strategik kepada pelaksanaan strategik yang telah jelas dibahaskan oleh rakan-rakan kita dan saya mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Menteri Kewangan dan kerajaan secara khusus kerana dapat menyediakan satu budget ataupun belanjawan yang amat sesuai dengan masa, selepas kita baru habis menamatkan satu kisah yang amat mencabar kepada kita iaitu pada tahun 1997 kita menghadapi satu sasaran *manipulator* wang yang mana kita pada tahun 1998 dan pada tahun 1999 dan apatah lagi pada tahun 2000 sebagaimana dilihat pertumbuhan agak memberangsangkan selain daripada mempunyai kebijaksanaan oleh pemimpin kita, ia juga mendapat satu pendekatan yang baik oleh semua pihak termasuk kakitangan kerajaan, swasta dan rakyat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pembentangan belanjawan ini begitu luas, saya hanya mahu memberi beberapa fokus kepada perkara yang kadang-kadang di luar daripada perkara biasa yang sedang berlaku kepada kita. Tuan Yang di-Pertua, saya yang nombor satu sekali tertarik ialah masalah keputusan tegas kerajaan yang setakat ini telah membuat bayaran sebanyak RM480 juta untuk diagihkan kepada rakyat yang memerlukan sebagaimana yang diterangkan oleh Menteri Kewangan dan juga Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang berkaitan dengan wang ihsan.

Perkara ini telah diputuskan lebih daripada dua bulan yang lalu yang mana pada peringkat awalnya kita tahu ada sebahagian daripada jumlah yang dilihat sebagai royalti sebelum ini tetapi didefinisikan mengikut tatacara peraturan dan undang-undang serta kuasa dan hak yang ada oleh Kerajaan Pusat, maka timbullah satu perkara yang amat menyedihkan berlaku di Terengganu, negeri saya, yang mana perkara ini telah menjadi satu perkara yang memainkan sentimen rakyat yang saya rasa tidak beriktikad yang di luar daripada batas-batas undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada satu tahun Kerajaan PAS telah memerintah negeri Terengganu dan kita nampak banyak perkara yang tidak dilihat sebagai perkara dasar tetapi akhirnya dijadikan perkara-perkara *administrative*, perkara pentadbiran. Sebagai contohnya, apabila Kerajaan PAS Terengganu mengumumkan untuk menjadikan *vehicle* kerajaan negeri dinamakan Jawatankuasa Sura Rakyat, saya tidak tahu berapa jumlahnya sekarang dan Kerajaan Pusat pula menubuhkan JKKK lebih daripada 740 JKKK di seluruh Terengganu yang menjadi *vehicle* kepada Kerajaan Pusat.

Ini adalah perkara biasa di dalam mana-mana kedudukan kerajaan oleh kerana sistem kita, kita mempunyai dua dan tiga peringkat sehingga kita mempunyai empat peringkat *authority* pemerintahan sebenarnya. Pada biasanya kita mempunyai di peringkat tertinggi iaitu Kerajaan Pusat, keduanya Kerajaan Negeri dan ketiga biasanya kita melihat sebagai satu *authority* di peringkat daerah iaitu Majlis Daerah ataupun Perbandaran dan yang pa ling kecil sekali kita namakan JKKK atau dalam bentuk kerajaan di Terengganu dinamakan JSR.

Perkara ini diumumkan oleh Dewan Undangan Negeri oleh Exco yang berkaitan bahawa JKKK ini pertubuhan haram. Jadi benda ini keluarlah menyatakan sebagai satu perbalahan sama ada perbalahan ini akan berlanjutan ataupun tidak tetapi sekurang-kurangnya Kerajaan Pusat telah menggunakan *authority*nya dengan baik dan kita tidak menidakkan apa jua *authority* yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk menubuhkan JSR. Apa pun peranan dua organisasi ini saya rasa adalah untuk memberi pendekatan *vehicle* kepada kedua-dua kerajaan sama ada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita hadapi sekarang ialah perkara yang agak luar biasa berlaku di Terengganu. Berkemungkinan saudara-saudara yang duduk jauh daripada Terengganu tidak dapat melihat perkara ini berlaku. Kalau kita mulakan perjalanan daripada Kemaman sampai ke Besut, kita nampak seolah-olah hendak diadakan pilihan raya dengan logo KeADILanny, dengan logo PASnya, dengan memperkatakan perkara-perkara yang saya rasa satu tindakan oleh pimpinan atau penggerak-penggerak politik PAS dan KeADILan di Terengganu yang meletakkan perkataan-perkataan yang berat-berat seperti UMNO pengkhianat agama, UMNO penghisap darah rakyat, royalti hak kami, kembalikan wang royalti, ini perangai orang munafik dan dia kutuk Dr. Mahathir sebagai pembohong besar negara dan sebagainya.

Apa ini sebenarnya, mungkin PAS mempunyai satu masalah besar dalam menguruskan negeri sehingga terpaksa memainkan sentimen rakyat dan penyokongnya supaya bersatu, supaya inilah masalah yang dibuat oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri apabila tidak dikeluarkan wang ihsan. Apa bila Tun Daim mengumumkan pada belanjawan di Dewan Rakyat kita tengok macam mana bentuk perangai beberapa Ahli Dewan Rakyat khususnya daripada PAS dan KeADILan, perangai dia. Saya tidak tahulah Yang Berhormat hadir atau tidak, saya hadir. Buruk, hodoh, seperti tidak bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lagi dalam sejarah, cuma sekali Karpal Singh dahulu dia kata kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tahun berapa tidak tahu, 1997kah atau 1998, dia bangkang, dia kata Perdana Menteri tidak layak membentangkan rang undang-undang berkaitan dengan belanjawan, itu sekali,

itupun dalam sekejap. Tetapi sekarang kita nampak sebagaimana dijelaskan oleh beberapa rakan kita sebelum ini di Dewan Rakyat. Kita sudah tahu bahawa Dewan Rakyat kita ada satu *telecast* secara langsung oleh Menteri Kewangan untuk membaca belanjawan tetapi apa tujuan kita sebenarnya memprotes dalam keadaan dan suasana, senario sebegitu.

Kalau dalam keadaan sekarang umpamanya tidak ada, kita boleh dan kita di Dewan Rakyat ada lebih daripada 30 hari untuk membahaskan rang undang-undang berkaitan belanjawan. Apakah ini satu sandiwara, satu peranan, satu perandai buruk yang sengaja hendak ditonjolkan sebagai hero kepada beberapa pemimpin terutama sekali PAS yang mendakwa mereka sebagai kumpulan yang mendaulatkan perjuangan ulama dan perjuangan Islam. Tetapi pendekatannya tidak ada dan kata-kata kesat.

Kita meminta Majlis Daerah supaya menyelamatkan, benda-benda ini bukan ratusan, ribuan sepanduk-sepanduk sedang berada, sebahagian nampaknya sudah digugurkan melalui hujan, panas, jatuh dan sebagainya. Kita hendak cerita ini, kita negeri tamadun ataupun tidak. Apakah cara ini kita memperjuangkan untuk menguruskan negeri dan mengurus rakyat. Saya mungkin selepas ini beberapa pemimpin PAS akan mengkritik dalam bentuk yang lain, tetapi saya hendak membicarakan perkara ini dalam bentuk amanah rakyat yang telah diberikan kepada kita.

Apakah sebagai pemimpin di sebuah kerajaan seperti kerajaan negeri hanya memainkan sentimen kerana kelemahan kita. Kita meletakkan sentimen umpamanya kita tidak dapat menguruskan syarikat, kita terpaksa memainkan sentimen bahawa bukan kerana tidak kemampuan kita tetapi adalah kerana faktor-faktor luaran dan faktor-faktor lain. Jadi saya rasa sebagai sebuah negeri yang mempunyai penduduk lebih daripada satu juta, sentimen harus dikendurkan. Saya menasihatkan, memberi pandangan ini secara ikhlas kerana sama ada PAS ataupun Barisan Nasional yang memerintah Terengganu, itu adalah keputusan rakyat. Tetapi keputusan pentadbiran undang-undang, kuasa, hak dan sebagainya ia telah termaktub di dalam Perlembagaan kita dan kita juga mempunyai undang-undang, enakmen kita bagi kerajaan negeri.

Apakah kita akan sentiasa dengan cara ini kita melanggar peraturan. Biasanya selepas pilihan raya sama ada Barisan Nasionalkah, PASkah, apa parti sekali pun kita Majlis Daerah disuruh menggugurkan, membuang sepanduk-sepanduk ini kerana kita mempunyai masa untuk mentadbir rakyat, mengurus daerah, mengurus negeri. Tetapi sekarang tidak. Saya jemputlah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pergi ke Terengganu apa sebenarnya. Pemuda UMNO cuba tetapi kita nasihatkan supaya tidak. Sekarang ini lebih daripada beribu sepanduk yang telah dibuat oleh pemuda UMNO tetapi kita rasa kurang bertanggungjawab kalau kita meletakkan perkataan-perkataan yang tidak baik selepas pilihan raya lebih daripada satu tahun kerana hendak memprotes perbuatan beberapa penggerak-penggerak daripada PAS dan juga KeADILan ini.

Saya hendak memberitahu perkara ini supaya Kerajaan Pusat khususnya walaupun ini adalah tugas kita sebagai sebahagian daripada pemimpin, saya menasihati pemimpin-pemimpin PAS supaya dapat menasihati kerana kadang-kadang pemimpin PAS ini dia tidak tahu. Ini adalah urusan Ahli Jawatankuasa apa benda saya tidak tahu, tetapi kita biasanya akan patuh kepada keputusan pemimpin-pemimpin kita.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ini adalah satu bentuk penerokaan pemikiran baru. Semalam kita nampak penjelasan berkenaan perkara-perkara yang berkaitan di peringkat kebangsaan. Apa yang berlaku di Terengganu sepatutnya dijadikan isu nasional, bahawa kedudukan orang Islam dan orang Melayu dilihat sebagai beregu agama. Sedangkan kita tahu bahawa kedua-dua parti ini yang senantiasa bertanding dalam pilihan raya dan kita mempunyai keadilan melalui SPR dan sebagainya.

Jadi apabila kita tidak dapat apa-apa jua kedudukan dan hak, maka tidak perlulah kita memprotes sehingga membawa satu kedudukan yang boleh memberi satu pandangan yang negatif, memberi satu pemikiran yang salah sehingga kita memainkan sentimen rakyat. Jadi saya berharap kepada pemimpin-pemimpin PAS Terengganu khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya dapat menangani perkara ini, untuk menggugurkan apa jua sepanduk-sepanduk kerana saya

rasa ini adalah salah dan tidak bersamaan dengan undang-undang yang ada, terutama sekali Akta Pilihan Raya, SPR. Apa lagi perkataan-perkataan yang amat kasar.

Saya rasa entah berapa banyak lagi perkataan-perkataan kasar yang dilemparkan kepada pemimpin-pemimpin kita seperti Perdana Menteri. Macam-macam pemimpin-pemimpin PAS menyatakan tetapi kita masih boleh bersabar dan membahaskan perkara ini dalam bentuk yang terbuka, tenang dan sebagainya. Contohnya, 'Maha Firaun' seketika dan macam-macam lagi sekarang ini. Gerakan demi gerakan dibuat oleh pemimpin-pemimpin PAS seolah-olah apa yang dilaksanakan oleh kerajaan satu pun tidak mendapat manfaat kepada mereka.

Ingatlah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terutama sekali kepada rakyat, kepada kakitangan kerajaan, kepada beberapa pendukung-pendukung masyarakat bahawa apa yang dilaksanakan oleh beberapa parti pembangkang ini sebenarnya akan menidakkan keupayaan kita untuk menjadi sebuah negara yang cemerlang di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di Terengganu mentadbir sebuah negeri sebegitu kecil, kita ada Setiausaha Kerajaan baru. Semua orang tahu, membaca surat khabar. Telah hampir satu tahun tiga kali satu *reshuffle* besar-besaran berlaku kakitangan kerajaan. Peringkat pertama dikatakan oleh Menteri Besar sebagai takdir, peringkat kedua, pun takdir dan peringkat ketiga ini tidak tahulah, tidak kata apa, tetapi saya sudah mendapat banyak maklumat ianya berlaku pelbagai ugutan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang mana ada banyak Setiausaha Kerajaan Negeri di seluruh negara, tidak seperti Dato' Senara Muda Setiausaha Kerajaan kita di Terengganu. Saya secara peribadi amat menghormati Dato' Senara Muda ini sebagai seorang pegawai tadbir yang berwibawa sebelum ini. Tetapi dengan keadaan ini saya rasa tidak ada satu Setiausaha Kerajaan Negeri yang turun ke daerah-daerah, memanggil kakitangan kerajaan negeri memberi amaran bahawa sesiapa yang tidak setia kepada kerajaan negeri maka dia boleh berhenti dan sebagainya.

Ini berkenaan banyak lagi cerita-cerita yang berkaitan dengan ugutan dan sebagainya. Apakah kita sebagai rakyat di Terengganu bukan Rakyat Malaysia. Kalau kita seorang pegawai kerajaan atau rakyat, kita selain daripada setia kepada kerajaan negeri, okay. Tetapi bagaimana dengan kakitangan Kerajaan Pusat yang

berada di Terengganu yang menyokong pemimpin PAS, apatah lagi menjadi ahli PAS dan menyokong PAS. Ini satu kedudukan *double standard* yang....

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, jam sudah pukul 1.00.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Ada sedikit lagi, Yang Berhormat.

Datuk Long bin Jidin: Tidak apa, kita sambung pukul 2.30 nanti. Oleh kerana jam telah tepat pukul 1.00, jadi Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau boleh pendekkan ucapan sikit. Terima kasih. Saya minta Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

2.31 ptg.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi, saya baru bangun menceritakan sedikit sebanyak atas sokongan saya kepada Belanjawan (Budget) yang mana berkaitan dengan wang ihsan yang diputuskan oleh Kerajaan Pusat dan sehingga timbul beberapa cara protes oleh pimpinan PAS, KeAdilan dan kerajaan negeri sendiri. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini berlaku beberapa perkara yang di luar perkara biasa dengan perkataan-perkataan kesat yang diletakkan dalam banners di persekitaran jalan-jalan raya, bangunan-bangunan di seluruh negeri Terengganu memaparkan kepada kita bagaimana cara sebuah kerajaan negeri yang memang kita akui dipilih oleh majoriti rakyat memprotes masalah keputusan Kerajaan Pusat memberi wang ihsan ini melalui JPP.

Memang kita tahu bahawa perkara ini adalah satu teknik dan cara walaupun berkesalahan dari segi aturan dan peraturan dengan perkataan-perkataan kesat, apakah ianya Kementerian Dalam Negeri umpamanya tidak boleh menilai ataupun Kerajaan PAS Terengganu tidak boleh merasakan bahawa ini bertentangan sebagai Akta Hasutan, umpamanya dalam Akta Hasutan. Majlis-majlis daerah digunakan sebagai vehicle walaupun ianya di bawah kua sa kerajaan negeri majlis-majlis daerah. Tetapi majlis-majlis daerah nampaknya seolah-olah menjadi sebuah badan politik, seperti

sebuah badan politik, tidak seperti kita menguruskan sebuah pentadbiran di daerah-daerah.

Jadi, saya mencadangkan khususnya kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan khususnya pusat dan apatah lagi kepada Menteri Besar dan seluruh pimpinan kerajaan negeri Terengganu supaya menilai semula pendekatan ini, sama ada pendekatan ini adalah cara tamadun ataupun tidak atau memang ini *style* yang boleh memberi keuntungan kepada PAS semata-mata ataupun memang ini merupakan cara untuk mengelakkan daripada kelemahan sebuah kerajaan negeri yang dipilih ini tidak berdaya, tidak mempunyai keupayaan untuk menguruskan rakyat dan negeri. Memang kita akui apabila wang ihsan ini tidak diberi kepada kerajaan negeri, walaupun tohmahan dilemparkan, wang ihsan ini akan diberi secara terus melalui JPP kepada rakyat dan kita menjangkakan hampir 40,000 keluarga yang daif di seluruh negeri Terengganu akan merasai nikmat daripada wang ihsan ini.

Saya tadi bercakap juga masalah Setiausaha Kerajaan Negeri yang lagaknya saya pun tidak reti hendak cakaplah. Ahli-ahli Yang Berhormat sudah baca akhbar beberapa kali, sekarang ini berlaku satu *reshuffle* dalam masa setahun, tiga kali pegawai-pegawai kanan kerajaan dan *reshuffle* yang berlaku hari ini memang mempunyai keputusan politik seratus peratus yang memisahkan pegawai kepada dua kumpulan di Terengganu sekarang ini. Saya hanya boleh bersimpati kepada pegawai-pegawai kerajaan Terengganu yang diurus sebelum ini oleh kerajaan negeri yang memisahkan kedua-dua kumpulan di negeri Terengganu dan harap mereka dapat terus bersabar kerana kita tahu bahawa memang cara kita mentadbirkan Terengganu ini adalah di luar daripada batas-batas. Walaupun mereka mempunyai kuasa tetapi, terserahlah kepada kebijaksanaan pegawai-pegawai kerajaan untuk terus bersabar dalam perkara-perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah terbongkar hampir setahun lebih kerajaan PAS Terengganu memerintah Terengganu dengan campur tangannya di peringkat akar umbi pentadbiran. Di JKK sendiri saya sebut tadi, kita mempunyai 700 lebih JKK dikatakan sebagai pertubuhan haram oleh pimpinan PAS Terengganu tetapi JSR yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri katanya hendak melalui satu sistem syura tetapi sekarang ini memang tidak dapat dilaksanakan dan sekarang ini juga

berlaku perebutan masjid yang seketika dahulu kita dengar pemimpin-pemimpin PAS bercakap di merata-rata bahawa pembinaan masjid di Terengganu khususnya apatah lagi di seluruh negara ialah tidak tahu daripada manakah asal usulnya pendapatan sehingga kita membina masjid.

Sekarang ini kita nampak perkara itu tidak menjadi persoalan lagi, malah pimpinan PAS sendiri meminta kerjasama pimpinan PAS di akar umbi untuk merebut jawatankuasa masjid. Jadi di sinilah *double standard* sebenarnya. Saya berharap pegawai-pegawai kerajaan yang baru ini sebelum pilihan raya mempunyai sentimen kepada perkara-perkara yang dilemparkan oleh PAS apatah lagi rakyat jelata yang tertipu dengan tipu daya dan fitnah yang dilemparkan oleh beberapa pemimpin mereka sebenarnya adalah merupakan sandiwara dan penipuan yang paling besar. Jadi, perkara-perkara seperti ini harus dinilai oleh rakyat semula dan saya menjangkakan dalam penelitian saya daripada jawatankuasa masjid sebanyak 400 lebih yang baru dapat diselesaikan oleh kerajaan negeri hanya 85, itu pun penuh dengan campur tangan yang tidak berlandaskan kepada konsep syura yang dikehendaki oleh pimpinan PAS.

Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi pengagihan balak, kelmarin dahulu Yang Berhormat Aziz, daripada Barisan Nasional menceritakan sedikit tuduhan pengagihan balak ini diberikan kepada kroni PAS. Kebanyakan mereka daripada jawatankuasa pimpinan PAS bahagian-bahagian, tetapi diminta oleh Speaker, hari ini ada keluar surat khabar, diminta oleh Speaker kerana ini tuduhan liar. Pemimpin-pemimpin PAS tidak sedarkah sebelum ini hampir lebih daripada 5, 10 tahun, pemimpin-pemimpin PAS banyak mencanangkan fitnah lebih daripada perkara yang dipersoalkan ini. Malah apabila kita tengok Mahfuz sendiri selaku Ketua Pemuda PAS dan pembangkang di Dewan Rakyat, telah menuduh ketika Yang Berhormat Tun Daim berucap sebagai pembohonglah dan sebagainya apabila bercakap masalah wang ihsan. Kita sepatutnya bersabar dalam hal-hal begini. Tetapi nampaknya perjuangan dan pentadbiran yang dilaksanakan oleh Dewan Undangan Negeri sudah lagi tidak demokratik, malah boleh saya menuduh bahawa cara sistem kepimpinan yang dibuat di Dewan Undangan Negeri semalam yang telah dibincangkan hampir dua hari tidak lebih daripada sebuah sandiwara bersifat kepada kaedah *dictatorship*.

Saya mendakwa perkara ini kerana kita tahu bahawa kalau kita di dalam Barisan Nasional umpamanya, kita boleh tegur menegur di antara satu sama lain tetapi pemimpin PAS, mungkin dia ada teguran, tetapi dia akan menyorokkan kelemahan-kelemahan kawan-kawannya. Jadi, perkara ini tidak harus disorok dan malah dalam Budget yang dibentangkan oleh pemimpin PAS semalam sebanyak RM733 juta termasuk RM480 juta wang ihsan. Apa matlamat ini sebenarnya? Kerana sebuah pentadbiran apabila meletakkan sebuah kaedah budget yang *guarantee* tidak dapat lagi kerana wang ihsan ini tidak akan disalurkan kepada kerajaan negeri hampir RM400 juta lebih. Apa semua ini? Apakah ini akan dipaparkan kepada masyarakat dan rakyat Terengganu selepas ini bahawa oleh kerana wang ihsan tidak dapat, maka kami tidak dapatlah melaksanakan pembangunan apatah lagi bantuan kepada rakyat pada keseluruhannya. Saya sudah baca bahawa jenis belit ini, saya tidak boleh sebut belit apa, tetapi jenis belit dan tipu daya seperti ini hanya bertopengkan kepada perjuangan Islam dan sebagainya, saya rasa lebih kurang satu janji dan sandiwara mata-mata dan saya berharap perkara ini akan terdedah dari masa ke semasa apabila kelemahan-kelemahan yang ditonjolkan oleh pimpinan yang tidak bersamaan dengan falsafah dan ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin mereka sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini timbul juga masalah penghulu dengan ugutan lapan penghulu telah diberi surat notis oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Jadi, kita ini sebenarnya kalau kementerian hendak bagi notis dengan kesilapan yang hanya menghadiri upacara Timbalan Perdana Menteri datang ke Terengganu dan dibuat *circular* bahawa tidak dibenarkan pegawai-pegawai kerajaan di bawah pentadbiran kerajaan negeri menghadiri lawatan pemimpin-pemimpin pusat ke negeri Terengganu terutama sekali Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan diberi amaran dan sekarang saya tidak tahu berkemungkinan akan berlaku pertukaran. Jadi, apakah ini saya hendak lemparkan kepada pegawai-pegawai kerajaan di Terengganu dan juga pegawai-pegawai kerajaan di luar Terengganu bahawa apakah ini sebenarnya cara kita mengurus dan mentadbirkan pegawai-pegawai kerajaan.

Saya faham bahawa di kalangan pegawai-pegawai kerajaan di semua peringkat masih banyak kita tidak berpuas hati. Apa yang berlaku daripada selepas

merdeka sehingga kita dapat mengadakan satu sistem pentadbiran yang agak baik, kalau tidak kerana beberapa perkara kita berkemungkinan diisytiharkan sebagai Jabatan Perkhidmatan Awam yang terbaik di dunia. Mungkin kita sekarang berada di tahap lima atau enam.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini berlandaskan janji-janji pemimpin PAS berkaitan dengan wang ihsan ini kerana seolah-olah menggambarkan kita telah menidakkan keputusan pilihan raya, kita menidakkan kerajaan Terengganu. Saya hendak beritahu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah *revenue* ataupun pendapatan Petronas ini. Bagaimanakah Petronas dimulakan? Petronas dimulakan apabila Dr. Mahathir menjadi Menteri Perdagangan mengusulkan Akta Petroleum 74 dan Petronas dibina begitu rupa sebagai satu kejayaan baru kepada kita untuk meneroka penggerudian minyak.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sebelum ini saya banyak menceritakan masalah bagaimana hendak menempatkan usahawan bumiputera di dalam pembangunan minyak dan gas, tetapi hari ini saya terpaksa menceritakan kejayaan Petronas semata-mata. Tuan Yang di-Pertua ada tiga sebab utama mengapa kita mendapat keuntungan yang begini besar oleh Petronas. Ianya bukan usaha Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini di Terengganu, apatah lagi jauh walaupun sepetah usaha yang diusahakan oleh Kerajaan PAS Terengganu. Dan ini bukan hak Kerajaan Negeri Terengganu semasa BN dan bukan juga hak Kerajaan BN, malah ianya juga bukan hak rakyat negeri Terengganu sebenarnya. Tetapi ada tiga faktor besar, pertamanya kerana Petronas dapat menguruskan diri mereka dengan baik. Tuan Yang di-Pertua, Petronas sekarang ini telah dapat mengutip dalam lima tahun ini sebanyak RM22.3 bilion daripada tahun 1996 kepada RM60.6 bilion dalam tahun 2000. Dan pembinaan aset untuk keseluruhan Petronas setakat ini telah mencapai RM58.1 bilion pada tahun 1996 sehinggalah RM121.6 bilion pada tahun 2000 ini. Dan Tuan Yang di-Pertua, Petronas merupakan kumpulan yang pertama apabila diisytiharkan dalam Fortune 500 Petroleum Refining Companies kita merupakan syarikat yang pertama di peringkat antarabangsa. Apabila kita bercakap masalah pengumpulan aset Petronas dapat mengumpulkan di peringkat yang pertama berbanding dengan Shell, Tosco dan EMI apabila kita diisytiharkan oleh Fortune 500 Petroleum. Kita juga diisytiharkan

sebagai tempat keempat yang mendapat keuntungan mengikut 500 syarikat minyak di seluruh dunia sebagai mana yang diberi ranking oleh fortune 2000 pada baru-baru ini dengan pendapatan US\$3,107 milion.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kebijaksanaan kepimpinan Barisan Nasional dan pengurusan yang disusun oleh Kerajaan Pusat khususnya kita telah meneroka lebih daripada 16 negara. Ini termasuk Turkmenistan, Sudan, Vietnam, Cambodia, Thailand, hendak sebut tidak reti ini tulisan ini 'Selis' kah atau apa benda ini di sebut ini, India, Chat, Iran, China, Philippine, Australia, South Amerika, Algeria, Argentina dan Switzerland. Dan kita telah dapat membina usahawan ataupun kita dapat membina pekerja-pekerja profesional bumiputera lebih daripada 5000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu usaha satu dua hari. Jadi kalau PAS hendak mendakwa itu hak kerajaan negeri adalah satu pendekatan yang amat malang. Ianya satu penipuan kepada sejarah sendiri dan ianya juga bukan merupakan hak kerajaan Barisan Nasional sebelum ini di Terengganu. Ianya merupakan keupayaan pimpinan Kerajaan Pusat. Ianya merupakan keupayaan Petronas menguruskan syarikat Petronas itu sendiri. Malah kita sebagai boleh dikatakan selain daripada kejayaan kerajaan ia juga merupakan kejayaan bersama bumiputera sebenarnya. Oleh kerana kita telah bersetuju dalam pendekatan strategik di antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera maka Petronas telah menunjukkan satu dengan izin, the bumiputera success dalam membinakan pengurusan yang agak terbaik kalau dibandingkan dengan syarikat-syarikat minyak di peringkat antarabangsa sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah keuntungan melambung lagi dalam Petronas – kerana kedudukan pasaran. Pasaran telah memihak kepada Petronas supaya mendapat keuntungan yang banyak sehingga kita telah mencapai satu keuntungan yang amat memberangsangkan pada tahun 2000 ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu faktor lagi yang menyebabkan mengapakah Petronas berjaya adalah kerana iklim dan suasana kita mempunyai perancangan yang baik apatah lagi iklim persekitaran masyarakat aman damai dan sebagainya. Jadi kalau kerajaan PAS Terengganu seperti budak-budak pergi tampal perkara-perkara seperti ini hanya untuk memainkan sentimen rakyat semata-mata saya rasa kerajaan Terengganu patut dibubarkan dengan serta-merta supaya rakyat tidak menjadi mangsa

lagi dalam tipu helah, tipu daya yang dilemparkan oleh pemimpin-pemimpin PAS Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kebolehan Petronas tadi ada dua tiga perkara lagi yang ingin saya sebutkan berkaitan dengan suasana semasa kita iaitu berkaitan dengan konsep ulama. Ini memang ada kaitan dengan strategi PAS dari segi jangka panjang. Cakap sikit kepimpinan ulama. Cakap sikit kepimpinan ulama. Sebenarnya cakap sikit dipanggil ustaz sebenarnya. Kadang-kadang kita melihat oleh kerana masyarakat Islam apabila masyarakat Islam dan masyarakat Melayu di Malaysia ini melihat bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan agama ini perkara sensitif. Dan saya hendak bagi tahu hukuman demi hukuman, cercaan demi cercaan apatah lagi fitnah demi fitnah dari semasa ke semasa sekarang ini telah menerap di semua peringkat termasuklah di universiti pelajar-pelajar universiti apatah lagi pegawai-pegawai kerajaan yang ada di negara kita pada hari ini. Saya konsep ulama ini harus diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Kamus Dewan ulama dalam bahasa Arab kemudian dalam bahasa Inggeris ini diterjemahkan sebagai saintis. Saya tidak tahulah tetapi oleh kerana masyarakat kita bila bercakap masalah ulama ini seseorang yang mahir, alim dan tahu serba-serbi. Konsep ini harus dilihat dan seolah-olah ulama ini ialah satu kumpulan atau satu manusia yang mempunyai ilmu. Siapa sebenarnya yang memberikan status ulama ini. Sebenarnya dalam PAS, PAS sendirilah yang bagi. Tetapi apakah bentuk Majlis ulama kita di peringkat Malaysia ini. Saya berkemungkinan tidak berapa layak untuk membicarakan perkara ini. Tetapi setakat yang kita faham kalau kita melihat perkara-perkara lain ulama yang berkaitan dengan agama ini ialah sepatutnya dilihat sebagai ulama agama. Tetapi oleh kerana banyak sangat perkataan Arab ini disalahertikan oleh sekumpulan manusia Melayu Islam yang jahil maka apabila sebut ulama ini memang orang yang alim agama. Ulama ini kalau mengikut sejarahnya macam Ibnu Sina merupakan ulama dalam bidang perubatan. Apatah lagi Al-Kwarizmi pakar ataupun ulama dalam bidang Matematik. Al-Battuta merupakan satu ulama terkenal dalam bidang pelayaran dan Ibnu Rush merupakan ulama dalam bidang falsafah dan pemikiran. Al-Batani merupakan ulama dalam bidang kaji bintang. Jabir Khayyam merupakan ulama dalam bidang kimia.

Jadi ulama ini harus dikenal pasti didefinisikan semula oleh Majlis Ulama oleh Kerajaan Pusat supaya ular-ular dalam semak ini yang mengaku mereka ini sebagai pemimpin-pemimpin revolusioner Islam harus dinilai semula. Kalau tidak tunggulah masa apabila idea yang sempit ini diterapkan di peringkat generasi yang ada sekarang ini ianya akan menjadi satu malapetaka yang paling besar di masa-masa hadapan.

Saya tidak yakin kalau perkara ini tidak dibenteraskan sekarang ini kita sebenarnya mahu melihat negara kita di peringkat cabaran antarabangsa kemungkinan kita boleh selesai. Tetapi apakah kita berupaya menyelesaikan pemikiran masyarakat kita generasi kita yang kita didik hari ini yang profesional dalam semua bidang tetapi mempunyai pendedahan pemikiran yang sempit di masa-masa akan datang apatah lagi perkaitan dengan perkara-perkara ketaatan kepada negara, ketaatan kepada agama. Jadi perangai yang ditunjukkan oleh sesetengah pemimpin PAS kita rasa tidak yakin dapat memberi satu pembinaan masyarakat yang madani. Kalau kita hendak sebut madani tetapi saya tidak sukalah. Tetapi masyarakat yang tahu mengerti menguruskan diri mereka dalam satu tamadun kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini banyak sangat juga masalah kaum di negara kita masalah tuntutan 'Suqui'. Ada beberapa Yang Berhormat sudah sebut masalah 'Suqui' ini. Saya tidak tahu sama ada saya dapat membincangkan masalah 'Suqui' ini dengan baik. Suqui. minta maaf. Ditegur oleh Timbalan Speaker tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Suqui.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Suqui.

Tuan Yang di-Pertua: Suqui.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: **Suqui. Itu mandarin Tuan Yang di-Pertua? Suqui.**

Tuan Yang di-Pertua: You cakap Mandarin bukan tadi.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Suqui. Okay.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini satu mainan yang boleh melemahkan kedudukan kita. Saya tidak tahulah apabila kita bercakap masalah hendak menyamaratakan keupayaan atau hendak menyamaratakan taraf bumiputera dan

bukan bumiputera. Perdana Menteri sendiri dalam beberapa hari lalu telah bercakap di Dewan Rakyat bahawa 'Suqui' ini telah keluar daripada asas-asas...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan 'Suqui'lah, Suqiu.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Suqiu.

Tuan Yang di-Pertua: 'Suqui'itu hantu tahu.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Hantu. Saya sebut Suqiu.

Tuan Yang di-Pertua: Suqiu ya.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Suqiu ya, okay. Jadi Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membina negara dulu memang kita bersetuju walaupun tanpa pertumpahan darah yang dibentangkan deh Datuk Zainudin semalam memang kita sudah berpakat di antara tiga kaum yang terbesar Melayu, Cina dan India. Dan kalaulah tidak ada bumiputera maka tidak adalah warganegara yang diberikan kepada Cina dan India. Itu hakikat hidup. Hakikat asas pembinaan negara kita. Kalau kita alih satu daripada *skeleton* perlembagaan ini sebenarnya kita telah meranapkan penubuhan negara kita. Jadi sama ada ini sesuai ataupun tidak sesuai saya katakan saya ingin mencadangkan sekiranya kerajaan bersetuju supaya membubarkan perkataan bumiputera dan bukan bumiputera. Saya yakin Ahli Yang Berhormat dalam Dewan, pegawai mungkin tidak bersetuju tetapi adakah rakyat yang berketurunan dalam kumpulan Suqiu ini keturunan Cinakah, Indiakah atau apa keturunan dia bersetuju bahawa mereka akan digugurkan kewarganegaraan daripada seluruh keturunan mereka. Apakah mereka bersetuju? Maka perkataan saya mungkin dilihat sebagai ekstrem dan sensitif tetapi kita melihat kepada akar umbi bagaimanakah kita membina *skeleton* perlembagaan kita sehingga wujudnya satu perpaduan kaum. Malah DEB yang dilancarkan pada tahun 1970 bukan hak keistimewaan orang Melayu. Itu adalah merupakan strategi untuk merapatkan perpaduan kaum di antara Cina dan Melayu ketika itu. Semua ini kadang-kadang hilang. Perkara-perkara ini tidak terasa lagi oleh generasi kita umur 20-an, 30-an mungkin tidak dapat merasakan apakah jerit tangis kita bersama dulu membina sebuah negara di bawah pakatan Barisan Nasional. Ini senang-senang hendak diruntuhkan oleh beberapa persatuan seperti ini hendak diambil peluang hendak menanggung di air keruh oleh pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab

seperti PAS dan KeADILan. Maka adalah satu perkara malang yang berlaku di negara kita. Saya mencadangkan supaya perkara ini diberi perhatian berat oleh kerajaan walaupun kita terpaksa membuat satu gagasan baru kepada seluruh generasi kita.

Tuntutan Suqiu ini patut ditamatkan dan panggil mereka dan memberi – kalau mereka melawan dan sebagainya maka terserahlah kepada mereka. Beri pertanyaan kepada mereka apakah kita membina negara dulu atas asas berpaksikan kepada tiga kaum terbesar ini kita boleh bersetuju. Saya sendiri sebagai seorang Melayu bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju digugurkan perkataan bumiputera tetapi mestilah di dalam kita merangka dalam paksi dan skeleton perlembagaan kita mesti ada sebab lain mengapakan orang ini diautomatikkan menjadi warganegara dan sebagainya. Perkara ini tidak disedari oleh pemimpin-pemimpin Suqiu ini tadi. Jadi harus ada satu pendekatan oleh beberapa jabatan kerajaan yang berkaitan dan apatah lagi oleh kumpulan-kumpulan masyarakat. Saya merayulah kepada pemimpin-pemimpin sama ada PASKah, KeADILankah, UMNOkah apa yang pentingnya kesetiaan kita kepada negara. Tolong bagi nasihatlah kepada kumpulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana petang ini ramai katanya. Saya pun telah bercakap hampir setengah jam campur sepuluh minit. Biasanya saya tidak bercakap lebih 45 minit. Macam presiden kita dia bercakap sejam empat puluh lima minit. Tidak apa dia presiden. Itu kita bagi peluang kepada dia Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua pun ada masalah bagaimana hendak menguruskan beberapa jam yang ada ini dan kita mempunyai Yang Berhormat yang hebat-hebat yang akan bercakap. Dan akhirukalam Tuan Yang di-Pertua saya berharap masalah wang ihsan terutama sekali tadi harus mendapat sokongan bulat daripada kita semua dan kita berharap perkara ini tidak akan dipanjangkan lagi oleh pemimpin-pemimpin masyarakat di Terengganu khususnya pemimpin-pemimpin PAS. Saya tahu selepas ini saya akan dikritik tetapi apakan daya saya bercakap dan berpaksikan kepada aturan dan perundangan yang sedia ada dan marilah kita sama-sama dapat menyokong ucapan belanjawan tahun 2001 ini. Moga-moga Allah Taala memberi lebih berkat kepada kita untuk kepentingan kita di masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Christina.

3.00 ptg.

Datuk Christina Lorline Stephen Tibok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Belanjawan 2001 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 27 November di Dewan Rakyat dan 11 Disember di Dewan Negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana berjaya menyediakan Belanjawan 2001 yang benar-benar dianggap sebagai satu belanjawan ke arah pembangunan negara yang bijaksana, proaktif, adil, penyayang dan pasti realistik. Saya meletakkan penuh kepercayaan bahawa dengan kewibawaan para pemimpin negara, kita bersama akan pasti mampu membangunkan negara Malaysia mengikut acuan Malaysia sendiri.

Berpandukan lima strategi utama Belanjawan 2001 iaitu:

- (i) mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negara;
- (ii) mengenal pasti sektor pertumbuhan baru;
- (iii) meneruskan dasar rangsangan fizikal dan kewangan untuk mendukung pertumbuhan;
- (iv) memperkukuh lagi daya saing negara; dan
- (v) meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Maka, semakin jelas ke mana hala tuju kerajaan dalam membawa rakyat dan negara ke arah pembangunan. Segalanya akan berlaku secara terancang dan kita boleh menjangkakan kualiti yang maksimum kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Belanjawan 2001 telah jelas menunjukkan kepekaan terhadap segala isu-isu yang menyentuh soal kepentingan rakyat. Sehubungan itu, saya ingin menyentuh beberapa perkara daripada Belanjawan tersebut.

Kementerian Pertahanan yang mendapat RM4.790 bilion bagi anggaran untuk mengurus 2001. Saya sedar bahawa perkara keselamatan ini telah berkali-kali disuarakan di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya secara peribadi tidak akan berdiam selagi masalah soal keselamatan rakyat terutamanya di Sabah dan

amnya di seluruh Malaysia tidak terjamin disebabkan oleh masalah-masalah yang berpunca daripada pelarian Filipina dan juga pendatang tanpa izin.

Pembebasan mangsa culik Pulau Sipadan dan kemudiannya Pulau Pandanan memang melegakan kita terutama keluarga mangsa masing-masing. Namun ia tetap merupakan tinggalan mimpi ngeri bagi mereka yang telah mengalaminya. Oleh itu, kita terutamanya kerajaan tidak boleh lagi lalai dan cuai dalam memastikan insiden-insiden ngeri seperti yang terjadi di Pulau Sipadan dan Pandanan berulang kembali. Sistem pertahanan dan pengawasan ketat terutama di kawasan perairan yang terdedah kepada serangan musuh haruslah diberi perhatian yang serius.

Setiap kita ingin hidup bahagia, aman dan selesa. Namun masalah-masalah sosial seperti rompakan, rogol, bunuh, maksiat, penyeludupan, pembukaan penempatan baru dan pencerobohan ke atas tanah kerajaan, masalah setinggian dan banyak lagi masalah-masalah adalah kebanyakan berpunca daripada pendatang asing. Kewujudan 600,000 orang pendatang asing di negeri Sabah telah menjadi kerumitan sehingga mengancam keselamatan rakyat dan juga negeri. Sehubungan itu, kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti menangkap dan menghantar balik para pendatang asing.

Namun, seolah-olah jumlah pendatang asing, pendatang tanpa izin ini tidak berkurang. Malah mereka semakin ramai dari hari ke sehari. Pendatang tanpa izin telah merampas banyak peluang dan hak-hak rakyat tempatan. Antaranya ialah sumber rezeki pencarian se harian di mana mereka lebih berani berjualan tanpa lesen. PTI ini juga terlibat dalam penyeludupan dan perniagaan secara haram. Selain daripada itu, rakyat juga terpaksa berkongsi dalam penggunaan kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh kerajaan untuk rakyat seperti pendidikan, perubatan dan kemudahan infrastruktur. Oleh itu, saya minta Kementerian Pertahanan dan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk memperketatkan lagi keselamatan demi untuk rakyat jelata di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sabah ingin merakamkan terima kasih kepada kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya yang pada Belanjawan ini diberi RM1.412 bilion kerana pelaksanaan beberapa lebuhraya. Antaranya jalan Kota Kinabalu-Sulaman, Jalan Sulaman-Kota Belud, Jalan Keningau-Nabawan, Jalan Beaufot-

Manumbok dan Jalan Beaufort-Sipitang. Peningkatan taraf jalan raya di Sabah adalah selaras dengan pengisytiharan Kota Kinabalu sebagai Bandaraya Kota Kinabalu.

Sehubungan itu, saya mohon agar jalan raya-jalan raya yang berada di bidang kuasa Kerajaan Persekutuan haruslah disenggarakan secara sistematik dan berterusan. Keadaan jalan raya yang tidak sempurna, terutamanya di kawasan tumpuan para pelancong akan memberi gambaran negatif selain menimbulkan pelbagai masalah kepada rakyat tempatan sendiri.

Kerajaan selalu berjanji akan cuba untuk mengadakan keperluan infrastruktur kepada rakyat di bandar mahupun di luar bandar. Di sini saya ingin menggesa kepada kerajaan agar lebih prihatin dan mengutamakan penyaluran kemudahan infrastruktur ke kawasan-kawasan luar bandar yang sehingga hari ini belum mengenal atau melihat jalan raya yang baik. Apa yang menjadi rungutan penduduk luar bandar di Sabah ialah mereka tidak mendapat kemudahan elektrik, air dan telefon. Alasan utama daripada pihak-pihak yang berkuasa ialah biasanya belum ada peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan mendapat RM13.637 bilion untuk tahun hadapan. Ini adalah 21% daripada jumlah anggaran untuk tahun hadapan. Ilmu pendidikan adalah penyuluh kehidupan. Ilmu mampu mengubah nasib dan masa depan seseorang. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir masyarakat terutamanya di kawasan pedalaman dan juga di kawasan bandar yang tidak menyedari ataupun mengabaikan hakikat ini. Akibatnya mereka ini mengabaikan pendidikan mereka terutamanya anak-anak. Sehubungan itu, kerajaan haruslah memainkan peranan penting menyedarkan masyarakat seperti ini bahawa mereka akan ketinggalan dalam segala bidang dalam arus pembangunan sekiranya mereka terus leka.

Kerajaan harus menyelidik punca dan mengatasi atau memberikan suntikan yang berkesan dan sesuai. Kerajaan perlu bersikap peka dan adil dalam memenuhi keperluan pendidikan. Apa yang saya maksudkan di sini ialah kemudahan-kemudahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti perpustakaan, peralatan mengajar dan belajar, buku-buku teks dan rujukan, bilik-bilik belajar yang sempurna dan sesuai, bantuan makanan kepada pelajar yang memerlukan terutamanya kawasan luar bandar dan juga asrama yang lengkap. Pendek kata, kerajaan haruslah

menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan yang sama rata, sama ada untuk sekolah-sekolah di bandar mahupun di luar bandar.

Saya sangat sedih melihat keadaan kebanyakan sekolah-sekolah luar bandar di Sabah. Sekolah yang tidak sempurna, sangat jauh daripada rumah, tiada atau kurang kemudahan asas seperti tandas yang bersih, air, elektrik, bantuan mengajar dan belajar dan komputer untuk setiap keluarga itu hanyalah mimpi sahaja untuk orang-orang luar bandar di Sabah yang belum pun mempunyai bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, profesion sebagai pendidik atau guru adalah satu yang sangat mulia. Pendidiklah pembentuk generasi masa depan kerana merekalah yang memainkan peranan penting dalam menjanakan ilmu pengetahuan. Sehubungan itu, mereka layak untuk mendapat imbuhan yang sewajarnya seperti kenaikan gaji dan kemudahan tempat tinggal, subsidi rumah dan sebagainya. Namun, ini adalah merupakan masalah yang dihadapi oleh guru-guru tempatan di Sabah terutamanya guru-guru di sekolah luar bandar.

Baru-baru ini, timbul isu cadangan menghantar balik guru-guru Semenanjung dari Sabah dan menggalakkan pengambilan dan pengguna tenaga pengajar dari kalangan guru-guru tempatan di Sabah. Namun, bantahan dibuat berasaskan keperluan tenaga mengajar yang terlatih dan bagi mengekalkan semangat integrasi di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Apa yang mungkin boleh dilakukan ialah bukannya menghentikan kedatangan guru-guru Semenanjung ke Sabah mahupun Sarawak tetapi sekadar kurangkan jumlah mereka. Sementara itu, guru-guru sandaran yang telah sedia ada janganlah dibuang ke tepi, diberhentikan kerana kebanyakan mereka mempunyai pengalaman mengajar di antara 5 ataupun 10 tahun.

Mereka haruslah diberi keutamaan untuk mendapat kursus formal yang diperlukan untuk mencapai status guru bertauliah. Guru-guru terlatih yang telah tamat kursus, diharuskan untuk kembali ke kampung halaman, daerah masing-masing untuk mengajar anak jati tempatan sendiri. Bukannya berharap agar ditempatkan di kawasan-kawasan bandar semata-mata mengejar keseronokan hidup. Mereka harus bertanggungjawab terhadap usaha memajukan anak-anak bangsa tempatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2001, kerajaan telah memperuntukkan RM4.545 bilion untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyatnya.

Syabas di atas keprihatinan kerajaan. Hari ini, rakyat negara kita juga semakin dikenali dengan semangat yang prihatin, murah hati dan pengasih. Di seluruh negara, kesihatan melibatkan persatuan-persatuan sukarela dan syarikat-syarikat swasta mahupun kerajaan sentiasa mengadakan kempen derma darah bagi membantu mengisi tabung darah, kempen membantu pesakit-pesakit buah pinggang, pesakit-pesakit 'thelesemia', kanak-kanak kurang bernasib baik misalnya yatim piatu dan cacat dan juga rumah-rumah orang tua. Inilah keindahannya kita rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, RM1.188 bilion adalah dicadangkan bagi Kementerian Pertanian untuk tahun hadapan. Sektor pertanian merupakan sumber pendapatan keluarga dan negara semenjak dahulu lagi. Apa tidaknya, setiap hari kita akan makan hasil tanah, hasil pertanian dan juga penternakan. Tahun lepas, negara terpaksa berbelanja kira-kira RM11 bilion untuk import makanan. Nampaknya, syarikat-syarikat besar di negara kita pun belum yakin dengan potensi meraih keuntungan dari sektor pelaburan dalam industri bahan makanan.

Apakah punca kepada sikap para usahawan ataupun peniaga kita? Mungkinkah disebabkan oleh kekurangan pengetahuan dan informasi dan apakah tindakan sewajarnya yang telah dan akan diambil oleh kerajaan agar para usahawan dan peniaga kita sanggup menceburi sektor ini secara meluas dan besar-besar. Satu ketika dahulu, kita ada mendengar usaha Projek Satu Kampung Satu Produk tetapi ianya tidak diusahakan sepenuhnya dengan komitmen yang penuh. Rakyat kita nampaknya lebih cenderung untuk memperolehi pendapatan segera, misalnya menyewakan tanah mereka sedangkan sewa itu tidak seberapa. Si penyewa yang datang sehelai sepinggang pula mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda.

Kerajaan perlu memainkan peranan penting, mungkin perlu dibantu oleh agensi-agensinya kerajaan yang berkenaan untuk menerapkan rasa menghargai terhadap tanah yang mereka miliki dan bukannya disewakan semata-mata kepada orang asing ataupun dijual terus kepada orang lain. Mereka harus digalakkan mengusahakan tanah mereka dan menyedarkan mereka bahawa tanah terbiar yang akhirnya menjadi belukar kalau tidak dijual adalah sumber rezeki yang tidak ternilai jika benar-benar dihargai. Apakah tindakan kerajaan seterusnya dalam usaha menggalakkan rakyat mengusahakan tanah mereka.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana usaha dan kepimpinan yang unggul dalam mentadbirkan negara ini sehingga menjadi terkenal di mata dunia. Saya percaya bahawa walaupun negara kita dan pemimpin-pemimpin negara selalu dikritik oleh kuasa Barat tetapi kita maju ke hadapan kerana acuan kita, cara kita cara Malaysia.

Dengan itu, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2001. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi.

3.15 ptg.

Puan Chew Poh Thoi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ucap terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam perbahasan Belanjawan 2001. Terlebih dahulu saya ingin mengucap terima kasih kepada kerajaan kerana telah membenarkan seseorang isteri yang mahukan taksiran cukai pendapatan ke atas namanya diberi pelepasan suami yang tidak berpendapatan sebanyak RM3,000. Berita baik ini amat dialu-alukan oleh kaum wanita sebab secara langsung ia akan membantu kaum wanita terutamanya mereka yang mengambil tanggungjawab mencari pendapatan untuk keluarga.

Sudah menjadi suatu tradisi di mana suami yang bekerja tungkus lumus untuk menyara hidup sekeluarga. Akan tetapi fenomena tersebut semakin hilang di kalangan masyarakat kita di mana lebih ramai kaum wanita yang bekerja. Keadaan tersebut lebih nyata lagi di bandar-bandar di mana gaji seorang tidak cukup untuk menampung kehidupan sekeluarga. Isteri-isteri turut terpaksa membantu suami menambahkan pendapatan keluarga. Cara membayar cukai sudah lama berdasarkan corak masyarakat di mana keutamaan diberi kepada kaum lelaki. Apabila seseorang wanita sudah berkahwin, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mencantumkan fail pekerjaan seorang wanita di mana fail tersebut akan digabungkan dengan fail suami.

Walaupun assessment boleh diasingkan bagi pasangan suami dan isteri, bagi kaum lelaki yang tidak bekerja isteri yang membayar cukai pada masa dahulunya tidak dapat sebarang pelepasan. Keadaan tersebut agak kurang prihatin terhadap kaum wanita di mana semakin ramai yang menyumbang tenaga mereka di pasaran kerja dan ramai di antara mereka yang berpendapatan tinggi. Pengumuman ini agak sudah lama

dinanti-nantikan oleh kaum wanita dan syabas diucapkan kepada Kementerian Kewangan.

Saya ingin menyeru kepada kerajaan untuk memberi perhatian kepada ibu tunggal di mana kebanyakan mereka terpaksa bekerja untuk menyara kehidupan diri mereka dan juga anak-anak mereka. Jikalau boleh golongan ini harus menikmati pelepasan cukai daripada kerajaan juga bukan senangnya untuk mereka berdikari dan juga membela anak-anak mereka.

Baru-baru ini terdapat ramai wanita asing yang meminta pertolongan daripada Michael Chong di MCA di mana mereka terpaksa berpisah dengan anak-anak mereka apabila permit mereka sampai tempoh dan suami enggan memperbaharainya. Mereka merupakan golongan yang sedang menghadapi krisis dalam perkahwinan atau dalam proses memohon pembubaran perkahwinan mereka sebelum mereka mendapat status penduduk tetap di sini. Setiap kali bila permit yang membenarkan mereka bermastautin di sini sudah sampai tempohnya, nasib mereka dikawal oleh suami.

Ada sesetengah suami akan menggunakan keadaan tersebut untuk mengugut isteri menandatangani dokumen penceraian ataupun mengambil alih hak penjagaan anak dengan begitu senang tanpa menunggu keputusan mahkamah. Ada ibu-ibu terpaksa berpisah dengan anak-anak mereka sebab mereka tidak dibenarkan bermastautin di sini. Keadaan sedemikian bukan satu atau dua kes, tetapi banyak kes. Saya ingin menyeru perhatian kerajaan tentang isu tersebut supaya lebih prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh kaum wanita.

Tidak dapat dinafikan bahawa ada juga pekerja asing yang berkahwin dengan wanita tempatan semata-mata untuk tinggal di Malaysia. Selain daripada itu, langkah dan dasar kerajaan memperbetulkan diskriminasi terhadap kaum wanita baru-baru ini seperti membenarkan para ibu mempunyai hak yang sama dengan suaminya untuk menandatangani dokumen bagi anaknya. Pemberian hak penduduk tetap kepada suami dan isteri intelektual serta anak mereka yang tinggal lebih daripada enam bulan di Malaysia dan lain-lain telah membuktikan suara wanita pada masa ini semakin dipandang berat.

Walau bagaimanapun, saya berharap undang-undang dan polisi yang masih tidak adil terhadap wanita dapat dipindahkan. Pihak HAWA boleh mengumpul dan

menyusun semula semua pendapat dan cadangan yang dikemukakan oleh para wakil wanita untuk diserahkan kepada Kabinet dan para ketua jabatan. Saya juga bercadang ia diterbitkan supaya semua orang yang prihatin terhadap hak asasi wanita dapat mengkaji dan membuat persediaan untuk perbincangan pada sesi hadapan.

Berhubung dengan gangguan seksual di tempat kerja, saya mengucap syabas kepada Kementerian Sumber Manusia kerana mengambil inisiatif mengeluarkan garis panduan dan tata tertib di tempat kerja. Akan tetapi masih banyak pertubuhan wanita dan NGO mendesak kerajaan menggubal satu rang undang-undang untuk menangani masalah gangguan seks di tempat kerja.

Saya harap kerajaan boleh beri pertimbangan terhadap perkara tersebut supaya terdapat satu undang-undang di mana mereka yang ingin mengambil kesempatan wanita dari segi seks boleh diambil tindakan. Ada ramai wanita masih merasa malu untuk meluahkan masalah sedemikian dan ada juga yang menjadi mangsa kepada pegawai atasan mereka dan ini tidak adil sekali bagi mereka yang tidak berani memperjuangkan hak asasi mereka.

Negara kita banyak mengimport makanan dari negara lain. Saya masih ingat, dalam tahun 1997 semasa negara kita dilanda krisis ekonomi, kita dimaklumkan bahawa jumlah nilai import makanan negara kita adalah sebanyak RM10 bilion. Angka ini sebenarnya amat mengejutkan kerana makanan merupakan bahan keperluan di mana setiap orang tidak mempunyai sebarang kecuaiian tetapi perlu makan. Nilai import makanan yang tinggi tidak menjadi sebarang masalah sebelum negara kita dilanda krisis ekonomi. Tetapi apabila nilai mata wang Ringgit telah mengecut, kesannya ketara bila kita belanja lebih banyak untuk makanan.

Dari segi kesan jangka masa panjang suatu perancangan harus dirangka untuk menangani masalah tersebut ataupun sekurang-kurangnya merendahkan nilai import bagi makanan. Negara kita mempunyai banyak lagi tanah lapang ataupun terbiar yang kita boleh majukan untuk pengeluaran makanan. Negeri-negeri seperti Sarawak, Pahang dan Johor mempunyai tanah yang luas untuk tujuan tersebut.

Kementerian Sumber Manusia pernah menyatakan bahawa terdapat pelbagai jenis kekosongan dalam sektor pertanian di mana kekurangan pekerja. Selain daripada sektor pembuatan di mana ia mempunyai kekosongan pekerjaan yang tertinggi seka li

iaitu lebih daripada 60%, sektor pertanian merupakan sektor kedua besar di mana lebih daripada 20% kekosongan kerja adalah dalam sektor ini. Baru-baru ini harga kelapa sangat rendah, tidak sampai 30 sen sebiji kerana terdapat terlalu banyak kelapa di dalam negara kita. Ia juga disebabkan tiada sebarang sekatan terhadap import kelapa. Semasa negara kita kekurangan kelapa tindakan yang segera diambil untuk mengimport daripada Indonesia. Pada masa sekarang apabila harga kelapa terlalu rendah kelapa masih diimport.

Di sini saya mendapati tiada satu agensi kerajaan yang boleh menjalankan kerja memantau status bahan makanan di dalam negara di mana ia boleh mengawal *supply*. Misalnya, jika kekurangan kelapa ia akan membenarkan lebih banyak import dan jika terlalu banyak kelapa di dalam negara, import kelapa boleh dikurangkan. Dengan langkah demikian, pendapatan petani-petani turut dilindungi dan mereka tidak akan terjejas oleh harga yang terlalu rendah.

Saya mencadangkan Kementerian Pertanian menubuhkan satu agensi sedemikian untuk kerja-kerja memantau. Di samping itu, saya mengalu-alukan kerajaan mengambil langkah yang proaktif menggalakkan orang ramai menggunakan tanah-tanah yang terbiar untuk tanaman. Walaupun negara kita telah tidak dikongkong oleh krisis ekonomi, ini tidak bermakna kita biarkan tanah-tanah dilapangkan dan terus mengimport bahan makanan. Langkah-langkah harus diambil untuk mengurangkan nilai import makanan supaya negara kita boleh jadi *self sufficient* dengan izin.

Amerika Syarikat merupakan satu negara yang maju di dalam dunia, ia juga merupakan satu negara pertanian, ia mempunyai banyak pengusaha ladang di mana soya bean, jagung, gandum dan bahan makanan yang lain ditanam secara besar-besaran. Ladang-ladang tersebut menggunakan jentera ataupun helikopter untuk menyembur air, ubat serangga dan sebagainya. Ia bercorak *capital intensive*, dengan izin, dan kurang bergantung kepada *manpower* ataupun pekerja-pekerja.

Tanaman komersial yang berjaya ini telah membantu negara tersebut tidak bergantung kepada negara lain untuk makanan. Pengusaha-pengusaha tersebut juga menikmati pulangan yang baik dengan *economy of scale*, dengan izin. Walaupun ia merupakan negara maju harga makanannya dikawal di mana ia tidak mahal sebab

pengeluaran yang besar-besaran ini menurunkan harga bahan pertanian. Ini juga disebabkan oleh ia tidak bergantung kepada import.

Di negara kita pula, kadangkala bahan makanan tempatan lebih mahal daripada makanan import. Contohnya, sawi ditanam di Indonesia lebih murah daripada sawi ditanam di Cameron Highlands. Pertanian kita tidak minat menanam cili padi dan kebanyakannya diimport daripada Indonesia kerana ia senang diserang oleh serangga dan susah dipetik. Sebuah epal daripada Australia boleh dijual dengan 60 sen tetapi sebiji jambu air tempatan juga berharga 50 sen sebiji.

Kenapa harga buah-buahan tempatan kita begitu mahal? Bolehkah sebarang kajian dijalankan untuk membantu pengusaha-pengusaha buah-buahan mengeluarkan hasilnya secara besar-besaran dan harga yang lebih murah, dengan itu kita juga boleh eksport ke negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kabinet telah mengambil keputusan drastik untuk mengharamkan kesemua pusat permainan video di negara kita. Keputusan ini juga membabitkan pusat-pusat permainan video yang sebelum ini mendapat lesen untuk beroperasi daripada pihak berkuasa. Berikutan dengan pengharaman pusat-pusat permainan video, pihak kerajaan patut menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan bersukan serta kemudahan-kemudahan untuk aktiviti lain yang boleh mengisi masa lapang golongan remaja dengan lebih bermakna. Golongan remaja ini merupakan golongan yang mempunyai tenaga dan masa yang banyak dan mereka perlu mengadakan aktiviti positif demi pembentukan akhlak dan juga mengisi masa lapang mereka. Kemudahan serta latihan tidak seharusnya dikhaskan untuk ahli-ahli sukan sahaja, belia harus didedahkan kepada latihan dan teknik permainan yang betul.

Buat masa sekarang, kemudahan sukan yang senang didapati ialah bola sepak, badminton dan sepak takraw. Kerajaan perlu membina lebih banyak kolam renang, gimnasium serta padang untuk orang ramai dengan percuma atau dengan bayaran yang minimum. Saya mendapati banyak pemaju rumah yang hanya berminat membina rumah tetapi tidak prihatin untuk menyediakan tapak rekreasi yang mencukupi. Untuk mengelakkan belia dan remaja menjauhi gejala-gejala sosial buruk, tapak rekreasi yang mencukupi untuk rakyat amat penting. Di samping itu,

saya juga mendapati kekurangan perpustakaan di kawasan kediaman. Perpustakaan ini tidak semestinya besar. Jika suatu tempat disediakan di mana suasananya sesuai untuk seseorang membaca, saya yakin tentu ramai pelajar dan belia akan turut dapat menikmati kemudahan ini dan secara tidak langsung ia membantu mereka menghindarkan diri daripada dadah, pil ecstasy, bahan bacaan lucah, video game dan sebagainya.

Tidak lama lagi, negara akan memerlukan knowledge workers ataupun pekerja berpengetahuan di mana minat membaca yang dipupuk sejak muda akan menyediakan sumber tenaga sedemikian untuk negara. Jika seseorang yang ingin melawat perpustakaan perlu mengambil masa panjang dalam perjalanannya ke perpustakaan ataupun menunggu bas sampai berjam-jam, saya yakin minat melawati perpustakaan akan hilang. Lebih baik kita adakan perpustakaan ataupun bilik bacaan baik yang kecil, ia masih boleh berfungsi dan mencapai matlamatnya. Langkah-langkah demikian akan memupuk minat membaca di kalangan rakyat yang nampaknya semakin penting dalam era baru. Janganlah mengasuh anak-anak kita dengan rancangan TV ataupun Astro sahaja tanpa membantu mereka menanam minat membaca.

Menyedari kesan negatif yang semakin bertambah buruk akibat pengaruh pil ecstasy dan pusat video, saya berbangga kerajaan telah mengambil langkah serius untuk menangani masalah ini. MCA telah mengorak langkah untuk menimbulkan kesedaran khalayak ramai tentang kesan pil ecstasy dan pusat video ke atas para pemuda-pemudi. Dalam usaha menangani gejala-gejala buruk ini, perancangan teliti perlu dijalankan untuk membantu golongan peniaga yang terlibat dalam pusat-pusat video yang berusaha untuk mencari sumber pendapatan yang lain. Malangnya golongan ini lazimnya tidak mempunyai kemahiran untuk bekerja.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Sumber Manusia dapat mengelolakan kursus latihan untuk golongan ini yang tidak berkelayakan dan tidak berkemahiran agar mereka tidak terjebak semula dalam kegiatan berunsur negatif. Mengikut perangkaan Kementerian Pendidikan, pelajar yang tercicir di peringkat sekolah rendah iaitu di antara tahun 1 dan tahun 6 adalah berjumlah 15,408 orang

manakala pelajar yang tercicir di peringkat sekolah menengah adalah seramai 19,501 orang bagi tempoh masa antara tahun 1995 hingga tahun 2000.

Golongan ini juga boleh diserap untuk menjalani latihan yang disebutkan tadi. Buruh-buruh kasar yang kurang berkemahiran seperti buruh ladang atau pemuda-pemuda yang menganggur juga boleh digalakkan untuk menyertai program seperti ini. Segala usaha ini mungkin dapat meningkatkan produktiviti negara serta mengurangkan masalah sosial negara.

Saya juga ingin sentuh sedikit berkaitan dengan sekolah wawasan. Rancangan Sekolah Wawasan merupakan satu projek yang menarik kerana akan dapat memupuk perpaduan dan persefahaman serta integrasi di kalangan pelajar pelbagai kaum. Namun disebabkan kekurangan maklumat dan penerangan serta tanpa garis panduan yang jelas tentang projek ini timbul banyak kekeliruan di kalangan orang ramai terutama di kalangan kaum Cina. Kebimbangan kaum Cina dalam hal ini adalah berdasarkan sejarah penukaran Sekolah Menengah Aliran Cina kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Dalam garis panduan penukaran tersebut, 1/3 daripada kurikulum sekolah tersebut perlu dilaksanakan dalam Bahasa Cina tetapi terdapatnya sekolah yang tersebut tidak dapat memenuhi keperluan ini.

Kini didapati sekolah tersebut tidak dapat membahagikan masa yang secukupnya untuk kelas Bahasa Cina ataupun dihadkan kepada tiga waktu seminggu sahaja malah kebanyakan sekolah menetapkan masa di luar waktu sekolah untuk kelas Bahasa Cina. Ini menyebabkan kehadiran pelajar untuk kelas Bahasa Cina terjejas. Keadaan ini menimbulkan kegelisahan di kalangan kaum Cina memandangkan kehilangan kepentingan mata pelajaran bahasa ibunda mereka di sekolah-sekolah. Malah terdapat sekolah menengah jenis kebangsaan yang langsung tidak mengadakan kelas Bahasa Cina. Keadaan ini timbul kerana kekurangan tenaga pengajar di mana hanya Universiti Malaya dapat menghasilkan graduan yang berkelayakan dengan kursus khas Bahasa Cina. Memandangkan kepentingan Bahasa Cina dalam dunia perniagaan terutama di rantau Asia, saya berpendapat lebih banyak institusi pengajian tinggi perlu menyediakan kursus Bahasa Cina agar tenaga pengajar yang secukupnya dapat dihasilkan untuk.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf, mohon laluan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya minta laluan, Yang Berhormat. Saya hendak tanya bila Yang Berhormat sebut Bahasa Cina, Bahasa Cina ini, kalau tidak silap saya banyak Bahasanya. Jadi bahasa ibunda Cina ini kalau di Malaysia saya difahamkan bermacam-macam bahasa. Adakah bahasa Mandarin sahaja atau bagaimana? Kalau bahasa Mandarin kita sebut Bahasa Mandarin. Kita minta supaya orang Cina di sini belajar Bahasa Mandarin contohnya. Jadi bukanlah semata-mata untuk orang Cina sahaja tetapi juga untuk seluruh kaum dalam negara kita. Oleh sebab itu saya hendak tahu bahasa bagaimana yang maksud Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih.

Puan Chew Poh Thoi: Terima kasih Yang Berhormat. Bila saya sebut Bahasa Cina itu bermakna Bahasa Mandarinlah sebab di sekolah Bahasa Mandarin sahaja diajar.

Saya ulangi. Saya berpendapat lebih banyak institusi pengajian tinggi perlu menyediakan kursus Bahasa Cina atau Bahasa Mandarin agar tenaga pengajar yang secukupnya dapat dihasilkan untuk berkhidmat di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan.

Berbalik kepada projek sekolah wawasan. Saya menyambut baik projek ini kerana sekolah wawasan akan membentuk satu keluarga berbilang kaum yang berkongsi kemudahan. Pada dasarnya konsep perkongsian kemudahan ini adalah satu konsep yang dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Saya cadangkan supaya pelaksanaan konsep ini dilakukan berdasarkan garis panduan yang dinyatakan dengan jelas. Garis panduan yang jelas akan mengurangkan persengketaan tentang penggunaan kemudahan dan sumber-sumber lain yang disediakan. Guru besar dan kakitangan sekolah wawasan perlu bekerjasama dan bertolak ansur supaya dapat mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul.

Saya juga ingin meminta agar Kementerian Pendidikan akan memberi lebih banyak keterangan dan maklumat supaya kerisauan rakyat dapat ditangani. Sekian ucapan saya dan saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Nosimah Hashim.

3.44 ptg.

Puan Nosimah binti Hashim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang membahas dan sekali gus menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Satu Belanjawan yang telah mengambil kira kepentingan rakyat di setiap lapisan dan dalam pelbagai aspek untuk mengekalkan pembangunan ekonomi negara dan memastikan kesejahteraan rakyat. Tentu sekali juga hasrat Belanjawan yang dibentangkan adalah untuk memastikan rakyat dapat terus menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara dalam sama-sama berkongsi peluang dan menghadapi cabaran alaf baru ini. Kerajaan dalam menyediakan prasarana yang conducive untuk kemajuan rakyat juga dapat dengan penuh rasa tanggungjawab, sikap rasional dan waras dalam perebutan peluang perniagaan dan peluang-peluang lain yang disediakan sebagai percaturan politik berbau perkauman dan perselisihan ideologi dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa matlamat kerajaan untuk dapat terus membangunkan negara tidak akan tercapai jika tidak wujudnya keharmonian dalam negara. Keharmonian pula dalam negara yang berbilang kaum seperti negara ini adalah berteraskan perpaduan yang berpaksikan persefahaman dan tahap toleransi yang tinggi antara kaum. Sebenarnya tidak susah untuk hidup aman dan damai, jika kita semua tidak tamak dan berperikemanusiaan sesama insan. Tiap agama dan kepercayaan mengajar kita hormat menghormati antara satu sama lain, kasihan mengasihani antara satu sama lain dan kasih mengasihani antara satu sama lain tetapi malangnya manusia suka terjerumus kepada kepentingan diri yang lebih tinggi. Justeru itu banyak menimbulkan masalah dan membawa kepada pelbagai perpecahan.

Tuan Yang di-Pertua, perpecahan dapat ditafsirkan dalam pelbagai bentuk dan apa sekalipun bentuknya ianya pasti merugikan kita. Satu contoh trend yang memuncak dewasa ini ialah perbezaan agama antara kaum yang dahulunya sejak merdeka tidak menjadi isu yang dipolitikkan untuk membawa kepada perpecahan dan perasaan perkauman. Tetapi jelas, pilihan raya di Lunas telah mencetuskan satu fenomena baru perpecahan perpaduan rakyat. Memperisaukan agama adalah satu

perkara yang sangat sensitif. Jika tidak dibendung, akan boleh menjadikan negara ini seperti di Bosnia, Karachi, Timor Timur dan ini adalah sangat merbahaya.

Adalah dicadangkan kerajaan mengambil berat peruntukan Perlembagaan Malaysia Perkara 11 yang memberi hak kebebasan beragama. Tiap-tiap agama berhak mentadbirkan agama masing-masing dan Perkara 11(4) yang jelas melarang penyebaran agama lain di kalangan umat Islam. Perlembagaan negara telah menetapkan peruntukan-peruntukan agama yang begitu jelas kepada kita dan terpulanglah kepada kita untuk menghormati undang-undang yang ada.

Saya khuatir jika kita menghormati Perlembagaan negara, negara akan kucar-kacir. Adalah lebih baik tiap-tiap kaum jangan mencampuri hal-ehwal agama kaum yang lain dan mungkin ada juga baiknya kita mengurangkan eraksi hal-ehwal agama. Kita hanya perlu hormat kepada kepercayaan masing-masing dan tinggal di situ sahaja. Biarlah agama tidak dijadikan bahan perbincangan ataupun bahan interaksi antara satu kaum dan kaum yang lain. Ini adalah satu cara untuk mengelakkan perselisihan faham kerana sensitiviti perkara tersebut. Agama rasmi negara ialah agama Islam.

Justeru itu kerajaan perlu menjaga hal-ehwal agama itu sahaja. Kerajaan perlu mematuhi Perlembagaan yang merupakan undang-undang tertinggi negara dan juga merupakan kontrak sosial antara kaum semasa kemerdekaan negara dan pembentukan negara Malaysia. Perpaduan dari aspek agama perlu dipertahankan demi keselamatan negara kerana perpecahan agama di kalangan umat Islam juga satu perkara yang perlu dibendung.

Dalam konteks ini kerajaan perlu meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kemampuan JAKIM untuk mentadbirkan hal-ehwal agama Islam di negara ini. Isu Mahkamah Syariah masih belum dapat diselesaikan, isu murtad dan undang-undang peningkatan akidah masih tidak dapat dikemukakan di Parlimen. Isu gejala sosial di kalangan umat Islam masih lemah. Pentadbiran masjid masih belum dapat ditangani dan begitu juga usaha peningkatan akidah di kalangan umat Islam juga masih banyak yang perlu dilakukan.

Saya mencadangkan JAKIM dikaji semula dari segi fungsi dan pentadbirannya. Wanita perlu diberi peranan yang lebih dalam pengendalian hal-

ehwal agama Islam. Adalah dicadangkan satu majlis penasihat dan perunding wanita Islam diwujudkan di JAKIM dan untuk pengendalian tersebut, satu sekretariat diwujudkan di JAKIM. Perpaduan di negara ini adalah tergugat apabila kumpulan Suqei membawa memorandum tuntutan yang berbau perkauman. Adalah agak menghairankan, mengapakah ada rasa diskriminasi oleh kaum Cina walhal dari segi pencapaian ekonomi mereka menguasai lebih 70% ekonomi negara. Kemewahan hidup kaum Cina jauh berbeza dari kaum lain di negara ini. Sepatutnya tuntutan ini tidak seharusnya timbul sama sekali.

Sekolah wawasan sepatutnya juga seharusnya tidak dipertikaikan jika kaum Cina betul-betul ikhlas mahu hidup aman damai di negara ini. Sekolah wawasan tidak langsung menyentuh hak kaum Cina mempelajari bahasa mereka, ianya hanya berkongsi kawasan sekolah bagi tujuan interaksi dan integrasi kaum. Idea ini adalah terbaik untuk menjamin perpaduan rakyat dan perlu diteruskan.

Saya mencadangkan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menerangkan kepada kaum Cina khasnya betapa pentingnya sekolah wawasan demi masa depan negara. Perpaduan negara perlu juga dilihat daripada aspek bahasa. Bahasa jiwa bangsa. Kita tidak akan dapat mewujudkan satu bangsa yang banggakan negaranya jika kita tidak mempunyai bahasa kebangsaannya sendiri yang digunakannya dengan penuh rasa cinta dan bangga akan ibunda, bahasa yang melambangkan negaranya.

Saya agak kesal kerana ramai yang tidak yakin akan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Sesungguhnya salah satu fakta penyatuan rakyat ialah bahasa rasmi negara. Saya akui bahasa Inggeris penting dan setuju bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua utama tetapi kita harus malu kalau kita tidak menguasai bahasa kita sendiri dan bukan sebaliknya malu kerana tidak tahu bahasa Inggeris

Saya mencadangkan kerajaan supaya mengkaji dengan penuh ikhlas dan serius peranan Bahasa Kebangsaan negara iaitu bahasa Melayu sebagai satu fakta perpaduan rakyat di negara ini. Janganlah kita terlalu terbawa-bawa dengan globalisasi dan sebagainya hingga kita hilang identiti kita sebagai satu bangsa yang berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan negara juga terganggu apabila anggota masyarakat tidak dapat berperanan. Sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab hingga menyebabkan perpecahan institusi keluarga, ketenteraman kehidupan harian dengan masalah-masalah sosial yang mengancam kestabilan sesuatu masyarakat. Permasalahan moral dan sosial di Malaysia sudah semakin bermaharajalela dan serius. Boleh dikatakan bahawa permasalahan ini merupakan pengganggu proses pembinaan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan harmoni. Gejala sosial yang berlaku ini tidak terbatas kepada satu golongan atau peringkat umur tertentu serta darjat kedudukan dalam masyarakat kita hari ini, malah ternyata daripada fakta-fakta yang ada menunjukkan gejala keruntuhan sosial ini berlaku di semua peringkat umur dari kalangan remaja hinggalah kepada kalangan golongan tua, sama ada yang berpelajaran rendah mahupun yang berpelajaran tinggi.

Ia juga melibatkan golongan yang berkedudukan tinggi serta ahli-ahli agama itu sendiri. Kegawatan gejala sosial di kalangan remaja di negara ini telah lali diperkatakan orang, namun begitu, mengapakah kemelut ini masih berterusan. Sudah menjadi lumrah yang muda selalu diberi perhatian dan dipersoalkan. Namun pernahkah gejala sosial yang berlaku di peringkat golongan tua dipersoalkan dan diperbincangkan secara serius. Malahan gejala sosial di kalangan golongan tua juga berada di tahap yang membimbangkan, seolah-olah mereka bersaing dengan golongan remaja untuk membuktikan siapa yang lebih hebat.

Bukankah golongan tua ini menjadi teladan kepada yang muda. Mungkin kita tertanya-tanya, apakah yang dikatakan sebagai gejala sosial di kalangan golongan tua itu. Apakah masalah sosial di kalangan golongan tua ini yang begitu serius. Golongan tua ini sebenarnya merupakan pemimpin ataupun contoh kepada yang muda tetapi kita seolah-olah mereka pula seperti sudu lebih daripada kuah. Masalah gejala sosial di kalangan golongan tua ini sememangnya wujud.

Tuan Yang di-Pertua, kita mungkin terkejut apabila dikatakan golongan tua ini terlibat dengan masalah gejala sosial tetapi itulah hakikatnya yang sebenar. Golongan tua ini turut mengunjung ke pusat-pusat hiburan seperti kelab malam, karaoke, dangdut dan sebagainya, bergelumang dengan maksiat. Bagi membanteras isu ini supaya masalah gejala sosial ini tidak hanya dibebankan sebagai kesalahan remaja

semata-mata, malahan gejala yang ditimbulkan oleh golongan orang-orang yang berumur ini juga harus diberi perhatian yang serius.

Masalah sosial di kalangan golongan tua tidak boleh dipandang sepi kerana mereka merupakan model ataupun idola kepada kalangan golongan muda. Oleh yang demikian, tidak seharusnya mereka ini menjadi model yang tidak berkualiti dan bermoral. Kita sering dengar peristiwa haruan makan anak, dangdut, ajaran sesat, pecah amanah, jenayah kolar putih, perceraian dan sebagainya. Semua ini dikaitkan dengan golongan tua. Adakah kita mahu anak-anak kita mengikut contoh seperti ini.

Fenomena ini berlaku begitu drastik sekali bukan sahaja di bandar tetapi juga berlaku di semua tempat di seluruh negara. Sebagai contoh di kedai-kedai kopi misalnya, golongan tua ini sanggup menghabiskan masa berjam-jam lamanya untuk berbual kosong sambil bermain dam. Sepatutnya masa yang terbuang ini boleh diisi dengan melakukan perkara-perkara yang lebih berfaedah. Tidak kurang juga di bandar, golongan tua suka berkunjung ke kelab-kelab malam, pusat hiburan, dangdut, karaoke dan sebagainya. Di mana hobi mereka ini hanya menghabiskan wang dan masa untuk tujuan yang tidak berfaedah. Segala ini berpunca dari sifat-sifat yang mungkar yakni sifat-sifat yang tidak mempunyai kesedaran diri. Apakah mereka lupa usia sedemikian boleh diibaratkan rumah kata pergi, kubur kata mari.

Begitu juga ancaman sosial ini termasuk kes rogol dan kes

Dato' Haji Mazlan bin Abu: Minta laluan sedikit Yang Berhormat. Tidak boleh tahanlah, tidak boleh tahan. *[Ketawa]* Kita hendak pergi karaoke tidak boleh, dangdut tidak boleh, minum teh pun tidak boleh, main dam pun tidak boleh. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Minum air dalam rumah.

Dato' Haji Mazlan bin Abu: Ha?

Tuan Yang di-Pertua: Minum air dalam rumah.

Dato' Haji Mazlan bin Abu: Oi tidak boleh, tidak boleh. *[Ketawa]* Teh tarik ada dekat luar sahaja. Jadi jangan terlalu lebih sedikitlah. Nanti kalau orang lelaki marah, semua pergi karaoke, lagi susah.

Puan Nosimah binti Hashim: Yang Berhormat, kita perlu bentangkan perkara ini, kita jangan simpan-simpan nanti akan jadi busuk. Kalau kita simpan

perkara ini makin lama makin merebak. Kalau kerajaan tidak kawal, mereka semua, pihak-pihak parti pembangkang semua akan menyalahkan kerajaan sedangkan kita ini asyik mempersalahkan gejala-gejala sosial peringkat muda sahaja tetapi tidak pernah kita memikirkan tentang gejala-gejala sosial peringkat tua kerana peringkat tua rasa saya ramai yang lebih teruk daripada yang muda. *[Ketawa]* Begitu juga ancaman sosial ini.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta laluan sedikitlah, kita bercakap ini mesti berasas kepada fakta. Jadi, kalau kata semua orang tua lebih teruk daripada orang muda ini, saya ini golongan tidaklah tua tetapi dewasa. Jadi, saya hendak tanya, fakta mana yang dapat dek Yang Berhormat ini yang mengatakan, pasal ini Dewan yang mulia ini, kita hendak bercakap mesti ada fakta dan fakta yang mana mengatakan orang tua lebih teruk daripada orang muda.

Puan Nosimah binti Hashim: Saya lihat kita ini bukanlah makna kita menuduhkan orang lelaki dan bukan pula maknanya kita bercakap orang golongan tua bukanlah semua 100% orang yang bersikap demikian. Tetapi kita kena mengatakan bahawa orang tua habis kalau kita hendak membezakan di antara orang muda dengan orang tua tidakkan kita hendak mengatakan orang tua itu orang yang bagaimana.

Jadi, yang saya katakan orang tua bukanlah termasuk semua yang dekat sini, *[Ketawa]* Bukan saya memberi sindiran. Saya tahu semua yang dalam Dewan ini semuanya yang baik-baik, maknanya Yang Berhormat semuanya yang baik-baik, yang sentiasa mesra dengan masyarakat. Jadi, yang saya memperkatakan ini segolongan orang tua, yang saya memperkatakan ada yang mempunyai perangai-perangai yang demikian. Jadi, kita janganlah rasa risau, bak kata orang kalau kita tidak buat jangan kita rasa bimbang. *[Ketawa]*

Begitu juga ancaman sosial ini termasuk kes rogol dan kes pencabulan kehormatan yang kerap mendapat liputan di dada akhbar. Lebih menyayat hati statistik yang menunjukkan bilangan masyarakat Melayu beragama Islam merupakan golongan yang paling ramai terlibat dalam masalah ini. Mengikut kadar pecahan kes rogol tahun 2000 berjumlah 926 kes dan kes mencabul kehormatan tahun 2000 berjumlah 930 kes. Isu sosial sebegini tidak boleh dipandang remeh kerana mereka merupakan pemimpin yang menentukan kesejahteraan masyarakat amnya. Masalah

ini perlu dibendung dengan segera kerana impak yang diterima sudah tentu membawa kehancuran kepada generasi yang akan datang.

Kalau dilihat dalam masyarakat Melayu begitu ramai sekali yang terlibat dalam kancan masalah gejala sosial. Begitu juga dengan masalah perjudian begitu menular sekali, sama juga pakau, lumba kuda, empat nombor ekor dan sebagainya. Ada yang sanggup bertunggu bertangga di meja judi. Juga kalau diperhatikan di kedai nombor ekor berpusu-pusu mereka kejar untuk bertaruh bagi mempertarungkan nasib pada nombor ekor. Golongan ini tidak akan memikirkan apa yang akan terjadi sebaliknya. Malahan mereka sanggup bergadai, bergolok harta benda demi untuk memperjudikan nasib mereka di kancan perjudian tanpa memikirkan di mana ia akan membawa kepada kehancuran rumah tangga.

Adakah sesiapa pernah mempertikaikan secara serius gejala sosial di kalangan golongan tua ini. Tetapi jika kesilapan sedemikian berlaku kepada kalangan remaja ia akan diperbesar-besarkan hingga menangis gegendang telinga mendengarnya. Apabila ianya berlaku kepada golongan tua, sudika h sesiapa menegurnya. *[Ketawa]*

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Saya menunggu saat dan ketika untuk mencelah dan mengambil bahagian di atas tajuk yang begini bersemangat yang bercakap oleh Yang Berhormat Senator Puan Nosimah. Saya bersetuju Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz sebut tentang statistik. Saya hendak lanjutkan, hendak tanya apa definisi golongan tua ini. Kita ada masalah wanita, ada masalah puteri, pemuda, pemudi, pun nampak kelam kabut dia punya definisi. Di mana *line* hendak *draw* ini?

Jadi, satu soalan saya ialah yang tua, yang dok kata salah tua ini, siapa yang tua ini, umur berapa, itu satu. Lagi satu yang hendak tanya ialah saya juga terdengar daripada unsur yang boleh dipercayai, yang saya percaya Yang Berhormat pun tadi bila membahaskan juga mendapat daripada unsur yang boleh dipercayai. Jadi, unsur kita sama, jadi kita samalah. Unsurnya mengatakan bahawa di antara sebab yang kononnya golongan tua dia nampak riak dan hebat dengan aktiviti yang digambarkan oleh Yang Berhormat itu berpunca kepada yang muda juga. *[Ketawa]* Sebab katanya, yang muda ini lebih berminat kepada yang tua sebab yang tua ini berpengalaman katanya. Ah, jadi begitu pula.

Jadi, saya hendak dengar dalam keadaan begini, susah kita hendak sebut siapa sebenarnya yang punca masalah ini. Kadang-kadang ia ada timbal balik di antara satu pihak dan pihak yang lain. Walau bagaimanapun, masalah sosial yang diterangkan tadi, kita terima sebagai penyakit masyarakat. Kita tidak tahu yang mana punca sebenarnya macam dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *a chicken and egg situation*, yang mana yang mula dahulu. Tetapi kalau disebut di antaranya *karaokelah* umpamanya sebab saya peminat *karaoke*, perkataan '*karaoke*' itu sendiri tidak apa, buat di rumah dengan keluarga, okay, tidak ada masalahnya, semuanya okay. Yang hendak jadi tidak elok tentang *karaoke* ini kalau lebih daripada had baru dia jadi k.o. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu untuk mempengerusi Majlis Mesyuarat.

[Tuan Haji Gapar bin Gurrohu *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Jemput Yang Berhormat.

Puan Nosimah bt. Hashim: Terima kasih Yang Berhormat. Definisi yang saya katakan umur tua ini bukanlah umur seperti Yang Berhormat ini dia kira sebagai umur matang. Orang yang sebeginilah yang menjadi trend orang muda sekarang yang minat pada orang begini yang umurnya sedemikian. [Ketawa]

Seorang Ahli: Yang janda.

Puan Nosimah bt. Hashim: Sekarang trend wanita, maknanya remaja-remaja memang berminat kepada yang warga matang. Dia orang kurang minat kepada yang muda. Dia minat yang matang kerana matang ini yang panda i memainkan peranan dalam apa aspek pun dia kata.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Cuba, ah[Ketawa]

Seorang Ahli: Datuk Ghazi punya *market* tinggilah.

Puan Nosimah bt. Hashim: Sebab saya ini pun daripada HAWA. Jadi HAWA maklumlah, kita dengar wanita yang remaja, yang bermasalah macam ini, jadi inilah minat. Itu sebab kadang-kadang banyak yang membimbangkan isteri-isteri apabila remaja-remaja sudah minat, satu trend pada orang-orang yang matang. Jadi, kena berjaga-jagalalah itu. Kita ini.....

Seorang Ahli: Wanita tidak ada, orang tua lelaki sahaja.

Puan Nosimah bt. Hashim: Kita bukan hendak menuding siapa yang benar dan siapa yang salah tetapi kebanyakan dari kita hanya menumpukan siapa yang harus dipersalahkan sehingga masalah ini menjadi barah yang sukar dikawal. Semua pihak seharusnya duduk semeja dalam mencari ubat dan penawar untuk mengubati penyakit berjangkit ini.

Masalah Islam hendaklah saling ingat-mengingati antara satu sama lain. Seandainya orang tua menegur orang muda ianya merupakan nasihat yang baik yang harus diterima oleh kalangan anak muda. Namun seandainya anak muda menegur kalangan yang tua, mahukah mereka menerimanya dengan hati yang terbuka dan ikhlas. Tetapi apa yang lazimnya berlaku sekarang sekiranya ada kalangan muda yang menegur di kalangan yang tua, mereka ini digelar sebagai kurang ajar ataupun menderhaka. Sepatutnya ini adalah tanggungjawab bersama dalam menangani masalah gejala sosial demi untuk negara. Ini sesuai dengan firman Allah S.W.T, “Hendaklah ada di antara kamu golongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada makruf dan mencegah dari yang mungkar”, surah AHImran.

Justeru, langkah pembetulan perlu diambil untuk mengatasinya. Kita hendaklah memperkukuhkan fungsi dan peranan agama dalam membentuk akhlak mulia bagi tujuan menangani gejala sosial ini. Ini adalah berdasarkan kepada kita yang masih lagi mengagungkan pendekatan Barat dan dari ketimuran. Sepatutnya kita wajib menekankan unsur-unsur Islamiah dalam sistem dan strategi kita dalam usaha kita memerangi wabak gejala sosial iaitu sistem pendidikan, perundangan, pelaksanaan dan pengawalan. Satu sistem pendidikan yang komprehensif tidak akan berkesan jika sistem perundangan tidak menggariskan apa yang dilarang dan apa yang disuruh. Pendidikan dan perundangan tidak akan berkesan jika tanpa pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang dari segi kawalan dalaman dan luaran.

Saya ingin menyentuh kepada dua perkara yang saya berpendapat ianya adalah perkara yang perlu direnungi bersama. Pertama, soal perjudian. Sebelum ini masyarakat kita pernah dihantui oleh wabak yang begitu menular sekali. Wabak ini amat digeruni oleh masyarakat kita kerana dikatakan begitu sukar dibe ndung. Perkara ini satu masa dahulu menjadi isu yang sering dipertikaikan iaitu isu perjudian mesin

video. Baru-baru ini tindakan drastik dan tegas yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, menghapuskan lesen video dan mesin judi haram sangat berkesan. Saya begitu berasa bangga atas tindakan Yang Amat Berhormat kerana ianya adalah suatu usaha yang begitu berjaya sekali bagi membendung masalah perjudian mesin video haram.

Syabas kepada kerajaan akan usaha yang begitu berjaya sekali. Siapa kata masalah gejala sosial tidak boleh dibendung. Ianya hanya perlu tindakan drastik dan tegas dalam usaha untuk berjaya dalam apa juga usaha yang dilakukan. Tetapi saya rasa tidak perlu segala tindakan perlu datang daripada pihak yang tertinggi sahaja. Istilah ada berkata, "bapa borek anak rintik", maka janganlah sampai ada kalangan muda ini meniru apa yang dilakukan oleh golongan yang tua.

Sesungguhnya golongan ini adalah merupakan pemimpin yang dicontohi oleh generasi-generasi akan datang. Mereka harus memimpin berdasarkan kepada perspektif Islam yang menegaskan kepimpinan merupakan perkara yang penting bagi melaksanakan dua tanggungjawab yang besar iaitu, untuk memelihara agama dan uruskan siasah dunia. Justeru itu, golongan ini mestilah mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memimpin golongan muda ke arah kesejahteraan. Ibu bapa adalah golongan yang paling penting dan yang paling utama untuk memainkan peranan dalam membentuk peribadi dan moral anak-anak mereka bagi merealisasikan kecemerlangan dan kejayaan di masa hadapan.

Gejala sosial tidak boleh dituding semata-mata di kalangan remaja dan belia tetapi ia perlu juga melibatkan kepada semua golongan. Justeru, adalah wajar satu pelan tindakan dirangka untuk mengatasi masalah ini sebelum ia menjadi barah dalam masyarakat. Bak kata pepatah, 'Kita sentiasa muda untuk melakukan dosa tetapi tidak pernah tua untuk bertaubat'. Allah S.W.T memberi kita usia yang terbatas. Kalau tidak kita penuh dengan amalan-amalan yang soleh kelak kita tidak berpeluang beribadat kepada Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, "ikan sakit dari kepala". Kaedah pengawalan jangkitan penyakit AIDS, HIV baru-baru ini juga saya fikir amat penting untuk diutarakan kerana mengikut kadar penghidap HIV atau AIDS dewasa ini di negara kita khususnya kepada kaum lelaki berada pada tahap yang membimbangkan. Sebanyak

4,200 kes AIDS yang dapat dikesan. 64% daripadanya adalah kaum lelaki, 63.8% daripada kaum lelaki yang menghidap AIDS di Malaysia terdiri daripada kaum lelaki yang berumur dalam lingkungan 20 hingga 39 tahun. Kita semua sedia maklum bahawa AIDS cukup mudah berjangkit dan merebak melalui dua cara iaitu melalui penyalahgunaan dadah secara suntikan dan melalui perhubungan seks tanpa menggunakan alat pelindung.

Apabila semakin ramai wanita yang dijangkiti AIDS dan HIV bermakna bertambah ramailah pula kanak-kanak yang dijangkiti HIV melalui jangkitan ibu kepada bayi. Keadaan ini kalau tidak dibendung adalah tidak mustahil pada suatu hari nanti rakyat di negara kita ini dipenuhi dengan mereka yang sedemikian. Negara kita telah pun mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membendung dan seterusnya untuk mengatasi persoalan ini melalui pelbagai cara, antaranya mengenakan hukuman yang setimpal kepada pengedar-pengedar dadah. Sementara kepada penagih-penagih dadah dimasukkan ke Pusat-pusat Pemulihan Serenti.

Bagaimanapun, langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi persoalan ini masih tidak memadai. Perangkaan menunjukkan jumlah penyakit AIDS, HIV semakin meningkat dari tahun ke tahun. Apabila seorang itu dijangkiti AIDS adalah amat sukar sekali untuk dipulihkan kerana saya difahamkan tidak ada satu jenis ubat pun setakat ini yang benar-benar mampu mengubati penyakit tersebut 100%.

Saya tertarik dengan satu rancangan daripada Jabatan Agama Islam Johor. Baru-baru ini Jabatan Agama Islam Johor merancang untuk mengguna pakai satu peraturan. Kemungkinan mewajibkan pasangan pengantin lelaki Islam menjalani pemeriksaan sebelum dibenarkan mereka berkahwin. Saya juga difahamkan bahawa melalui kaedah ini bukanlah bermakna kita menghalang mereka berkahwin, sebaliknya hanya sekadar hanya untuk memaklumkan status HIV pasangan masing-masing. Ianya lebih merupakan satu langkah berjaga-jaga dan membolehkan mereka yang terbabit dapat membuat persediaan dengan lebih awal bagi mengelakkan jangkitan daripada lelaki kepada wanita, daripada suami kepada isteri, kepada bayi yang dikandungnya.

Cadangan Jabatan Agama Islam Johor untuk mengenakan peraturan kepada pengantin lelaki Islam, menjalani pemeriksaan sebelum mereka dibenarkan berkahwin adalah merupakan satu cadangan yang baik. Saya berpendapat bahawa bukan sahaja pengantin lelaki yang perlu menjalani pemeriksaan, sebaliknya kedua-dua pasangan tersebut, lelaki dan wanita patut menjalani pemeriksaan yang serupa. Di samping itu, elok benar jika pemakaian peraturan ini diperluaskan bukan semata-mata kepada pengantin Islam yang akan berkahwin, sebaliknya dikenakan juga kepada pasangan pengantin yang bukan beragama Islam sebelum mereka mendirikan rumah tangga demi untuk kesejahteraan keluarga dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan asas negara makmur. Fakta-fakta yang menyumbang kepada perpaduan adalah sangat penting seperti “pintalan benang dalam anyaman, kukuh pintalan kukuhlah kainnya, rapuh pintalan, rapuhlah kainnya”. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Jemput Yang Berhormat Senator Dato’ Hamzah bin Zainudin.

4.14 ptg.

Dato’ Hamzah bin Zainudin: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahas rang undang-undang kita yang ada pada hari ini.

Saya bersyukur kerana dilahirkan dalam sebuah negara yang begitu aman, yang begitu maju. Saya juga merasa amat bersyukur kerana dilahirkan dalam tahun di mana Malaysia menikmati kemerdekaan dalam tahun 1957. Sebelum saya meneruskan ini, saya ingin mengucapkan kesyukuran ini kerana, tetapi mungkin juga keliru atas diri saya sendiri apabila mendengar Yang Berhormat Senator Nosimah tadi banyak berbicara tentang golongan muda dan tua. Jadi, saya bersyukur kerana saya beranggapan bahawa diri saya muda kerana dilahirkan dalam zaman kemerdekaan maka sudah tentu oleh kerana negara kita ini masih lagi muda, saya beranggapan diri saya juga muda.

Yang saya rasa sedihnya kepada golongan yang tua. Jadi saya minta maaf di sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah saya minta Kementerian Perpaduan

Negara dan Pembangunan Masyarakat membuat satu takrif kepada tua dan muda supaya tidak ada lagi salah sangka, syak wasangka bila kita sebut tentang golongan tua dan muda. Kita boleh takrifkan melalui umur pun boleh, melalui fizikal pun boleh. Kalau fizikal, kalau orang itu tidak bersetuju, contohnya kalau Datuk Ghazi tidak bersetuju fizikal dia itu kerana kita kata dia tua, dengan adanya hari ini sistem yang begitu canggih, bio engineering yang begitu baik sekali mungkin kita boleh ubah dia daripada tua menjadi muda, jadi dia pun selamat. Kepada orang yang ditakrif tua mengikut hati atau muda mengikut hati maka masing-masing pilihlah hati yang mana. Jadi saya minta kalau boleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini membuat satu takrif dengan jelas kepada kita dalam Dewan supaya tidak ada salah sangka. Saya hendak menyokong ucapan Yang Berhormat Puan Nosimah tadi.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kita yang membentangkan belanjawan yang begitu baik sekali terutamanya ditujukan khas kepada Menteri Kewangan kita Tun Daim sendiri. Wawasan Malaysia Baru Dari Wawasan Strategi kepada Pelaksanaan Strategi. Tiga teras utama Belanjawan 2000 ini merangsang pertumbuhan ekonomi negara, mempertingkatkan daya saing negara, meneruskan agenda masyarakat penyayang. Saya ucapkan syabas. Ketiga-tiga teras utama ini menunjukkan bahawa kerajaan hari ini prihatin kepada keseluruhan ekonomi negara ini, keseluruhan kedudukan rakyat negara ini kepada keseluruhan perkara-perkara yang ada dalam negara ini.

Saya cuma hendak sentuh sedikit apabila tiba sahaja ucapan tentang wang ihsan maka bermacam-macam perkara timbul, bukan hanya dalam Dewan ini tetapi juga dalam Dewan Rakyat dan begitu jugalah di seluruh negara. Saya rasalah, saya minta kepada Menteri Kewangan supaya kalau boleh jelaskan sejelas-jelasnya. Saya kadang-kadang rasa terkilan apabila mendengar jawapan-jawapan daripada Kementerian Kewangan, tidak kiralah sesiapa yang menjelaskannya. Contoh pada baru-baru ini apabila jawapan diberikan daripada Kementerian Kewangan mengatakan ini hak rakyat Terengganu, jadi sebab itu kita pulangkan kepada rakyat. Saya rasa mungkin penjelasan ini boleh dipermainkan, boleh diputarbelitkan. Cerita yang sebenarnya pada pandangan saya biarlah kita terangkan sejelas-jelasnya,

terang yang seterang-terangnya. Royalti minyak itu bukan hak rakyat Terengganu, wang daripada minyak itu bukan hak rakyat Terengganu, itu hak rakyat Malaysia, hak kerajaan Malaysia. Jadi jangan guna perhatikan hak rakyat Terengganu, sebab itu orang Terengganu marah, sebab itu wakil Terengganu marah. Yang sebenarnya mungkin hak kerajaan Malaysia, hak rakyat Malaysia tetapi atas ihsan kerajaan Malaysia kita berikan kepada Terengganu kerana rakyat Terengganu kita beranggapan lebih miskin daripada rakyat lain, sebab itu kita berikan wang ihsan.

Apabila kita hendak beri wang ihsan kepada kerajaan Terengganu sudah tentulah caranya terpulang kepada kita kerajaan yang memerintah, bagaimana caranya. Sebagai contoh, kalau hari ini saya mempunyai wang royalti, diri saya sendiri, saya hendak berikan hadiah kepada sesiapa, contohnya kalau saya hendak beri kepada masyarakat Dungun, sudah tentu haknya bukan hak rakyat Dungun, bukan hak masyarakat Dungun, hak saya. Bagaimana saya hendak beri bukan masalah wakil rakyat Dungun hendak minta dengan saya. Sebab itulah kalau boleh Kementerian Kewangan terangkan duit ini duit siapa, duit Malaysia, duit Malaysia itu siapa, kerajaan Malaysia, hendak beri kepada siapa, beri kepada seluruh rakyat Malaysia, keutamaan diberi kepada rakyat negeri Terengganu. Itu pada pandangan saya. Sebab itulah kadang-kadang kita hendaklah menjelaskan perkara seperti ini untuk rakyat jelata.

Saya hendak menyentuh kepada Kementerian Penerangan....

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Dato', ada yang minta laluan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam fahaman saya negara kita ini negara bersekutu, negara federal. Jadi ada hak negeri dan ada hak federal. Saya ingin minta penjelasan apakah minyak yang menjadi persoalan di Terengganu ini berada di dalam hak negeri atau di dalam hak federal. Sebab setahu saya hak negeri ini sampai 3 batukah....

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: 3 batu nautikal.

Datuk Haji Karim Ghani: 3 batu nautikal dan selepas itu adalah hak federal. Jadi di mana kedudukannya yang sebenar perkara ini. Kalau wang itu hak

federal walau apa sekalipun dikatakan royaltikah, wang ihsankah, itu terpulang kepada federal untuk menentukan macam mana untuk memberikannya. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah maksud saya. Keliru orang sebab tidak ada jelas sampai banyak kali kita terangkan...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Bangun]*

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Nanti dahulu, saya hendak cakap sedikit sahaja, selepas itu saya beri. Ini nanti bangun lagi yang mengatakan hak orang Terengganu, nanti bangun lagi kata hak orang Melaka pun minta, orang Kelantan pun minta, saya wakil Perak, saya pun hendak minta. Sila.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat dalam soal royalti minyak ini adakah Yang Berhormat tahu bahawa di sana ada akta tertentu, Akta Pembangunan Petroleum tahun 1974. Kemudian berlandaskan kepada akta ini dibuat satu perjanjian di antara Petronas dengan kerajaan negeri Terengganu. Dalam perjanjian itu jelas bahawa bayaran royalti itu hendaklah dibayar oleh Petronas kepada kerajaan negeri Terengganu, jelas. Kita tidak payah 'takwil' kata orang, kita tidak payah cari huraian dan tafsiran kerana ayatnya terlalu jelas. Kemudian kita ubah, biasa kalau hendak ubah sesuatu akta ini kita kena luluskan, itu kalau akta. Kalau perjanjian sekurang-kurangnya kalau dua pihak yang membuat perjanjian mestilah kedua-dua pihak itu bersetuju. Kalau ada pihak yang ketiga yang berhasrat hendak membatalkan perjanjian yang telah dibuat oleh kedua pihak maka sebelum ini saya telah berkata sepatutnya kita panggil, kita panggil kerajaan Terengganu. Sebagai Kerajaan Pusat, panggil kerajaan Terengganu, panggil Petronas apa hajat, ini saya boleh bersetuju, rakyat tidak faham, tidak tahu.

Tetapi kalau dipanggil barangkali Kerajaan Terengganu pun kita kata ihsan, dia pun boleh terima. Kita kata royalti pun mungkin lagi dia boleh terima kerana dia macam yang lama. Sebab difahamkan sejak tahun 1978 pembayaran itu dalam semua dokumen yang ada menyebutkan royalti hatta dalam laporan audit pun juga royalti, tidak disebutkan wang ihsan. Wang ihsan saya boleh bersetuju dengan Yang

Berhormat, itu saya punya, saya beri dengan ihsan, itu betul. Ini saya rasa satu persoalan yang penting di sini kita selesaikan.

Saya kadang-kadang, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya dengar ucapan-ucapan bukan hendak meredakan. Pada hal kita boleh duduk, saya mempunyai pendirian dalam sesuatu perkara yang boleh diselesaikan, kita selesaikan dengan duduk berunding. Boleh berunding, Kerajaan Pusat boleh memanggil kerajaan Terengganu. Saya boleh bersetuju juga sebagai sebuah kerajaan negeri dalam semangat federalisma, kenapa tidak panggil, tidak duduk berunding. Kerajaan Pusat kata, saya hendak mengubah ini daripada perkataan 'royalti' kepada 'ihsan'. Kalau dia melibatkan akta dia kena bawa ke Parlimen, bawa ke dalam Dewan Negara ini, kalau melibatkan akta. Hendak ubah satu perkataan dalam akta ini kena bawa ke sini, sini yang boleh meluluskan.

Kalau melibatkan perjanjian, saya katakan dua pihak. Sebab itulah kita orang Islam ini dalam Al-Quran ada disebut persoalan perjanjian ini sangat besar maknanya 'aufu bil af' dalam Al-Quran, pendek sahaja, 'tunaikanlah janji'. Orang Yahudi ini orang kutuk, dunia kutuk kerana dia tidak pernah menunaikan sebarang perjanjian yang dibuat hatta oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Dia tidak pernah menunaikan.

Jadi saya tidak mahulah dalam Dewan yang mulia ini, walaupun saya bukan orang Terengganu, jangan Yang Berhormat sangka saya orang Terengganu. Tetapi kita mahu keadilan dan ada sebab kenapa rakyat Terengganu sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Terengganu tadi. Saya rasa ada sebabnya, sebab daripada kita. Sebagai Kerajaan Pusat, sebagai bapa dia patut menunjukkan akhlak yang baik dalam usaha sama ada hendak membatalkan perjanjian ataupun hendak melakukan sesuatu ke atas pihak-pihak yang membuat perjanjian apa lagi di dalam hal-hal yang melibatkan harta rakyat.

Kalau hendak cerita semua ini, dunia ini hak mutlak, hak mutlak Allah s.w.t. Kita hanya mengurus, mentadbir. Saya mengucapkan terima kasih kerana membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Terengganu ini tetapi saya minta supaya Kerajaan Pusat melihat semula Akta Pembangunan Petroleum 1974, perjanjian 1975, kemudian ada lagi satu perjanjian yang dibuat pada tahun 1978.

Semuanya ini ada kaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh beberapa orang Yang Berhormat sebelum ini. Saya melihat bahawa persoalan ini adalah satu persoalan yang mempunyai perkaitan dengan tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan persoalan perpaduan. Kalau Kerajaan Pusat, pemerintah pusat sudah tidak bersikap orang kata lunak dengan kerajaan-kerajaan negeri yang menjadi salah sebuah daripada negeri yang bersekutu di dalam Kerajaan Pusat itu, saya rasa mana lagi kerajaan yang boleh hendak menunjukkan sikap yang baik, sikap toleransi, sikap supaya menunjukkan perpaduan bukan sahaja kepada rakyat tetapi perpaduan di antara negeri dengan negeri, di antara pusat dengan negeri.

Saya bimbang perpecahan ini akan lebih besar, kerana ini kerajaan dengan kerajaan, bukan parti dengan parti. Sekian.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam ucapan daripada Menteri Kewangan ini jelas muka surat 39 ada tercatat di situ mengatakan, “apa-apa bayaran yang dibuat oleh Petronas adalah berbentuk ihsan sahaja seperti yang diputuskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak”. Sebab itu saya tidak mahu berbicara tentang ini. Yang saya hendak beritahu ini supaya menteri terangkan minyak itu minyak siapa, wang itu wang siapa. Kadang-kadang kalau kita hendak bangkitkan perbincangan tentang akta dari tahun 1975 hingga 1978 kalau tidak bersetuju menteri juga sebut dalam ini [*menunjukkan beberapa keping kertas*], kalau tidak bersetuju bawalah perkara ini ke mahkamah, itu sudah, fullstop. Sebab itulah yang saya hendak terangkan kalau boleh kerajaan Malaysia apa sahaja hendak terang biar secara jelas. Gunakanlah Kementerian Penerangan contohnya, gunakan kementerian ini sebaik mungkin supaya dapat kita wujudkan satu rasa silaturahim di antara kita, di antara kaum, di antara semua rakyat dalam negara kita ini.

Saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat, kadang-kadang kalau kita terasa, kalau orang parti pembangkang sebut perkara-perkara yang menghentak kerajaan, kita berasa hati. Bila saya juga sebut tentang tidak bersetuju dengan beberapa perkara seperti ini, ada Yang Berhormat bangkit, sama. Kalaulah kata hendakkan perpaduan seperti Yang Berhormat kata, saya pun bersetuju sangat beritahu kepada parti-parti pembangkang buat seperti Barisan Nasional selepas habis

sahaja pertandingan, selepas habis sahaja general election, tidak adalah lagi keluar banner seperti ini. Jangan keluarkan banner di merata-rata, mengutuk kerajaan, bercakap tentang parti-parti kerajaan, semuanya ini adalah menunjukkan bahawa sama sahaja. Dia hendak kata kita tidak boleh membuat perpaduan, dia pun sama, dia kata kita tidak ikut Islam, dia pun sama. Sebab itu saya katakan saya bersetuju dalam Dewan seperti ini kita boleh berbincang, dalam Dewan seperti ini kita boleh berbahas. Tetapi yang pentingnya saya hendak sebut kepada Kementerian Penerangan, buat program-program yang boleh menjelaskan sejelas-jelasnya kepada rakyat jelata. Buat cerita-cerita bagaimana Malaysia mendapat kemerdekaan. Selepas Merdeka bagaimana parti-parti ini yang mendukung kerajaan hari ini berjaya membawa kerajaan hari ini seperti yang ada hari ini. Cerita kalau Hollywood buat cerita *Rich and Famous*, kita pun buat. Kita cerita *success story* Rakyat Malaysia Cerita-cerita yang boleh membanggakan kita, yang boleh membanggakan rakyat kita. Buat cerita Datuk Ghazi yang lahir di Jitra, anak kampung hari ini berjaya. Cerita tentang Dato' Aziz bagaimana hari ini dia berjaya. Cerita tentang Tuan Yang di-Pertua sendiri dan lain-lain lagi.

Cerita habis semua *success story* supaya tidak ada lagi walaupun *banner* yang mengatakan perkara-perkara buruk seperti ini boleh dielakkan, boleh diperkecilkan supaya hanya kita tahu segelintir sahaja rakyat dalam negara kita ini yang masih lagi berhati busuk untuk memecahbelahkan kita. Sebab itulah saya minta kalau boleh, buat program-program, Kementerian Penerangan ini, buat cerita-cerita yang baik-baik. Program-program yang baik-baik yang seperti saya sebutkan tadi.

Kadang-kadang bila kita hendak penerangan, ini saya juga teringat tentang jawapan-jawapan yang diberikan oleh wakil-wakil daripada kementerian-kementerian. Bila kita Ahli-ahli Dewan bangun, hendak bertanyakan statistik-statistik, kalau mereka tidak tahu hendak jawab, tidak tahu hendak terangkan, maka jawabannya adalah ini saya minta kerana tidak ada notis, saya minta tangguh, jawab kemudian hari. Ha! terang-terang benda-benda macam inibo kita nampak. Saya hendak tegur ini kerana saya orang baru Tuan Yang di-Pertua, kalau saya sudah lama, mungkin saya sudah faham, tetapi orang baru ini saya minta maaf kalau ianya

terlanjur kata. Kita cakap daripada segi IT. Kita bercakap daripada kecanggihan negara kita.

Mengapa tidak wakil-wakil kerajaan, wakil-wakil kementerian ini bawa *laptop* masing-masing. Pegawai-pegawai kerajaan bawa *laptop* masing-masing. Bila ada sahaja orang bertanya, ada sahaja Ahli Dewan bertanya, ha, petik. Keluar angka-angka yang kita minta. Tanya golongan tua berapa, golongan muda berapa, terus jawab. Tanya takrif tua bagaimana, takrif muda macam mana, terus jawab.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Takrif itu belum siap saya agak.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Mungkin belum siap lah. [*Ketawa*] Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Ini kita bercakap dari segi kecanggihan untuk rakyat jelata, tetapi dalam Dewan sendiri pun saya belum nampak lagi ada yang bawa *laptop*. Saya belum ada lagi nampak yang membawa *note book*. Macam mana hendak cerita? Sebab itulah saya minta Kementerian Kewangan tambahkan lagi, berikan semua wakil-wakil yang datang di sini dengan *laptop* masing-masing. Itu bagi pegawai-pegawai dan wakil-wakil kementerian, Sudah cukup besok, kita bagi pada ahli-ahli Dewan. Setuju ya? Setuju semua ya?

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Kita minta perhatian Kementerian Kewangan. Saya hendak sentuh tentang Kementerian Pendidikan, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini bila kita cerita tentang kementerian-kementerian ini semua, yang penting pada kita, perpaduan. Yang penting pada kita hari ini hendak membetulkan persepsi rakyat jelata. Bukan hanya rakyat jelata dalam negara kita, tetapi seluruh dunia persepsinya agak kabur sedikit tentang negara kita. Seolah-olah kita ini tidak bersatu, kita ini tidak bersama, seolah-olah integrasi kaum yang kita perjuangkan selama ini tidak dapat dicapai. Jadi, sebab itulah dalam perbahasan Belanjawan hari ini, saya hendak sentuh tentang Kementerian Pendidikan.

Kalau kita rasa guru-guru ini tidak cukup dengan rasa simpatinya kepada kerajaan, tidak cukup penerangan tentang kerajaan, kita berikan mereka ini tiap-tiap kali cuti, kita berikan kursus, terangkan kepada mereka. Kalau sudah diberikan, dah cukup, tetapi tidak cukup pengetahuan tentang masalah luar negara, kita pilih mereka ini sekali lagi. Hantar luar negara, hantar ke Myanmar supaya mereka ini belajar. Di

Myanmar itu bagaimana buruk baiknya guru-guru di sekolah-sekolah di sana. Kita hantar ke Cambodia, kita hantar ke Vietnam supaya tidak ada lagi hasut-hasut daripada parti pembangkang ini masuk kepada guru-guru yang ada di negara kita ini. Sebab itu, saya minta kalau boleh Kementerian Pendidikan, kalau boleh tambahkan peluang-peluang supaya guru-guru ini dihantar melalui cuti sambil belajar kah, atau melalui pelajaran Geografi kah dan sebagainya supaya benar-benar belajar bagaimana masyarakat yang ada di sekeliling negara kita ini supaya kita tahu bagaimana masalah yang wujud di kalangan masyarakat yang ada dalam negara-negara sekeliling negara kita ini.

Ini tidak, bila sebut sahaja tentang Sekolah Wawasan, maka guru-guru pun masuk campur. Ha! ini kerajaan sudah tidak betul. Guru-guru sendiri masuk campur ini. Beritahu kepada budak-budak sekolah, kerajaan sudah tidak betul. Hendak buat pula hendak campur-campur sekolah-sekolah. Sekolah Kebangsaan (Cina), Sekolah Kebangsaan (Tamil), Sekolah Kebangsaan disatukan. Sudah tidak betul, guru-guru kata. Sebab mereka tidak tahu masalah yang ada dalam negara-negara jiran kita. Kalau dia pergi ke Cambodia, dia pergi ke Myanmar, dia tahulah masalahnya bagaimana. Perpaduan itu amat mustahak sekali. Sebab itu kita hendak wujudkan satu Sekolah Wawasan ini.

Saya bersetuju sangatlah dengan agenda kerajaan untuk mewujudkan Sekolah Wawasan ini. Sebab saya dengar tadi seperti Yang Berhormat Puan Chew beritahu. Perkaranya senang saja hendak selesai. Kalau kita dengar daripada hujah-hujah kawan kita di Dewan ini, yang pentingnya dia kata supaya orang-orang Cina ini tidak hilang bahasa ibunda mereka. Itu yang utamanya. Yang saya dengar daripada perbincangan mereka ini, yang pentingnya supaya bahasa ibunda mereka ini masih lagi wujud dalam negara kita ini.

Saya rasalah Kerajaan Malaysia tidak langsung memikirkan untuk membuang bahasa ibunda orang-orang Cina. Yang penting kepada Kerajaan Malaysia ialah untuk menyatupadukan kaum melalui sekolah. Sebab itu saya tanya tadi Yang Berhormat Puan Chew, bahasa Cina bahasa apa? Kalau dia kata bahasa Mandarin, jadi maknanya hendak belajar bahasa Mandarin supaya bahasa Mandarin masih lagi wujud dalam negara kita. Kalau itu caranya, saya bersetuju, saya juga menyokong

supaya bahasa Mandarin ini menjadi satu bahasa yang diberi keutamaan bukan hanya kepada orang-orang Cina tetapi seluruh rakyat Malaysia, kita belajar bahasa Mandarin.

Puan Chew Poh Thoi: Minta laluan ya Yang Berhormat. Yang di sekolah itu Tuan Yang di-Pertua, di sekolah Cina, semua bahasa yang diajar di sana bahasa Mandarin. Tidak ada bahasa yang lain. Tidak ada Hokkien kah, Kantonis kah, tidak ada. Bahasa Mandarin saja yang ada di sekolah aliran Cina. Sebab itu, jika saya sebut bahasa Cina, itu memang bahasa Mandarin. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Betullah itu. Bahasa Mandarin lah. Cuma saya hendak jelaskan sahaja. Saya takut nanti tidak betul. Kalau betul bahasa Mandarin hendak diutamakan supaya bahasa Mandarin itu ada, jadi, saya membuat cadangan kepada Kementerian Pendidikan supaya bahasa Mandarin ini diberi keutamaan. Yang pertama bahasa Malaysia, yang kedua bahasa Mandarin, yang ketiga baru bahasa Inggeris, tidak apa. Walaupun Kerajaan Malaysia hari ini menekankan supaya kita belajar bahasa Inggeris, oleh kerana ianya menjadi.....

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya yang tadi bersetuju. Sebenarnya yang terakhir ini dari segi *prioritynya* itu, saya agak kurang bersetuju sebab yang pertama *prioritynya* bahasa Malaysia, yang kedua *prioritynya* patut bahasa Inggeris kerana bahasa Inggeris ini hendak dikaitkan dengan ICT serata dunia ini. Jadi, saya tidak mahu hilang fokus itu dan saya bersetujulah selepas itu, kita semua belajar bahasa Mandarin, saya pun ada kawan orang Cina berbahasa Mandarin. Kalau sepatah dua cakap, pun sudah rasa sedap. Itu saya bersetuju cuma saya hendak tegur sedikit, saya hendak mencelah, saya suka mencelah ini sebab ada peluang tentang *prioritynya* Dato'. Terima kasih

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Ramai yang hendak mencelah.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, juga jangan lupalah bahasa Tamil. [Ketawa] Walaupun empat okaylah. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Jadi, kita jamakkan semua bahasalah selepas itu termasuk bahasa Tamil.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat termasuk Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut *priority* tadi, bahasa Mandarin nombor dua sebab saya hendak tengok, ada Ahli-ahli Dewan ini tidur kah tidak. Rupa-rupanya Datuk Ghazi tidak tidur. Betul, kalau sudah kita hendak tekankan supaya *priority*nya bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan kemudian kita juga jamakkan bahasa Mandarin, bahasa Tamil untuk kegunaan rakyat dalam negara kita.

Jangan kita pertekankan bahasa Mandarin ini semata-mata untuk kaum Cina. Tidak. Bahasa Mandarin ini boleh digunakan untuk seluruh rakyat Malaysia kerana saya fikir daripada segi perniagaan nanti. Kalau lah zaman yang akan datang ini, kita akan menempuh satu cabaran yang begitu kuat sekali, walau bagaimana sekali pun orang Asia masih lagi orang Asia. Jadi, kalau kita boleh *communicate*, kita boleh bertutur dalam bahasa mereka, contohnya kalau kita semua pandai dalam bahasa Mandarin, sudah tentu orang Cina, negara China mahu berkawan dengan kita lebih daripada kawan-kawan yang bukan dari negara Asia.

Jadi, saya bersetuju. Perjuangkan bahasa Mandarin untuk rakyat Malaysia, bukan hanya semata-mata untuk sekolah Cina. Ha! itu maksud saya. Jadi, saya minta Kementerian Pendidikan mengkaji ini supaya dalam sektor atau dalam agenda merapatkan integrasi kaum ini melalui Sekolah Wawasan ini, kita fikirkan masalah ini kerana tadi untuk menyelesaikan masalah tidak mahu ada sekolah wawasan ini, yang saya perhatikanlah, yang saya tinjau, yang saya buat analisa kerana takut bahasa Mandarin ini tidak lagi menjadi bahasa ibunda mereka, terus hilang dalam negara ini. Jadi, kita sayangkan bahasa ibunda Yang Berhormat Tuan Marimuthu, kita sayangkan bahasa ibunda Yang Berhormat Puan Chew tadi, jadi, saya mencadangkan supaya ini juga diambil kira dalam kita menubuhkan sekolah wawasan tadi.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Bila kita sebut tentang pembangunan luar bandar, semalam saya dengar betapa hebatnya Yang Berhormat Dato' Ghazi sahabat saya membahaskan tentang bagaimana canggihnya kementerian ini mengeluarkan *websitenya* yang begitu canggih sekali.

Cuma yang saya hendak sebutlah, dalam satu ucapan Tun Daim hari itu ada sebut bahawa ditekankan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini tentang bekalan elektrik, air, kesihatan, pendidikan dan juga bermacam-macam lagi yang ada untuk orang-orang bandar. Bila kita hendak bagi bekalan elektrik contohnya, saya minta oleh kerana zaman yang canggih ini kita sudah masuk era teknologi tinggi ini, kalau hendak buat bekalan elektrik buat betul-betul, cari bekalan yang boleh menjimatkan tenaga contohnya.

Mungkin hari ini kalau kita gunakan *street lighting* ataupun lampu jalan yang menggunakan *conventional system*, sistem yang lama, sekarang saya dapat tahu sudah ada sistem baru yang diberi nama 'elektronik balas' yang boleh menjimatkan tenaga. Guna yang ini untuk orang-orang di kampung-kampung supaya jimat tenaga. Jangan guna lagi yang lama. Ini pasal orang kampung kita bagi sistem yang lama, di bandar-bandar kita bagi sistem baru. Saya ingat kita tukar. Kalau kita hendak mulakan orang kampung, kita mulakan di kampung dengan sistem baru. Kalau di bandar hendak tukar dengan 'elektronik balas' yang baru, di kampung juga mesti ditukarkan juga dengan 'elektronik balas' yang baru.

Begitu juga dalam kita melahirkan orang-orang kampung yang boleh balik ke bandar, boleh berniaga di bandar, boleh turun ke bandar untuk membuka minda mereka untuk melihat betapa canggihnya negara kita hari ini. Banyak kraf tangandi desa-desa di luar bandar hari ini yang boleh kita bawa ke tengah. Jadi saya ambil peluang ini, saya minta kalau boleh Menteri Pembangunan Luar Bandar fikirkan buat satu pasaran supaya dapat kita pasarkan bahan-bahan, produk-produk dari kampung ini. Kalau dari Sarawak yang masyhurnya pasu. Kalau dari Sabah yang masyhurnya apa Datuk Karim?

Datuk Haji Karim bin Ghani: Banyak. *[Ketawa]*

Dato' Hamzah bin Zainudin: Kalau dari Melaka mungkin cencaluknya. Kalau dari Kelantan mungkin budunya.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Orang Kelantan tidak ada.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Kalau dari Terengganu apalah...

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Songket.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Songketnya, keropok lekornya, macam-macam. Kita pasarkan dalam bandar kita ini kita menjadikan.....

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya laluan sikit, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Boleh.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hamzah tadi sebut berkenaan dengan kraf tangan. Saya tidak tahulah keropok lekor kraf tangan, cencaluk kraf tangan. Saya ingin menasihatkan Yang Berhormat Dato' Hamzah, kraf tangan pada pandangan saya di Malaysia ini tak banyak kerana kita ini *full employment*, dengan izin. Apabila *full employment* tidak banyak tukang-tukang tangan kita yang ingin membuat ukiran untuk dijual.

Jadi saya ingin cadangkan supaya Dato' Hamzah memikir semula supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak payahlah apa yang dicadangkan untuk membuat satu agensi penjualan ataupun *marketing agency*, dengan izin, tidak perlu. Kerana kita dapat lihat banyak yang dilakukan oleh kerajaan *marketing agencies* ini kadangkala kita tidak mengkaji dengan lebih mendalam adakah *marketing agency* ini akan membawa faedah kepada rakyat.

Dan sebelum itu saya hendak sebut kepada Tuan Yang di-Pertua, saya ini baru saya hendak juga mengucapkan menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berkenan melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara dan juga kepada Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga telah memberi saya peluang untuk menjadi Ahli Dewan Negara. Dan di sini saya juga ingin menasihatkan kepada Yang Berhormat Dato' Aziz yang tadi telah menyebutkan bahawa pembangkang apa yang kita lakukan semuanya salah. Lantik Datuk Kayveas salah, lantik Yang Berhormat Tuan Saravanan salah. Saya ingat lantik mereka sahaja tidak salah ini. Kita ini semua salah, kerajaan ini semua salah. Apa yang kita lakukan salah, yang mereka buat semuanya benar. Sekian, terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Dato' Tengku Adnan, sahabat saya. Dia tegur saya supaya tarik balik. Saya tidak mahu tarik balik. Saya hendak bagi tahu saya sebut tadi kraf tangan dan produk-produk kampung. Allah, dengarlah

sikit. [Ketawa]... produk-produk kampung macam cencaluk itu produk kampung. Kraf tangan ini kalau sumpit daripada Sabah itu kraf tangan.

Yang saya hendak kata pasarkan ini mungkin caranya berbeza dengan pandangan sahabat-sahabat saya dalam Dewan ini. Maksud saya ialah kita buat satu contohnya *open market* (market terbuka) di satu tempat dalam bandar kita ini, di Kuala Lumpur ini, supaya bukan hanya untuk orang tempatan tetapi orang luar contohnya buat di KLIA di Sepang. Orang datang kalau masa banyak lagi, sebelum hendak pergi ke hotel singgah mungkin boleh beli kerepek ubikah dan sebagainya bawa balik ke hotel. Dan esok bila hendak balik dia sudah buat, dia sudah buat perancangan buat time table yang bagus supaya ada masa singgah di *open market* kita ini, singgah di tepi jalan mungkin ambil masa satu dua jam sebelum pergi ke airport, fikirkan ini barang yang boleh mereka bawa balik, beli bawa balik. Ini untuk orang-orang kampung. Jadi saya mencadangkanlah perkara-perkara ini dibuat, diberi peluang kepada orang-orang kampung...

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Boleh saya mencelah sedikit.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Boleh.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah berkenaan dengan kraf tangan. Masalahnya, kraf tangan yang jenis mana yang kita ada yang kita boleh pasarkan di KLCC dan sebagainya. Malahan kita sendiri sedia maklum bahawa di dalam negara kita ini yang sah barangkali sejuta rakyat asing yang bekerja dalam negara ini, yang tidak sah iaitu pendatang tanpa izin ini barangkali ada lagi 800,000 ataupun sejuta. Di mana tenaga kerja yang kita perlukan, takkan kita hendak biarkan orang kampung kita ini hanya buat sumpit, buat ukiran-ukiran, takkan tahap orang kampung kita hanya itu sahaja. Sepatutnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar patut memikirkan cara yang lebih baik untuk mereka meningkatkan mata pencarian mereka di luar bandar supaya mereka tidak datang ke bandar. Itu yang lebih baik daripada mengadakan usaha untuk menggalakkan. Cuba kita lihat apa jadi kepada kraftangan Malaysia itu sendiri. Dan kalau kita pergi ke pejabat kraf tangan kita itu sendiri apa yang ada? Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Dato' Hamzah, kalau dapat dipendekkan kita dapat memberi peluang rakan-rakan yang lain.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya akan pendekkan. Cuma saya hendak jelaskan sedikit tentang konsep *open market* ini mungkin rakan-rakan saya silap faham, kalau kita sebut dari segi konsep kraftangan yang ada dalam bandar kita dekat Jalan Bukit Bintang itu mungkin ianya berbeza. Maksud saya, bila kita sebutkan *open market* ini kita gunakannya untuk seluruh rakyat Malaysia dalam negara kita ini, bawa apa sahaja yang mereka boleh jual, bawa di tempat ini dalam market ini supaya dijual produk-produk mereka secara terbuka. Itu maksud saya.

Jadi, bukan saya hendak suruh orang kampung buat sumpit sahaja. Bukan saya hendak suruh orang kampung hendak buat belacan sahaja, tidak. Maksud saya ini diberikan peluang kepada mereka sebab ada kampung-kampung saya, di kampung di negeri Perak itu ramai yang buat kerepek ubi. Dia jual satu bungkus 50 sen, bungkus yang sama. Bila saya jumpa bungkus yang sama di Kuala Lumpur harganya RM3.00. Berapa banyakkah perbezaan harga yang telah pun dibawa daripada kampung ke Kuala Lumpur. Sebab itu saya minta kalau boleh kita buat *open market* ini orang kampung bawa terus ke Kuala Lumpur. Itu maksud saya. Diberikan peluang, saya mintalah.

Oleh kerana hendak memendekkan ini, saya hendak sebut Kementerian Alam Sekitar ini. Bila kita sebut Kementerian Alam Sekitar ini, kita rasa bermacam-macam masalah akan timbul. Pembangunan hendak buat rasa susah. Hendak naikkan bangunan di atas bukit sudah takut. Hendak membuatkan satu *tourist attraction* dalam hutan pun sudah takut kerana dia punya syarat-syarat terlampau sangat menggerunkan kita. Jadi, saya minta Kementerian Alam Sekitar ini kalau boleh mengkaji semula. Contohnya, kita ada di negeri Perak ini satu hutan yang dinamakan Hutan Belum. Belum Forest ini sebenarnya di negara Eropah, di Jerman contohnya, Belum Forest ini adalah satu hutan yang begitu masyhur sekali. Mereka datang ke Belum Forest ini pergi masuk dalam hutan ini untuk membuat kajian dan sebagainya. Jadi, kalau orang negara luar boleh tahu tentang Belum Forest ini, mengapa tidak Kementerian Alam Sekitar ini memberikan satu insentif kepada pengusaha-pengusaha supaya dapat kita buat sedikit pembangunan yang boleh kita tampungkan kepada

orang-orang dari negara luar datang hendak buat kajiankah, hendak buat lawatankah dan sebagainya dalam Belum Forest ini. Sebab itulah saya minta kalau boleh sebagai satu *tourist attraction* dalam negara kita ini.

Kepada Kementerian Belia dan Sukan saya minta kalau boleh, saya hendak sentuh panjang tentang program kepimpinan ini sama seperti yang saya sebutkan dengan guru-guru tadi, kalau bolehlah hantar juga belia-belia ini, bukan banyak sangat. Hantar sahaja pemimpin-pemimpin belia ini ke negara-negara yang berjiranan dengan kita ini. Tidak payah jauh-jauh, tidak payah ke Australia, tidak payah ke Amerika, ke Eropah. Hantar sahaja mereka ke Myanmar, cuti sekolah, cuti universiti satu bulan hantar ke Myanmar, hantar ke Cambodia, hantar ke negara-negara ini supaya mereka buka mata sedikitlah. Celik sedikit mata mereka ini, tengok bagaimana susahnyanya rakyat jelata dalam negara-negara tersebut kalau dibandingkan dengan negara kita supaya kalau adapun tohmahan-tohmahan kalau adapun unsur-unsur yang kurang baik daripada parti pembangkang, hendak *dibrainwash* kan kepada pemimpin-pemimpin masa depan ini, mereka boleh dengan sendirinya tidak menerima unsur-unsur yang kurang baik yang akan dibawa oleh parti-parti pembangkang ini.

Saya juga ingin mengucapkan syabaslah kepada Kementerian Kewangan kerana memperuntukkan RM204 juta kepada Jabatan Agama Islam melalui JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia). Kalau saya dengar daripada parti-parti pembangkang mereka mengatakan bahawa kita harus menitikberatkan tentang pembangunan insan. Kerajaan Malaysia dari dulu hingga sekarang pembangunan insan itulah yang kita titik beratkan. Sebab itu hari ini kita mempunyai pemimpin-pemimpin yang boleh diguna bukan hanya di peringkat negara kita tetapi di seluruh dunia kalau di United Nations pun ada orang kita, ada rakyat Malaysia, kalau di merata-rata dunia ini ada sahaja orang-orang Malaysia yang digunakan pemikiran mereka, kepakaran mereka digunakan kerana kerajaan Malaysia telah pun membuat kajian, telah pun menyelidik sebegitu mendalamnya sehingga membangunkan insan-insan yang sebegini rupa, yang berakhlak tinggi, yang minda terbuka, yang pandai, yang bijak-bijak di seluruh dunia ada orang Malaysia.

Satu lagi tentang Kementerian Dalam Negeri, yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, inilah saya dengar macam-macam tentang fitnah. Baru-baru ini *by-election* di Lunas, bermacam-macam fitnah dibangkitkan, bermacam-macam cerita yang tidak betul dibangkitkan. Kalau sekarang ini sudah ada mesin yang boleh *detect* orang bercakap bohong pun sudah ada, bila kita ambil mesin itu cakap ia tahu cakap bohong ataupun tidak. Hari ini saya mencadangkan supaya kajian dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri, cari mesin yang mana boleh detect orang buat fitnah ini. Nampak gelak, nampak lucu tetapi mungkin satu masa nanti boleh dibuat.

Kalau tidak buat, kita fikirkan bagaimana aktanya kerajaan buat supaya orang takut hendak buat fitnah. Fitnah ini macam-macam boleh buat. Dia boleh kata UMNO pengkhianat agama. Pada saya, ini satu fitnah kerana UMNO tidak pernah mengkhianati agama. Ada orang kata UMNO penghisap darah rakyat. Ini juga satu fitnah kerana pada saya UMNO tidak langsung buat perkara-perkara sebegini rupa. Sebab itulah saya minta Kementerian Dalam Negeri mengkaji sedalam-dalamnya khusus tentang perkara fitnah ini.

Banyak perkara yang timbul disebabkan fitnah-menfitnah di kalangan parti-parti pembangkang kepada kerajaan yang ada hari ini menyebabkan ramai di kalangan rakyat keliru tentang apa yang disampaikan oleh Kerajaan Malaysia hari ini. Sebab itulah saya sokong sangat dengan apa yang disampaikan oleh Datuk Ghazi petang semalam, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini harus dipertingkatkan dan harus diperkukuhkan supaya menjadi satu kementerian yang benar-benar relevan untuk menyatupadukan rakyat di seluruh negara kita hari ini.

Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Dijemput Yang Berhormat Puan Siti Hawa.

5.02 ptg.

Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor: Assalamualaikum warahmatulahi ta'ala wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah mengizinkan saya untuk turut sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2001 yang telah dibentangkan semula oleh Yang Berhormat Tun Daim, Menteri Kewangan Malaysia pada 11 Disember 2000 di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan 2001 yang telah dibentangkan dengan langkah yang gigih bagi membolehkan kerajaan mencapai hasratnya untuk menjadikan sebuah negara maju di abad yang ke-21 dan seterusnya. Lima strategi yang telah digariskan oleh kerajaan dengan mengutamakan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negara, mengenal pasti sektor pertumbuhan baru, meneruskan dasar rangsangan fiskal dan kewangan untuk mendukung pertumbuhan, memperkukuhkan lagi daya saing negara dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Inilah strategi bijak yang diambil oleh kerajaan dan saya yakin kerajaan mampu melaksanakannya lebih-lebih lagi dengan jaminan kerajaan bahawa di antara kelima-lima strategi itu tadi diberi tumpuan khusus kepada teras utama iaitu merangsang pertumbuhan ekonomi negara, melaksanakan inisiatif strategi, mempertingkatkan daya saing negara dan meneruskan agenda masyarakat penyayang. Kesemua agenda ini sekiranya dapat dihayati oleh semua pihak setiap lapisan rakyat terima dengan baik dan bertanggungjawab, insya-Allah, hasrat dan cita-cita negara dan rakyat menjadikan Malaysia sebuah negara maju akan berjaya. Sekalipun menghadapi rintangan halangan oleh kuasa-kuasa besar di dunia, tetapi yang penting, kerajaan dan rakyat sama-sama bercita-cita dan mahu ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, ilmu adalah asas kepada kemajuan satu-satu bangsa. Sewajarnya rakyat diperlengkapkan diri mereka dengan kemahiran-kemahiran baru yang berteknologi tinggi dan keusahawanan yang dinamik dengan mengambil kira sama ada yang tinggal di bandar dan juga luar bandar. Semestinya kerajaan melaksanakan seboleh mungkin bagi mengimbang pendapatan rakyat di luar bandar dengan di bandar tidak mempunyai jurang pendapatan yang jauh berbeza. Masalah petani dan nelayan, walaupun berbagai cara telah kerajaan perkenalkan untuk meningkatkan pendapatan mereka, masih juga kedapatan rata-rata golongan ini miskin dan perlu pembelaan.

Saya merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan kerana masih lagi meneruskan skim subsidi baja padi kepada petani-petani seluruh negara termasuklah negeri Kelantan dan Terengganu. Pewujudan JPP iaitu Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri yang tidak dikuasai oleh pemerintah persekutuan menunjukkan keprihatinan dan keadilan kerajaan terhadap pembangunan menyeluruh kepada semua

rakyat dalam negeri-negeri ini. Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan dapat mempertimbangkan subsidi membajak tanah sawah kepada petani-petani miskin.

Tuan Yang di-Pertua, agenda masyarakat penyayang yang dilaksanakan oleh kerajaan memperlihatkan keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan insan yang juga melibatkan pembangunan rohani dan jasmani. Kedua-dua pembangunan ini adalah menjadi tuntutan dalam pembangunan Islam. Sesungguhnya kefakiran akan membawa kepada kekufuran. Islam mengajar manusia supaya bersyukur. [*Membaca ayat Al-Quran*] Yang bermaksud, “Jika kamu bersyukur, baginya akan ditambah akan nikmatnya. Jika kamu kufur (iaitu ingkar), sesungguhnya azab baginya yang amat pedih”. Inilah janji Tuhan.

Justeru itu, tidak timbul kononnya kerajaan memaksa rakyat supaya bersyukur sedangkan bersyukur dan berterima kasih adalah tuntutan agama dan amalan yang sewajarnya diamalkan oleh semua pihak. Kebaikan kerajaan terhadap kebajikan kakitangan awam senantiasa diberi perhatian yang berterusan, sekalipun dalam era kecanggihan, pemodenan dan zaman teknologi, kelemahan-kelemahan masih terdapat di mana-mana agensi kerajaan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin semalam sepatutnya tidak berlaku lagi.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon juga mencadangkan kepada kerajaan agar pemberian bonus yang telah mula diberikan oleh kerajaan selama ini diteruskan memandangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara yang kita yakin kerajaan mampu melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakan-rakan saya banyak lagi yang ingin menyampaikan ucapannya pada petang ini, saya memberi peluang kepada rakan-rakan saya dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Datuk William Lau.

5.07 ptg.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya membahaskan Belanjawan 2001 serta rang undang-undang.

Pertama, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin di atas pembentangan belanjawan yang lengkap dan all round budget, dengan izin. Saya ada beberapa isu-isu yang saya ingin bangkitkan tetapi masa tidak sesuai. Saya akan pendekkan ucapan saya.

Pertama, saya ingin merujuk muka surat 26 ucapan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin di mana dia cakap, “Sebagai sebuah negara terbuka yang banyak bergantung kepada perdagangan luar, kita perlu meningkatkan keupayaan perkapalan negara. Dalam hubungan ini, saya mencadangkan Tabung Perkapalan Negara ditambahkan sebanyak RM1 bilion lagi daripada RM1.1 bilion yang telah digunakan sepenuhnya”.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin komen di sini berhubung perkara ini, saya ingin merujuk kepada cadangan itu dan saya ingin ucap tahniah kepada Kementerian Kewangan. Cadangan ini amat dialu-alukan dan ianya mendapat perhatian yang sewajarnya. Di samping ia boleh menggalakkan kita ke arah mencapai Wawasan 2020, tabung ini juga sangat bermanfaat kepada syarikat perkapalan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah berlaku ialah walaupun Tabung Perkapalan Negara itu ditubuhkan sejak tahun 1992 dan bayaran dibuat melalui Bank Negara dan institusi kewangan terpilih, namun adalah sukar bagi syarikat perkapalan memperolehi pinjaman dari tabung ini. Di antara sebab-sebab ialah pihak bank tidak bercadang untuk memberikan pinjaman bagi tujuan perkapalan dengan anggapan bahawa kapal adalah merupakan aset yang berkarat dan tidak selamat untuk tujuan cagaran atau jaminan bagi pinjaman yang diberikan. Tanggapan begini mestilah diubah sekiranya Malaysia ingin bersaing dalam industri perkapalan.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengimbas semula gesaan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik kepada Bank Negara supaya mengarahkan institusi kewangan tempatan melayani permohonan pinjaman dari syarikat perkapalan walaupun terdapat keraguan yang tidak berasas. Sehubungan dengan ini, saya meminta kerajaan supaya mempertimbangkan untuk mengubah peruntukan sebanyak RM1 bilion itu sebagai tabung pusingan (revolving fund), dengan izin, yang boleh diganti apabila telah digunakan. Dengan cara ini, institusi kewangan yang dipertanggungjawabkan untuk

memberikan pinjaman boleh terus mengeluarkan pinjaman selepas tabung digunakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perkara yang saya ingin membangkitkan dan ingin menarik perhatian Ahli Dewan yang mulia ini terhadap masalah yang berkaitan dengan penyakit yang disebabkan oleh kapal-kapal yang mana lebih dikenali sebagai dengan izin, *shipping indiseases*.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada seriusnya penyakit-penyakit yang menimpa manusia atau *human disease*, dengan izin, yang tersebar ke serata dunia melalui tangki-tangki ballast kapal atau *ballast tank of ship*, dengan izin. Saya ingin mengetahui daripada ketua-ketua Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kesihatan sama ada langkah-langkah yang wajar telah diambil untuk menangani masalah ini. Semenjak kurun ke-19, air ballast telah dan masih digunakan di dalam kapal untuk tujuan mengimbangkan kapal-kapal. Kandungan air di dalam ballast dikeluarkan atau diganti di pelabuhan-pelabuhan di mana kapal itu berlabuh atau ketika dalam pelayaran. Kesannya ialah berbilion tan air ballast telah dibuang ke dalam laut setiap tahun.

Berdasarkan kajian yang dibuat di Amerika, berbilion kuman mikro termasuk kuman taun tank telah dikesan di dalam air ballast kapal-kapal. Kapal-kapal dagang yang membawa tangki-tangki ballast dari luar negara yang berlabuh di pelabuhan kita didapati membawa sejumlah besar organisma punca penyakit yang mengakibatkan banyak serangan biologi (*biological inversion*), dengan izin. Setiap liter air ballast mengandungi berbilion bakteria dan tujuh bilion virus yang seumpamanya. Kesihatan penduduk di negara ini mungkin akan terjejas memandangkan pelabuhan-pelabuhan di negara ini sering dikunjungi kapal-kapal dagang dari negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara ini sangat serius, saya berharap pihak kementerian yang berkenaan akan berusaha sedaya-upaya untuk menangani masalah ini serta memastikan supaya peruntukan yang mencukupi diberikan bagi tujuan mengkaji dan meneliti masalah yang kian mengancam negara kita yang dibawa oleh kapal-kapal yang singgah di pelabuhan kita atau yang lalu-lalang di perairan kita.

Ada satu isu saya akan bangkitkan di sini tentang Jabatan Peguam Negara dan Badan Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Ahli Dewan yang mulia ini mengenai peruntukan di Bawah B.10 iaitu peruntukan kepada Jabatan Peguam Negara yang berjumlah RM34,571.100 juta. Daripada peruntukan ini saya tertarik untuk mengutarakan dua isu seperti berikut, gaji Timbalan Pendakwaraya. Seperti yang pernah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini gaji dan kemudahan untuk Timbalan Pendakwaraya di Jabatan Peguam Negara adalah tidak berpatutan dengan kedudukan dan kuasa yang mereka miliki. Peranan Timbalan Pendakwaraya adalah *significant* dan bertambah berat namun berdasarkan maklumat-maklumat yang saya perolehi mereka ini dikelaskan sama seperti anggota perkhidmatan awam yang lain misalnya guru sekolah. Saya tidaklah bermaksud tugas guru sekolah adalah tidak penting tetapi kita tidak harus hilang punca bahawa Timbalan Pendakwaraya sebenarnya adalah memikul dua tugas berat iaitu memelihara undang-undang dan menjamin keadilan. Apa yang saya katakan ini adalah terpakai juga kepada skim gaji bagi Majistret dan hakim Mahkamah Sesyen. Kebajikan mereka juga adalah perlu diberikan pertimbangan sewajarnya memandangkan peranan dan tanggungjawab yang dimainkan mereka adalah berat dan penting kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak terdapat pun Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) diperuntukkan kepada hakim Mahkamah Sesyen sesuai dengan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai hakim kanan di sesebuah negeri. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kerajaan ingin menarik minat mereka yang benar-benar layak untuk berkhidmat dalam perkhidmatan ini sama ada sebagai Timbalan Pendakwaraya, Majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen adalah perlu suatu kajian berkesan skim gaji mereka dibuat. Hanya baru kelmarin rakan saya Yang Berhormat telah menentukan tentang tugas yang perlu dilakukan oleh seorang majistret dalam pembicaraan kes rogol. Saya ulangi keprihatinan dan komen yang diberikan oleh beliau tersebut dan saya berharap pihak yang bertanggungjawab mengambil perhatian yang sewajarnya tentang perkara ini.

Isu akhir, status Yang Berhormat Peguam Negara dan empat jawatan utama badan kehakiman. Isu kedua ini adalah menyentuh status Peguam Negara Malaysia. Peguam Negara di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan termasuk untuk memulakan, menjalankan atau menghentikan apa-apa *proceeding* bagi sesuatu

kesalahan. Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bahawa Yang Berhormat Peguam Negara Malaysia telah menggunakan kereta Perdana *Executive* dan kelayakan ini tidak mustahil akan terpakai juga kepada empat jawatan utama badan kehakiman yang selama ini dibekalkan dengan kereta *Mercedes Benz* sebagai kereta rasmi mereka. Di beberapa negeri Tuan Yang di-Pertua, menteri muda dan setiausaha tetap kepada pelbagai kementerian pun diperuntukkan sekurang-kurangnya kereta *Mercedes 320*. Mereka hanyalah bertaraf menteri muda atau setiausaha tetap sahaja tetapi apabila menghadiri majlis rasmi atau sebagainya mereka menggunakan *Mercedes Benz* yang digunakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud untuk merendah-rendahkan kereta kebangsaan kita. Saya amat berbangga dengan kejayaan Proton tetapi saya ingin katakan di sini adalah dari kaca mata orang ramai dan dari kaca mata pengguna jalan raya, mereka akan melihat Yang Berbahagia Peguam Negara, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara dan lain-lain dari sudut yang berbeza. Jika kuasa, penghormatan dan kemuliaan Yang Berbahagia Peguam Negara dan empat jawatan utama badan kehakiman ingin dikekalkan saya mencadangkan kerajaan patut memperuntukkan bahawa kereta rasmi bagi mereka ini ditetapkan kepada *Mercedes 320*.

Saya juga tidak menyedari bahawa sesetengah menteri Persekutuan telah pun dibekalkan dengan kereta Proton Perdana *Executive* sebagai kereta rasmi mereka. Tuan Yang di-Pertua, perbezaan di antara menteri-menteri Persekutuan dan Yang Berbahagia Peguam Negara dan empat jawatan utama badan kehakiman ialah mereka ini telah diberikan tanggungjawab yang besar iaitu memelihara undang-undang dan menjamin keadilan. Oleh itu mereka ini haruslah diberikan kedudukan yang istimewa untuk menjamin keyakinan, penghormatan dan yang lebih penting lagi ialah mempunyai wibawa dalam institusi yang mereka wakulkan.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah amat penting dan saya berharap agar kementerian yang bertanggungjawab akan mengambil perhatian.....

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Datuk, ada yang minta laluan, Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: [*Pembesar suara tidak berfungsi*] Yang Berhormat kata isu-isu ini amat penting, jadi saya kena bangun. Saya ingat tadi dia

sentuh sebagai bahan untuk dia bercakap tetapi dia kata amat penting, saya kena respon sikit. Sebenarnya inilah satu cabaran persepsi pemikiran kita. Pada saya, saya mengakui kedudukan jawatan tertinggi hakim ini tinggi tetapi kalau kita melihat Perdana Menteri sendiri memakai Proton, persepsinya ialah ertinya kereta itu ada taraf dan Perdana Menteri pun layak menggunakan Proton, sama juga dengan jemaah menteri. Semua sudah begitu. Jadi kalau kita masih terkongkong dengan pemikiran dahulu, dahulu memanglah kita ukur orang bawa kereta S-Class dan sebagainya. Kita tidak boleh hendak salah orang yang pakai S-Class tetapi maksud saya, bila kita berdebat tentang kedudukan dalam perjawatan kerajaan saya rasa saya masih belum mendapat keyakinan penuh mengikut rasional dan perbahasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang hendak bezakan jemaah menteri pakai Proton *Executive* kemudian para hakim kena pakai *Mercedes S-Class*. Ini saya tidak nampak dia punya rasional sebenarnya lebih-lebih lagi bila Yang Berhormat menyebut kata ini amat penting. Saya rasa ia patut *status quo*. Sebenarnya ada setengah saya tahu hakim ini tunggu lama, tidak hendak lepas *Mercedes* dia. It's just mental sebenarnya. Itu sahajalah saya hendak komen sikit, masa pun tidak ada, itu sahajalah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Ghazi, rakan saya. Saya memang setuju, baguslah semua menteri diberi *Mercedes Benz* tetapi ada perbezaan dari segi untuk Peguam Negara dan Hakim Besar sebab itulah setiap orang mesti diberikan penghormatan sebab *you have to bring some sense of dignity to this people*, dengan izin. Kalau tidak, macam mana kita dapat *command respect and fear for an institution that you need them to uphold the two pillars of justice. Number one, preservation of order; number two, administration justice*. Itulah, saya pun tidak mahu masuk bicara dengan kawan saya sebab memang masa tidak sesuai, mungkin di masa akan datang saya memang berminat untuk berbincang dengan rakan saya tentang isu-isu di sini.

Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong Rang undang-undang Perbekalan 2001.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ya, Datuk Nor Azah. Lima minit sahaja, kita kena habiskan dalam masa....

5.25 ptg.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2001 ini. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, pembentangan rang undang-undang ini bukan sahaja merupakan belanjawan yang pertama bagi abad yang ke-21 malahan juga merupakan titik permulaan bagi Rancangan Malaysia Kelapan dan juga Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga. Dengan itu belanjawan ini akan menyediakan landasan kukuh bagi melaksanakan rancangan strategik ke arah Wawasan 2020. Ia juga telah mengambil kira gelombang perubahan yang besar di dalam dunia global yang menuju ke arah globalisasi, liberalisasi dan pemisahan digital dan peri mustahaknya asas ekonomi kita menjadi mantap dan kukuh dalam melayari era alaf baru yang sangat mencabar dan menggerunkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sementara Belanjawan 2001 ini berteraskan kegiatan beberapa sektor pertumbuhan baru yang akan mencorakkan ekonomi di abad ke 21, saya ucapkan syabas kepada pihak kerajaan apabila melihat isu-isu *fundamental* dengan izin atau asas diberikan perhatian yang sama pentingnya agar visi dan misi negara kita akan tercapai.

Pertama, penyediaan kemudahan asas bagi meningkatkan kemudahan masyarakat luar bandar sejumlah RM3.08 bilion diperuntukkan untuk melaksanakan projek-projek bekalan air, bekalan elektrik dan jalan luar bandar di seluruh negara yang akan memanfaatkan 200,000 orang untuk elektrik dan 360,000 orang untuk bekalan air bersih. Ingin saya cadangkan di sini agar dalam pemberian pembekalan air dan elektrik tersebut kerajaan harus mengambil kira bukan sahaja keperluan semasa tetapi juga keperluan masa hadapan yang sentiasa meningkat. Umpamanya dari segi bekalan elektrik, didapati teknologi dalam membekalkan kemudahan elektrik masa kini tidak dapat mengisi keperluan elektrik untuk kegunaan seperti komputer. Bercakap tentang kemudahan luar bandar, saya percaya adalah menjadi tujuan kerajaan untuk memberi perkhidmatan air bersih atau *treated water* dengan izin dan juga bekalan elektrik 24 jam bagi seluruh 100% rakyat Malaysia. Jika kita lihat dalam Belanjawan tersebut, hanya 0.75% sahaja daripada lebih RM90 bilion yang diperuntukkan akan dibelanjakan untuk kemudahan elektrik dan air. Ini menunjukkan

bahawa pihak kerajaan telah membekalkan kemudahan tersebut kepada hampir seluruh negara. Mungkin daerah pedalaman yang jauh sahaja yang masih memerlukan dan adalah disarankan agar kemudahan asas ini dapat disediakan 100% dalam dua tiga tahun ini agar dapat menyediakan negara kita ke tahap status negara maju seperti dirancang dalam tahun 2020.

Tentang jalan-jalan luar bandar pula, saya berharap pihak kerajaan menilai semula tentang aspek dan polisi jalan-jalan luar bandar. Biarlah jalan-jalan luar bandar yang dibina betul-betul *functional* dan *practical*. Untuk ini saya cadangkan agar jalan-jalan luar bandar dibina supaya diberi keselesaan kepada pengguna di mana ianya dibina dengan lebar ukuran sekurang-kurangnya 16 hingga 18 kaki supaya dua kereta boleh berselisih serentak tanpa kesulitan. Kedua, jalan-jalan tersebut hendaklah dibina mengikut piawaian kejuruteraan dan memberi kelegaan kepada pengguna jalan untuk mengurangkan kemalangan dan ketiga pembinaan haruslah mengikut spesifikasi yang ditetapkan supaya tidak cepat rosak.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Datuk Nor Azah, oleh kerana masa tidak mengizinkan dan perkara ini kita tidak akan bawa pada hari esok. Hari esok, giliran menteri-menteri akan menjawab dan saya harap Datuk ada masa itulah sahaja tadi yang sempat, minta maaf.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana masa telah cukup maka Dewan ini ditangguhkan hingga pada hari esok, hari Khamis 14 Disember, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang

11 November 2000

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,
S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T.
(Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)

“ Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)

“ Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)

“ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Tibok-Vanhouten (Sabah)
- “ Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- ” Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk M. Kayveas (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)

- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)

- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- " Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelan tan)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor (Dilantik)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Jilid II

Bil. 26

Rabu

13 Disember 2000

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH

(Halaman 1)

PENUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Mengalualu Ahli Baru

(Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

DN.13.12.2000

128

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2001

(Halaman 27)